

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 13)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u>	
Maksud B. 26	(Halaman 14)
Maksud B. 29	(Halaman 55)
Maksud B. 33	(Halaman 84)
Maksud B. 48	(Halaman 92)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2001 <u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.26	(Halaman 14)
Maksud P.28	(Halaman 55)
Maksud P.33	(Halaman 84)
Maksud P.42	(Halaman 92)
Maksud P.47	(Halaman 92)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Dr. Effendi Norwawi S.I.M.P, P.G.B.K, D.P.M.S, J.S.M, J.B.S, K.M.N, P.P.B (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)

- Yang Berhormat Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P. N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- " Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- " Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- " Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- " Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- " Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- " Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- " Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- " Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- " Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- " Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- " Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- " Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- " Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- " Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- " Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- " Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- " Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- " Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- " Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shannon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)

Yang Berhormat Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 18 Oktober 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan kemajuan pindahan teknologi (*transfer of technology*) dalam sektor perkilangan dalam negara

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kemajuan pemindahan teknologi dalam sektor perkilangan negara adalah memuaskan. Industri tempatan telah berupaya menguruskan operasi perkilangan dengan penggunaan teknologi moden terutamanya dalam sektor elektrik dan elektronik.

Bagi tempoh tahun 1995 hingga bulan Ogos 2001, sejumlah 779 perjanjian pemindahan teknologi telah diluluskan oleh kerajaan. Kebanyakan perjanjian ini tertumpu dalam bentuk bantuan teknikal dengan 429 perjanjian iaitu 55% perjanjian, perolehan lesen dan paten; 172 perjanjian iaitu 22% dan cap dagang, dengan izin, trade mark 74 perjanjian iaitu 94%.

Daripada keseluruhan perjanjian yang ditandatangani industri elektrik dan elektronik mencatat bilangan tertinggi dengan jumlah 298 perjanjian iaitu 38.2% diikuti dengan industri kimia dan barangan kimia dengan 113 atau 14.5 perjanjian dan 98 perjanjian iaitu 12.6% bagi industri peralatan pengangkutan. Sebahagian besar perjanjian ini adalah di antara pengilang tempatan dengan penyedia teknologi dari negara Jepun iaitu sebanyak 443 perjanjian, Amerika Syarikat 120 perjanjian dan German 57 perjanjian.

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan teknologi juga berlaku melalui projek-projek penyelidikan dan pembangunan. Pemindahan teknologi ini berlaku apabila pekerja tempatan diberi latihan dalam bidang teknologi dan R&D yang berkenaan. Begitu juga dengan pelaksanaan projek-projek berteknologi tinggi yang melibatkan pemindahan teknologi khususnya projek-projek yang melibatkan dengan izin, *new and emerging technology* seperti bahan termaju bio-teknologi dan teknologi vaksin.

Sesungguhnya pemindahan teknologi telah banyak memberi manfaat kepada pembangunan untuk sektor perindustrian negara. Selain daripada itu pemindahan teknologi ini juga telah berjaya melahirkan ramai tenaga kerja tempatan yang berkemahiran. Walau bagaimanapun, pemindahan teknologi merupakan satu proses yang dinamik dan sektor perkilangan tempatan perlu sedia mempelajari serta menyerap pengetahuan terkini untuk meningkatkan lagi keupayaan teknologi dan daya saing. Sekian, terima kasih.

Puan P. Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Setiausaha Parlimen atas jawapan Dato' tadi. Tadi kami diberitahu bahawa negara-negara yang sanggup memindahkan teknologi adalah Jepun diikuti dengan Amerika Syarikat dan Germany.

Sering kali kami dengar bahawa jenis teknologi yang syarikat-syarikat sanggup memindahkan adalah jenis yang tidak begitu kritikal memandangkan bahawa *survival* ataupun dengan izin, *competitive edge* sesuatu syarikat adalah berdasarkan kepada teknologi.

Jadi, adakah kita mempunyai satu mekanisme untuk memantau bahawa teknologi yang dipindahkan adalah setaraf dan tepat pada masanya dan sesuai untuk negara kita? Bagaimana kita dapat memastikan bahawa dalam satu jangka masa teknologi ini akan berlaku. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengatakan teknologi yang dipindahkan adalah pada tahap yang rendah. Sebenarnya segala perjanjian pemindahan teknologi perlu dapat persetujuan dan diluluskan oleh MIDA dan MIDA sentiasa memantau segala proses dan segala perjanjian pemindahan teknologi yang ditandatangani oleh syarikat swasta yang dilesenkan oleh MIDA dan juga dengan MNC.

Pada hakikatnya barangan Malaysia yang dikeluarkan oleh syarikat Malaysia masih dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Ini adalah bukti bahawa syarikat Malaysia ini mempunyai keupayaan teknologi dalam peringkat antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Dato' Goh Siow Huat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apa bentuk insentif yang telah diberi oleh MITI untuk menggalakkan pembangunan industri yang berteknologi tinggi? Sekian, terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan insentif fizikal dan bukan fizikal untuk menggalakkan pembangunan projek-projek yang berteknologi tinggi dan juga yang menggunakan *new and emerging technology*, dengan izin. Sehingga bulan Ogos 2001 kerajaan telah meluluskan insentif cukai dalam bentuk tarif perintis dan elaun cukai pelaburan kepada 78 projek perkilangan berteknologi tinggi dengan melibatkan modal pelaburan berjumlah RM4,580 juta dan anggota kerja seramai 21,460. Sebanyak 54 iaitu 96% daripada projek berteknologi ini adalah dalam sektor elektrik dan elektronik. Sekian, terima kasih.

2. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Pertahanan menyatakan rancangan kerajaan untuk membeli kapal selam, jenisnya dan negara manakah yang telah membuat tawaran untuk membekalkan kapal selam tersebut dan sejauh manakah latihan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai tentera laut bagi mengendalikan kapal selam tersebut.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Parit, Batang Lupar, Sri Aman, Rompin, Kuala Krai dan Kubang Kerian memandangkan isu yang dibangkitkan adalah sama dan berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Tentera Laut Diraja Malaysia masih belum lagi memiliki kapal selam. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memutuskan pembelian kapal selam bagi TLDM dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk makluman, Kementerian Pertahanan merancang untuk membeli dua buah kapal selam baru dan dua buah kapal selam terpakai yang akan digunakan untuk tujuan latihan. Keputusan perolehan kapal selam ini dibuat adalah bertujuan untuk memperengkap Angkatan Laut Negara dengan keupayaan pertahanan di bawah permukaan air.

Program ini sebenarnya adalah merupakan sebahagian daripada proses pemodenan dalam melengkapkan sistem pertahanan sedia ada. Langkah ini dibuat adalah untuk memastikan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia setanding dengan negara-negara lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perbincangan ke atas rancangan perolehan kapal selam ini sedang berjalan dan keputusan muktamad masih belum lagi dibuat pada masa ini. Oleh yang demikian, kerajaan masih belum dapat menentukan lagi jenis kos sebenar pembiayaan dan negara pembuat kapal selam berkenaan sehingga kini.

Bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit mengenai kedudukan kapal selam lama terpakai yang berada di Lumut sebenarnya bukanlah berada di Pangkalan TLDM Lumut sebaliknya berada di Dermaga PSC NDSB yang terletak berdekatan dengan Pangkalan TLDM berkenaan. Saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini tidak ada rancangan untuk membeli kapal selam berkenaan daripada pemiliknya.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Sungai Benut mengenai aspek latihan, saya ingin memaklumkan bahawa setakat ini TLDM telah menghantar beberapa pegawai dan anggota TLDM bagi mengikuti kursus asas kapal selam di beberapa negara seperti di Perancis, Australia, Itali dan Pakistan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas keputusan bijak yang dibuat oleh kementerian berhubung dengan untuk Malaysia memiliki kapal selam tersebut kerana soal keselamatan adalah soal yang perlu kita fikirkan kerana kebelakangan ini banyak berlaku masalah ancaman daripada pihak luar seperti mana berlaku di Sabah iaitu masalah pencerobohan dan kumpulan lanun Abu Sayyaf.

Jadi, saya ingin tahu adakah dengan keupayaan yang kita ada dijangkakan akan dapat membeli, dibekalkan dengan dua buah kapal selam yang baru dan dua buah kapal selam yang lama, yang mana kawasan pantai negara dianggarkan lebih kurang 5,000 kilometer panjangnya. Jadi, saya ingin tahu adakah dengan adanya empat buah kapal ini dapat mengatasi ancaman-ancaman dan cabaran-cabaran daripada anasir luar.

Saya juga difahamkan bahawa untuk hendak mengikuti latihan di kalangan pegawai-pegawai ini yang akan duduk di kapal selam ini mereka memerlukan ketahanan mental dan fizikal yang begitu tinggi kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat? [Ketawa]

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:kerana Tuan Yang di-Pertua, kena mukadimah dahulu Tuan Yang di-Pertua. Kerana kadang-kadang mereka ini terpaksa duduk di dalam lautan berbulan-bulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya menteri tahulah itu. Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah mereka ini diberi latihan dan mental yang cukup tinggi untuk hendak mengatasi cabaran-cabaran ini kerana kadang-kadang kita tengok macam apa yang berlaku kepada laut dalam mereka ini di kalangan nelayan kita pergi dua tiga minggu dekat laut sahaja pun tidak dapat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, saya ingin tahu sejauh mana? [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Itu soalnya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua soalanlah itu.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, saya ingin tahu sejauh mana kejayaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Bagi soalan pertama ini saya ingin nyatakan bahawa pemilikan kapal-kapal selam ini akan meningkatkan keupayaan TLDM kerana kapal selam ini boleh bergerak di bawah permukaan laut dan amat sukar dikesan oleh pihak musuh. Dan oleh itu kapal selam kita ini akan memberi nilai *deterrent* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang amat tinggi kepada keupayaan ketahanan negara kita.

Soalan yang kedua, tentang ketahanan mental dan fizikal anggota-anggota tentera laut yang akan berkhidmat dalam *submarine force* dengan izin, sukacita saya nyatakan bahawa langkah yang akan diambil oleh TLDM ialah pertamanya mereka

mesti *volunteer* atau pun mereka ini mesti menawarkan khidmat untuk secara suka rela menjadi anggota *submarine force* ini. Dan kedua, di dalam pakej pembelian kapal selam nanti kita akan masukkan pakej latihan yang agak komprehensif di mana hanya mereka yang menunjukkan ketahanan mental dan fizikal yang tinggi sahaja akan dipilih untuk memasuki program ini.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Dengan peristiwa yang berlaku pada 11 September yang lalu di Amerika Syarikat dan peperangan yang sedang berlaku sekarang di Afghanistan, apakah Yang Berhormat Dato' mempunyai rancangan untuk melihat kembali tentang falsafah pertahanan negara kita? Sebab kita lihat peperangan yang sedang berlaku sekarang ini seolah-olah, walaupun Amerika sebagai kuasa besar dunia memiliki berbagai peralatan canggih tetapi apabila berdepan dengan tentera Afghanistan yang bersembunyi dalam gua-gua begitu dengan peralatan yang dianggap *very conventional* atau pun ketinggalan zaman tetapi mampu untuk mempertahankan dan mampu untuk bertindak sebagai suatu kuasa yang tidak kecil dalam berhadapan dengan kuasa besar dunia seperti ini. Jadi apakah Kementerian mempunyai dasar untuk melihat kembali soal falsafah pertahanan negara dari sudut fizikal semata-mata iaitu dengan kapal selam dan seumpamanya dan dalam masa yang sama memperlihatkan bahawa di sana ada satu kekuatan lain yang perlu dibina iaitu kekuatan keimanan untuk memastikan negara kita selamat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, tanggapan Ahli Yang Berhormat itu bahawa pasukan Taliban di Afghanistan ini amat sukar dikalahkan adalah tidak tepat kerana kalau sekiranya Amerika Syarikat menggunakan kekuatan sepenuhnya di Afghanistan sudah tentu pasukan Taliban boleh dikalahkan.

Oleh kerana keadaan, pendapat dunia adalah sebaliknya, supaya Amerika Syarikat tidak mengambil tindakan yang akan mengakibatkan mangsa yang begitu ramai di kalangan mereka yang tidak berdosa, maka Amerika Syarikat telah didesak termasuk oleh kerajaan Malaysia sendiri supaya tidak melakukan tindakan yang secara konvensional, secara besar-besaran.

Oleh itu keupayaan pertahanan negara dalam bentuk konvensional adalah amat diperlukan untuk menghadapi sebarang kemungkinan di masa akan datang yang tidak menentu. Di samping saya menerima pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa doktrin pertahanan negara perlu diubahsuaikan yakni ancaman daripada pihak pengganas merupakan suatu ancaman yang penting untuk ditangani oleh kita dan keupayaan kita termasuk dari segi kemampuan perisikan negara perlu diperkukuh untuk membanteras ancaman ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Osman. Tak apa Yang Berhormat, lain kallah Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat *[Ketawa][Disampuk]* Tak apa Yang Berhormat, lain kali Yang Berhormat. Masalah bila saya bagi satu nanti dia nak dua, nak tiga. Itu yang Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Osman.

3. **Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman [Jerlun]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dalam konteks hubungan luar negeri, apakah faktor-faktor penting yang menjadi pertimbangan bagi menjalin hubungan antara negara. Setakat ini berapa buah negara yang telah membuka kedutaannya di Malaysia, dan berapa pula di peringkat konsulat sahaja. Dalam hubungan timbal balas itu adakah ada negara yang kurang menguntungkan Malaysia dari segi ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pertahanan dan sebagainya.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya dasar luar kita ialah untuk memelihara dan memupuk kepentingan kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat di kalangan masyarakat antarabangsa. Dalam hal ini kita ingin berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira fahaman politik dan ideologi mereka serta memupuk kerjasama dua hala dan dalam isu-isu pelbagai hala demi kepentingan dan faedah bersama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, setakat ini sebanyak 117 buah negara telah mentauliahkan perwakilan masing-masing-masing ke

negara ini. Dari jumlah ini 88 negara mempunyai pejabat perwakilan mereka di Kuala Lumpur termasuk 9 di peringkat konsulat jeneral atau konsulat.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan timbal balas, seperti yang dinyatakan Ahli Yang Berhormat ini, ingin saya menegaskan sekali lagi kita menyambut baik hasrat mana-mana pihak yang ingin berbaik-baik dan bekerjasama dengan kita dan menghormati kedudukan dan kepentingan negara kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.

Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan itu. Terdapat beberapa kedutaan kita dan atau konsul di luar negara kurang berfungsi dan tidak memainkan peranan penting dalam konteks hubungan diplomatik yang lemah dalam arena ekonomi, politik, pelancongan dan sebagainya. Urusan-urusan kurang cekap disebabkan penguasaan bahasa dan kurang memahami budaya dan berinteraksi dengan masyarakat berkenaan terutama Bahasa Arab.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau Atase Pendidikan di luar negara kurang mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi di negara berkenaan. Contoh, di Jordan. Terdapat juga ada sebahagian pegawai kedutaan kita mengambil kesempatan memakai kenderaan yang mewah-mewah serta menyewa rumah dengan kos yang terlalu tinggi sehingga membebankan kerajaan.

Soalan tambahan saya. Bagaimana kedutaan kita di Pakistan dan di Afghanistan? Terutama di era pemerintahan Taliban. Kenapa kurang berkesan? Terutama Bahagian Perisikan sehingga terdapat di kalangan pelajar-pelajar kita yang pergi ke sana untuk belajar, tiba-tiba ada juga yang mengambil kesempatan untuk berlatih menggunakan senjata ala Taliban atau militan. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih dengan segala tuduhan-tuduhan Yang Berhormat yang terlalu jeneral dan menyeluruh terutama sekali tanpa mengira pencapaian pihak-pihak kementerian atau Wisma Putra dan penglibatan mereka ini dalam pelbagai perhubungan dua hala kita dan pelbagai hala dan juga dua hala kita dengan negara-negara yang bersahabat dengan kita.

Apa yang disebut Yang Berhormat itu, mungkin ada terjadi tetapi ia tidak sama sekali menjejaskan usaha-usaha kita mempererat perhubungan khususnya dalam perdagangan dan menarik pelaburan kita di negara ini. Tetapi malangnya, apa yang disebut Yang Berhormat ini ialah banyaknya mungkin usaha-usaha pihak pembangkang yang cuba mematahkan usaha-usaha kerajaan atau Wisma Putra untuk menjalankan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dalam penglibatan pelajar-pelajar ini, kita sama tahu dan berapa kali telah dilaungkan di dalam Dewan ini di mana pihak-pihak pelajar kita yang terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diingini itu adalah kebanyakan mereka ini dianjurkan oleh pihak-pihak yang tidak terlibat sekali dengan kerajaan dan juga mereka ini berhasrat, tidak sama sekali berhubung dengan pihak-pihak kedutaan-kedutaan kita di luar negara.

Jadi apa yang dituduh Yang Berhormat itu tadi adalah keterlaluan. Kita boleh nampak hubungan kita dengan pelbagai negara sekarang di mana pelabur-pelabur telah meningkat dan walaupun kebanyakan negara-negara maju yang telah memberi sokongan dalam usaha perdagangan kita dan memperkuat ekonomi kita dan juga kedudukan kita menjadi sebuah negara yang dikata mengambil peranan besar dalam sebagai sebuah negara Islam di dalam bidang antarabangsa. Dan pada hari ini kita lihat di mana pihak-pihak Amerika dan pihak-pihak Britain juga sentiasa berhubung dengan mencari penyelesaian atas perkara-perkara yang terjadi pada masa kini.

Jadi, soal peribadi seperti kereta mewah dan sebagainya dan menggunakan bahasa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kita ada institusi diplomasi tersendiri dan di mana semua pegawai-pegawai kita dilatih untuk menjalankan tugas mereka sebelum mereka keluar sebagai duta dan pegawai-pegawai di luar negara.

Keduanya, untuk maklumat Yang Berhormat, sebenarnya yang dikatakan kereta mewah di sini kebanyakan kereta itu di luar negara adalah dibeli tanpa cukai. Dan ini tidaklah seperti yang dikatakan kereta mewah di sini. Jadi ini kebanyakan *misinformation* di pihak Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Banyak kawan-kawan sokong saya tanya soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sebab itu saya bagi kali ini.

Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi kerana sokongan daripada Dato', daripada Speaker dan beri peluang saya bertanya soalan. Bagi pihak *backbencher* saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Luar Negeri kerana telah banyak memberi gambaran yang baik, mempelopori dasar Malaysia dan memberitahu maklumat kepada negara-negara di mana kita mempunyai kedutaan atau pun wakil. Ini menyerlah melihat daripada segi hubungan perdagangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang pernah saya bangkitkan, saya sentiasa bangkitkan dan akan terus membangkitkan persoalan kemudahan-kemudahan diberi kepada diplomat-diplomat dan wakil-wakil Malaysia di luar negara kerana setiap kemudahan dan kelengkapan yang diberi itu ada hubung kait dengan *efficiency* dan kecekapan mereka yang menjalankan tugas. Ini termasuk rumah, pejabat, *fax machine*, semua sekali. Jadi adakah kementerian sudah membuat satu rangka dasar baru pandangan yang diberi dengan pegawai di Malaysia samalah yang akan diberi dengan wakil kita di luar negara?.

Pandangan ini tidak tepat, sepatutnya wakil kita di luar negara mesti menunjuk satu gambaran bahawa Malaysia ini negara yang mewah, negara yang berkemampuan untuk memberi satu gambaran kepada pihak luar yang kedutaan kita mesti dilengkapi dengan barang-barang yang canggih, kemudahan-kemudahan yang cukup, kereta-kereta yang mencukupi, dan bukan sebagaimana yang dituduh oleh Jerlun tadi. Adakah ini sudah dibuat satu perancangan dan cadangan dan macam mana penerimaan daripada pihak kerajaan di negara kita? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu memang tepat sekali dan kita telah meningkatkan usaha-usaha untuk satunya, di mana kita berusaha untuk mendapatkan pejabat dan residensi duta-duta kita di luar negara, kita membelikan tempat dan tanah dan membina kedutaan kita sendiri supaya ia dapat memberikan gambaran negara kita dengan jelas dan dengan betul dan tepat.

Keduanya, kemudahan-kemudahan tertentu kita telah tingkatan di mana keperluan mengikut suasana dan juga keperluan setempat itu di mana untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada pegawai-pegawai dan kedutaan-kedutaan kita di luar negara, di mana sekarang kita telah pun menyediakan *continuous Internet* dan *communication* dan menerusi *cryptic communication* dan juga menggunakan fax, supaya perhubungan antara Wisma Putra dengan kedutaan-kedutaan di luar negara sentiasa berjalan 24 jam.

Dan keduanya, kita juga menggunakan laman web dan juga menggunakan telekomunikasi yang boleh dikatakan kemas kini untuk menyampaikan maklumat-maklumat dan mendapatkan maklumat secepat mungkin untuk kita mengambil tindak balas atau keputusan-keputusan atas sesuatu perkara yang melibatkan negara kita di dalam forum antarabangsa.

4. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh kementerian untuk mengkaji semula sistem dan kurikulum pendidikan yang sedia ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa, Kementerian Pendidikan mengambil langkah-langkah untuk mengubah dasar serta kurikulum pendidikan agar bersesuaian dengan perkembangan terkini. Bagi tujuan tersebut, kementerian ini telah menyediakan program pembangunan pendidikan sepuluh tahun iaitu 2001 sehingga 2010.

Ia merangkumi dasar-dasar baru yang dirancang supaya dapat mengatasi isu-isu dan cabaran yang sedang dihadapi oleh sektor pendidikan di samping meningkatkan akses, ekuiti dan kualiti sistem pendidikan.

Antara pembaharuan yang sedang dilaksanakan ialah penubuhan kolej komuniti yang bertujuan menyediakan laluan tambahan kepada lepasan SPM di

samping menyediakan pendidikan sepanjang hayat. Selain itu, peluang pendidikan di peringkat tinggi akan diperluaskan dengan penubuhan kolej-kolej universiti teknikal.

Bagi meningkatkan bilangan pelajar mengambil jurusan sains dan teknologi, kementerian telah menjalankan dasar 60:40 iaitu 60 sains dan 40 sastera. Kementerian juga akan menawarkan mata pelajaran kemahiran asas industri atau (KAI) di sekolah menengah akademik bagi mendedahkan pelajar kepada mata pelajaran kemahiran dan vokasional.

Dari segi kurikulum, kementerian telah pun selesai menyemak semula kurikulum persekolahan peringkat prasekolah rendah dan menengah pada tahun 1999 sehingga tahun 2000.

Ia akan mula dilaksanakan di sekolah-sekolah pada tahun 2002 bagi mata pelajaran sains dan matematik peringkat menengah. Mata pelajaran lain peringkat rendah dan menengah akan dilaksanakan mulai tahun 2003.

Fokus penyemakan semula ialah untuk mengemaskinikan kandungan kurikulum supaya relevan dengan keadaan semasa dan kehidupan alaf baru. Penekanan juga diberi ke atas penggunaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terkini.

Sebagai persediaan, pelaksanaan semua guru mata pelajaran akan mengikuti kursus-kursus orientasi mulai tahun 2001 sehingga 2004. Terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan yang telah diberikan dan saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas inisiatif yang diambil untuk mewujudkan *education development blue print*. Kita dapati sistem pendidikan sekarang ini terlalu, dengan izin, *exam-orientated*, jadi kita mesti memastikan bahawa sistem yang akan diwujudkan ini akan dapat mengeluarkan pemuda-pemuda yang berkualiti dari semua aspek bukan hanya daripada aspek akademik.

Jadi, soalan tambahan saya ialah sejauh manakah langkah-langkah yang diambil ini akan dapat mencapai matlamatnya dan bagaimana pihak kementerian akan dapat memastikan bahawa kesilapan-kesilapan yang lepas dan masalah-masalah yang dihadapi ini tidak akan berulang lagi. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai dan terima kasih saya ucapkan kerana ada *confidence* kepada Kementerian Pendidikan dan saya juga ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang sentiasa memberi cadangan dan maklum balas kepada pihak kami untuk kami sentiasa mencari jalan membaiki keadaan dari semasa ke semasa.

Mengenai dengan apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang kita sekarang ini dalam peringkat - bukan kita hendak mengatakan bahawa yang ada sekarang memang tidak sesuai langsung - kita baik atau pun dengan kata lain, kita sedang mengubahsuaikan dengan keadaan yang sentiasa berubah, misalnya pengenalan ICT juga kita mengambil kira supaya anak-anak muda kita ini sentiasa berketerampilan dan mempunyai *confidence* dalam apa yang mereka lakukan.

Saya ingin nyatakan juga di sini, langkah yang kita ambil ialah seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi memang benar kita nyatakan baru-baru ini mengenai dengan penstrukturan semula sistem pendidikan kebangsaan yang kita kenali sebagai P.12. Ini bererti kita akan memendekkan masa pengajian dan dalam masa yang sama juga, kita tambah pendidikan prasekolah itu. InsyaAllah perkara ini akan dapat dilaksanakan dalam setahun atau dua tahun ini. Ada juga ada cadangan supaya kita pendekkan jangka masa daripada bila penuntut itu sampai umurnya 19 tahun baru dia mengambil STPM. Hari ini kita bercadang - ini cadangan, ya - supaya dipendekkan di mana mereka dapat mengambil STPM itu apabila mereka berumur 17 tahun. Dan ini juga ada cadangan-cadangan yang lain supaya membolehkan setiap daripada mereka apabila sampai ke peringkat SPM, sekiranya mereka tidak dapat ke bidang-bidang yang lain, mereka akan dijuruskan ke dalam bidang teknikal yang mana pendedahan ialah kepada *hands-on*.

Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat insyaAllah, kita akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk menentukan supaya pembelajaran di sekolah itu

sentiasa menjadi sesuatu yang memberangsangkan anak-anak muda kita. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dan terima kasih kepada pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, nampak jawapan ada standard hari ini.

Isu yang dibangkitkan tadi ialah fokus kepada mengkaji semula kurikulum pendidikan ini dengan mengambil kira relevansi dengan keadaan semasa. Oleh kerana itu, saya menyedari perkara ini dalam pertimbangan pihak Kementerian memandangkan isu *digital divide* ataupun jurang digital ketara sekarang, isu moral, disiplin pelajar, di kalangan belia muda mudi dan isu ketidakbolehan berdikari selepas tamat pendidikan di peringkat menengah.

Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian apakah dalam proses untuk melaksanakan penstrukturan semula sistem pendidikan negara ini yang disebut P12 tadi, mengambil kira untuk membanyakkan masa bagi pendidikan Islam dan moral, yang keduanya untuk mengkaji semula dari sudut prestasi dan juga kurikulum pendidikan sejarah itu sendiri, dan yang ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Isunya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup, Yang Berhormat! Cukuplah sudah dua.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Satu lagi ialah disudut as as teknologi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat! Cukuplah.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sudah cukup ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup! Ya, cukup, cukup! Sila jawab, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bachok kerana mengambil perhatian dan memberi komen yang baik terhadap saya. Dan saya ingin juga menyatakan bahawa kita Kementerian Pendidikan di bawah Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mempolitikkan pendidikan kecuali ada pihak-pihak yang tertentu sahaja kadangkala membuat tuduhan kepada kita bahawa kita gunakan sekolah dan sebagainya. Ini tidak benar.

Mengenai dengan jurang digital yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang ini menjadi agenda utama pihak kita untuk mewujudkan suasana di mana harapan kita supaya tidak ada jurang digital. Bagi kita kalau ada jurang digital ini bermakna akan wujud juga jurang ilmu antara bandar dan luar bandar. Oleh itu, kita telah mengambil langkah-langkah di mana pendedahan kepada ICT itu dipertingkatkan, malah hari ini telah pun kita memulakan dengan mewujudkan makmal komputer di sekolah-sekolah.

Saya berharap, Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi setiap kawasan harap bersabar, kalau ini agak terlewat sedikit, memang dalam perancangan kita dapat diselesaikan sebelum tahun 2005 nanti. Oleh itu, saya ingin nyatakan juga di sini dalam program kita itu sentiasa kita menanamkan semangat supaya anak-anak muda ini mempunyai nilai hidup yang baik, bukan dipesongkan oleh mana-mana pihak.

Mengenai dengan perkara Islam dan moral tadi, memang kita telah mewajibkan malah kita telah mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya keberkesananannya itu dapat diterap kepada anak-anak kita. Bila kita sebut Islam, tidaklah boleh kita anggap di sini hanya perkara-perkara yang remeh-remeh sahaja, tetapi kita harus menanamkan sifat nilai murni yang baik di kalangan anak-anak muda kita. Harapan kita janganlah ada pihak yang tertentu menyalahgunakan Islam itu untuk kepentingan politik persendirian.

Mengenai dengan kurikulum sejarah, baru-baru ini kita telah mengadakan satu seminar, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, untuk membaiki lagi kurikulum sejarah di mana penekanannya ialah patriotisme. Di sinilah saya berharap benar

daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang memberi sokongan kepada kita iaitu menanam nilai dan semangat patriotisme di kalangan anak-anak kita supaya mencintai negara ini. Ini yang harus kita tekankan. Terima kasih.

5. **Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pihak kerajaan akan melaksanakan sistem pengiktirafan 'Islamic Standard of Organisation' (ISO) ke atas barangan atau perkhidmatan yang ada kena mengena dengan halal/haram serta kesucian menurut Islam.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sistem pengiktirafan Islamic Standard of Organisation (ISO) belum lagi wujud dan kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan sistem tersebut pada masa sekarang. Oleh itu, soal melaksanakan sistem tersebut yang ada kaitan dengan halal haram tidak timbul. Terima kasih.

Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bertolak daripada ayat Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*], "*Makanlah daripada yang baik apa-apa yang kami rezekikan kepada kamu*", maka elok sangatlah pihak kerajaan, pihak yang berwajib, JAKIM dan sebagainya mengambil inisiatif untuk menilai setiap jenis makanan yang dimaksudkan dengan yang baik-baik ini.

Kita dalam Islam memang ditekankan sangat nilai pemakanan ini. Perkara halal haram satu daripadanya. Masalah perkaraperkara yang boleh merosakkan kesihatan juga merupakan perkara yang ditekankan dalam Islam ini. Jadi, kita boleh buat satu skim, satu standard, sama ada hendak namakan *Islamic Standard of Organization, International Standard of Islamic City*, ikut pandailah asalkan rakyat terbanyak ini tidak tertanya-tanya apakah dia content dalam makanan itu yang ada *preservativenya, additivenya* halal atau pun haram. Lesitin itu halal atau pun tidak.

Jadi, kalau kita ada *standard* ISI 1000 bermaksud demikian, 2000, 3000 yang memberi kenyataan yang begini sudah pasti memberi kemudahan kepada kita untuk menilai sesuatu itu halal, haram, baik atau tidak baik untuk dimakan. Sekian.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soal halal, haram ini pihak JAKIM, sesungguhnya kita telah membuat secara teliti. Sebagaimana yang sedia kita maklum bagi pihak JAKIM kita telah pun membuat perkara ini dengan teliti, kita ada pernah melantik satu syarikat di mana sebelum permohonan ini untuk mendapat kelulusan untuk mendapat tanda 'HALAL', syarikat ini akan membuat kajian A sampai Z. Dan, yuran adalah dikenakan untuk proses penyelidikan yang dibuat oleh syarikat tersebut.

Jabatan Agama Islam juga boleh mengeluarkan tanda 'HALAL'. Pendeknya hari ini, soal mana-mana pihak yang menggunakan tanda 'HALAL' atau pun makanan Islam atau pun 'DITANGGUNG HALAL' dan sebagainya, ianya sekarang ini sudah memang ada undang-undang kita, di mana undang-undang ini terletak di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, di mana terdapat dua perintah yang diwujudkan berhubung dengan menggunakan perbincangan 'HALAL'. Perintah-perintah ini diwujudkan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972, iaitu yang pertama. Perintah-perintah Dagangan, Penggunaan Perbincangan 'HALAL' 1975.

Dan yang kedua, perintah Perihal Dagangan Penandaan Makanan 1975. Dan, di dalam undang-undang ini telah pun diperincikan pelbagai bidang. Sebagai contoh, dalam masa kalau penyediaan makanan, dalam masa penyediaan pemrosesan dan pengilangan makanan, alat-alat yang digunakan seperti pisau, bekas, periuk, kualiti dan apa-apa bekas yang dimaksudkan sedemikian hendaklah terdiri daripada alat-alat yang bersih dari sebarang benda najis.

Alat-alat yang pernah digunakan untuk memasak atau menyediakan makanan yang mengandungi benda yang diharamkan oleh syarak tidaklah boleh digunakan untuk menyediakan makanan untuk orang-orang Islam, sebagai contoh. Banyak lagi peraturan-peraturan dan hukuman yang dikenakan amat berat di mana kalau orang perseorangan yang memasukkan tanda 'HALAL' dan didapati ia tidak memenuhi standard ataupun kehendak-kehendak mengikut hukum syarak maka mereka yang bersalah untuk kesalahan pertama boleh didenda sebanyak RM100 ribu atau penjara selama tidak lebih daripada 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kalau dia buat lagi kesalahan kedua, hukumannya lebih tinggi, di mana dikenakan RM200 ribu atau penjara bagi tempoh tidak lebih daripada 6 tahun atau

kedua-duanya. Begitu juga kalau ada mana-mana pertubuhan dendanya lebih tinggi, di mana-mana pertubuhan atau pun syarikat yang memasukkan tanda 'HALAL' ini dan didapati bersalah, maka dendanya ialah sebanyak RM250 ribu atau bagi kesalahan kedua, ianya boleh dikenakan hukuman hingga RM500 ribu.

Dan, begitu juga di bawah seksyen 29(1) dan juga 29(2), mana-mana pihak yang cuba menghalang mana-mana penguat kuasa untuk menyiasat proses makanan halal ini juga boleh dikenakan tindakan. Jadi, sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, hanya sistem kita, di mana penguatkuasaan ini terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi prosesnya untuk menentukan sama ada halal, haram ini selalunya akan dibawa bersama dengan kakitangan JAKIM atau pun pejabat agama untuk memastikan prosesnya mengikut hukum syarak. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen, soalan tambahan. Saya memang melihat bahawa Jabatan Agama dan juga JAKIM di negara kita selama ini sentiasa memainkan peranan untuk memastikan supaya pelaksanaan agama ini dapat dilaksanakan dengan baik dan pemantauan dari segi undang-undang dapat dilaksanakan.

Satu ketika dahulu ada sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan oleh JAKIM, yang mana jawatankuasa ini juga bersama-sama dengan majlis mesyuarat kerajaan negeri-negeri mengadakan mesyuarat mengenai soal halal, haram ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah perkembangan jawatankuasa ini dan apakah pencapaian yang telah dicapai sehingga hari ini untuk kita memantapkan lagi dalam usaha menjaga halal, haram makanan-makanan yang ada di negara kita. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Mengenai jawatankuasa ini kita mengadakan kerana kita hendak membuat penyelarasan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pada hari ini memang tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang menghalang mana-mana pihak hendak membubuh tanda 'HALAL' ini tidak ada.

Tetapi sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kalau laporan kita dapat, kalau tanda 'HALAL' itu merupakan tanda yang palsu maka hukuman-hukuman yang saya nyatakan tadi boleh dikenakan kepada mana-mana pihak yang cuba menipu tanda 'HALAL'. Oleh itu, hari ini kita lihat kerana bidang kuasa melaksanakan penguatkuasaan ini terletak pada bidang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, di samping itu juga kita sedia maklum, urusan-urusan pentadbiran agama ini ialah bidang kuasa kerajaan negeri maka JAKIM sebagai penyelarasan telah duduk bersama dengan kerajaan negeri dan juga dengan kementerian untuk kita menguatkuasakan lagi undang-undang ini kerana sebagai contoh walaupun yang menentukan halal, haram ini pihak-pihak badan agama tetapi di bawah aktanya, kuasa ini hanya diberi kepada penguat kuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Oleh itu, kita mungkin sedang merancang untuk meminda akta ini supaya juga pegawai-pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Agama Islam dan juga JAKIM diberi juga kuasa sebagai penguat kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta ini. Terima kasih.

6. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kos jumlah kontrak telemedicine yang telah diberikan setakat ini, syarikat apakah yang menerima kontrak dan berapa diterima oleh setiap syarikat, dan apakah liputan setiap kontrak (dari segi peralatan dan perkhidmatan hardware/software, dan juga dari segi bilangan hospital dan klinik yang dirangkumi).

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa perkhidmatan yang dapat meningkatkan tahap kesihatan rakyat umum melalui telekesihatan. Matlamat telekesihatan adalah untuk memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan yang dapat diberi kepada orang awam ke tahap yang lebih tinggi dengan penekanan kepada kesejahteraan hidup, *wellness* selain daripada perkongsian kepakaran di antara para doktor.

Projek MSC telekesihatan merangkumi 4 komponen.

- i. Pelan Penjagaan Kesihatan Sepanjang Hayat, *Last Time Health Plan (LHP)*;
- ii. Maklumat dan Pendidikan Kesihatan Untuk Awam dan Individu atau *Mess Customise Personalise, Health Information and Education (MCPHIE)*;
- iii. Pendidikan Perubatan Berterusan, *Continues Medical Education (CME)*;
- iv. Telerundingan atau *teleconsultation*.

Kos pembiayaan untuk pengurusan projek adalah seperti berikut:

Projek	RM(Juta)
LHP	59
Telerundingan	20.76
CME	8
MCPHIE	8
Pengurusan Projek	4.24
JUMLAH	100

Jumlah kos bagi perbelanjaan bagi tahun 2000 dan 2001 adalah seperti berikut:

Projek	RM (juta)
LHP	5
Telerundingan	13.1
CME	1.5
MCPHIE	1.5
JUMLAH	21.1

Bayaran-bayaran tersebut adalah berperingkat dan berdasarkan kepada *business* model projek yang berkaitan seperti berikut:

Pertama, untuk projek LHP, CME dan MCPHIE, syarikat yang bertanggungjawab adalah Medical On-Line Sdn. Bhd. Dan model perniagaan yang digunakan adalah *Built Own Operate (BOO)*. Mengikut *business* model jenis BOO ini kerajaan tidak membiayai kos *hardware/software* dan perkhidmatan jaringan telekomunikasi tetapi hanya membayar untuk penggunaan perkhidmatan telekesihatan berkenaan. Konsesi adalah selama 5 tahun mulai tahun 2000.

Untuk projek telerundingan, syarikat yang bertanggungjawab adalah World Care Health Malaysia Sdn. Bhd. dan *business* model yang digunakan adalah *Built Operate and Transfer (BOT)*. Di bawah *business* model tersebut kerajaan akan menanggung semua kos, konsesi adalah selama 3 tahun mulai tahun 2000. Peralatan untuk rangkaian *network*, perkhidmatan perisian perkakasan yang diperlukan sedang dipasang di 4 daerah yang terlibat dengan projek LPH. Empat daerah tersebut ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Seremban, Ulu Langat, Kinta dan 42 klinik kesihatan terpilih. Perkakasan dan perisian untuk aplikasi CME dan MCPHIE adalah berlandaskan perisian dan perkakasan LHP.

Projek telerundingan disediakan di 41 lokasi termasuk hospital dan klinik kesihatan di seluruh negara. Perkhidmatan daripada projek MCPHIE dan CME dapat dicapai di seluruh negara melalui Internet iaitu www.telehealth.com.my Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Memandangkan ini adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan seluruh negara apakah sasarannya dapat tercapai kerana yang lebih memerlukan perkhidmatan ini adalah mereka di Sabah dan Sarawak dan di pedalaman. Secara manakah dapat kerajaan mencapai sasarannya kerana memandangkan sistem IT ini masih lagi belum berkembang dengan sepenuhnya. Dan kalaulah kita melihat dengan adanya peruntukan-peruntukan yang begitu banyak dalam satu tahun sahaja 2000 dan 2001 adalah dalam lingkungan RM21.1 juta, bagaimana kita hendak melihat *target*nya mencapai kejayaan. Terima kasih.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ahli bagi Permatang Pauh. Memang kita tahu bahawa untuk mendapat *nation coverage* dalam melaksanakan *telemedicine* ini belum dapat dibuat secara keseluruhan. Ini memandangkan;

- i. peruntukan yang sedia ada;
- ii. kita buat secara berperingkat-peringkat;

Tetapi matlamat kementerian adalah untuk *nation coverage* agar kita dapat pergi ke Sabah dan ke Sarawak. Namun demikian, seperti saya sebut tadi ada juga hospital di Sabah yang telah dapat kemudahan-kemudahan *telemedicine* ini. Ini termasuk Hospital Queen Elisabeth, Hospital Kudat, Beluran, Ranau dan Semporna. Ini telah dapat juga kemudahan tersebut. Dan, insya-Allah kepada tempat-tempat yang belum kita capai akan kita buat dari masa ke semasa.

Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Saya ingin tahu sama ada satu kajian keberkesanan mengenai projek ini telah dibuat. Kalau ada, apa hasilnya (*results*). Kedua, saya rasa ada perlu bagi pihak kementerian menimbang daripada aspek prioriti kerana daripada pengalaman saya dalam Kementerian Kesihatan dan berkhidmat dalam Jabatan Kesihatan dahulu, apa yang dikatakan tadi adalah tepat – bahawa prioriti perlu diberi kepada kawasan-kawasan luar bandar dan sekarang kita dengar pula, masih lagi kajian dibuat dalam Selangor. Pada hal kawasan-kawasan dalam Selangor ini adalah berdekatan dengan kemudahan-kemudahan yang ada [*Tepuk*]. Bolehkah kita minta jaminan daripada Kementerian Kesihatan supaya pihak kementerian mengkaji keutamaan dan memberi prioriti kepada kawasan-kawasan yang sebenar-benarnya memerlukan projek *telemedicine* ini. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang sokong.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Pertama saya hendak nyatakan bahawa dalam pelaksanaan *telemedicine* ini kita telah pun melalui *trial and error* dan hari ini adalah pelaksanaan yang lebih berupaya untuk memberi peningkatan dan perkhidmatan yang baik dan kita juga telah pun dalam peringkat awal mengkaji prioriti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dan tentulah sebelum kita membuat rangkaian yang lebih luas, kita terpaksa memberi kemudahan-kemudahan seperti ini kepada kawasan-kawasan bandar dan selanjutnya akan dibawa kepada kawasan-kawasan luar bandar termasuk Sarawak.

7. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai lebuh raya di Kalabakan, Tawau dan bilakah ia dapat digunakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Lebuh Raya Kalabakan dilaksanakan di bawah projek menaik taraf jalan Murotai ke Kalabakan. Projek ini dilaksanakan dalam dua fasa - fasa yang pertama adalah sepanjang 20 kilometer, dari Murotai kilometer 0 ke kilometer 20 dan kemajuan fizikal pembinaannya ialah 68.8% berbanding jadual, 71.3%. Fasa satu ini dijangka akan siap pada penghujung bulan April 2002. Fasa kedua pula dari kilometer 20 ke Kalabakan iaitu kilometer 60 adalah sepanjang 40 kilometer dan telah pun bermula pembinaannya pada 3 Mac 2001. Kini kerja-kerja pembinaan telah mencapai kemajuan 6%, berbanding jadual 6% dan pelaksanaan fasa dua ini dijangka akan siap pada 7 Mac 2004.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Lega sedikit dada. Saya hendak tahulah, hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri ini. Bila satu-satu projek lebuhraya yang diumumkan akan dibuat, akan dilaksanakan, masa diumumkan oleh Menteri atau Timbalan Menteri itu agak jauh hendak dilaksanakan. Adakah kelambatan ini kerana kakitangan JKR itu tidak cukup atau adakah ia berbalik semula ke EPU atau pun ia balik kepada Perancang Bandar. Saya ingat selalu diumumkan tetapi masih jauh benar. Seksa menunggu lama-lama. [Ketawa] Contoh macam Lebuhraya Pasir Gudang. Saya ingat dekat 6 tahun – 7 tahun. Ha! insya-Allah Rancangan Malaysia Ketujuh – lepas; Rancangan Malaysia Kelapan – lepas. Ha! Ini hendak masuk Rancangan Malaysia Kesembilan dah. Sampai saya pencen pun tidak lulus lagi agaknya... [Ketawa] Jadi boleh beri penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan yang sedemikian yang mana saya percaya penjelasannya sekurang-kurangnya boleh sedikit sebanyak memberi penerangan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang menghadapi masalah yang sama di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di Pertua, biasanya apabila diumumkan bahawa sesuatu projek itu dipersetujui, maka yang perlu dilakukan selepas daripada itu ialah menentukan supaya bagi projek yang sedemikian, peruntukan baginya boleh didapati. Ini merupakan satu proses yang mana sudah tentulah di pihak kerajaan, sama ada EPU atau Kementerian Kewangan pula menentukan keutamaan terhadap projek-projek yang hendak diberikan. Mungkin dari segi kementerian memang kita mempersetujui tetapi dari segi keutamaan dan soal untuk mendapatkan peruntukan. Apabila didapati sesuatu projek itu sudah mempunyai peruntukannya maka dalam soal kita hendak memulakan pembinaan, yang pertamanya proses pembinaan itu, sebelum bermula *on the ground*, yang pertama, yang hendak dilalui ialah proses perancangan atau membuat spesifikasi dan sebagainya, membuat perancangan pelan dan sebagainya. Itu memakan masa yang panjang.

Kadangkala bagi sesuatu projek yang besar ia boleh memakan masa satu tahun kerana yang melaksanakan itu merupakan konsultan atau pun pihak juruperunding yang dilantik oleh pihak kerajaan. Hendak buat jalan, misalnya Lebuhraya Pasir Gudang. Bukannya apabila diumumkan terus kerajaan masuk begitu hantar traktor dan sebagainya untuk buat jalan. Dia kena buat perancangan, spesifikasi, lantik konsultan, buat ukuran, di mana jajarannya dan sebagainya. Jadi itu apabila telah diumumkan melalui proses itu; apabila telah selesai maka barulah dipanggil proses tender. Jadi atas sebab itulah sesuatu projek itu memakan masa yang sedemikian. Tidak ada kaitan dengan ketidakupayaan pegawai atau pun kakitangan di peringkat kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan-soalan untuk jawapan lisan telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 hingga 22 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN MALAYSIA
(PEMERBADANAN)(PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(2001) (No. 2) 2001**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 2001

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001)(No. 2) 2001 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B. 26 [Jadual] -

Maksud P. 26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahaskan. Sekarang saya minta Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyambung ucapannya. Saya suka mengingatkan masa baru mula kira sepuluh minit.

11.09 pagi

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Membaca selawat]* Saya memulakan perbahasan pada peringkat Jawatankuasa bagi peruntukan tambahan Kementerian Pendidikan B.26 ini dengan merujuk kepada Maksud B.26 – Program Rancangan Makanan Tambahan untuk golongan murid termiskin di sekolah rendah yang telah ditambah dari 120 hari kepada 200 hari persekolahan.

Terlebih dahulu saya mengucap terima kasih kepada kementerian ini kerana mengambil kira aspek pemakanan pelajar-pelajar miskin sebagai sebahagian daripada ramuan bagi mencapai kecemerlangan pendidikan anak-anak kita di peringkat sekolah rendah dan menengah. Peruntukan ini juga menunjukkan bahawa sebahagian daripada rakyat kita masih lagi dalam keadaan memerlukan bantuan yang paling asas bagi membolehkan mereka sama-sama bersaing dalam dunia yang begitu sengit pada hari ini iaitulah makanan yang paling asas bagi mereka. Secara umumnya kita semua tahu bahawa kecemerlangan kehidupan kita sebahagiannya ialah disumbangkan oleh pemakanan yang berkhasiat. Saya rasa Yang Berhormat bagi Kepong lebih layak dari saya untuk membincangkan perkara ini. Tetapi secara ringkasnya ini adalah satu konsep asas dalam Islam. Kemampuan Yang Berhormat bagi Kepong untuk mengulas berkaitan dengan makanan berkaitan ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang adalah lebih daripada saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sebab dia doktor.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dalam Islam konsep asas pemakanan ini kita boleh lihat dalam banyak perspektif. Ketika Saidatina Maryam, ibu kepada Nabi Isa mengandung di tengah padang pasir dan beliau melarikan diri daripada masyarakatnya di atas tuduhan mengandungkan anak di luar nikah. Pada waktu Maryam berada di dalam keadaan kesedihan, Jibrail telah datang kepada Saidatina Maryam dengan berkata [*Membaca sepotong ayat Quran*]. Ini tiga *pillars* yang penting bagi seseorang ibu melahirkan anak yang cemerlang. Bermula daripada alam rahim lagi [*Mengulangi potongan ayat Al-Quran*] Yang bermakna "Hendaklah kamu makan makanan yang baik kerana ini adalah keperluan asas untuk anak di dalam rahim, Hendaklah kamu minum minuman yang berkhasiat kerana ini keperluan kandungan dalam rahim, Hendaklah kamu tenangkan fikiran, legakan perasaan, sejukkan mata, hati kamu kerana sejuaknya mata, hati adalah juga akan menentukan psikologi dan *behavior* asas anak yang akan dilahirkan".

Ini adalah konsep asas yang telah dibina Islam demikian lama. Tiga content ini yang bersalingan di antara satu sama lain – pemakanan yang baik, peminuman yang berkhasiat, persekitaran yang *conducive* akan melahirkan generasi yang cemerlang.

Dalam negara kita seperti yang ditunjukkan oleh peruntukan ini bahawa ada lagi segmen masyarakat yang tidak mempunyai kesempatan ini, baik persekitarannya yang memuaskan, mahu pun pemakanannya yang baik dan berkhasiat disebabkan oleh kemiskinan keluarga mereka. Saya merujuk kepada *Dewan Masyarakat*, bukan akhbar *Harakah*, kalau *Harakah* nanti setengah orang mempertikaikan. Ini Dewan Masyarakat. *Pelajar lelaki bumiputera semakin tercicir*. Sebahagiannya dikatakan di sini bahawa dikaitkan dengan pemakanan dan kemiskinan keluarga. Mengikut satu kajian, kata penulis rencana ini, Ridzuan Abdul Rahman, *Dewan Masyarakat* – Mac 2001, ialah kerana pelajar lelaki sebahagiannya terlibat dalam pekerjaan sambilan untuk menampung kewangan keluarga mereka terutama sekali pelajar-pelajar, anak-anak sulung daripada keluarga mereka yang mendedahkan mereka kepada keletihan, tidak dapat menyiapkan kerja sekolah, tidak berupaya memberi sepenuh perhatian kepada pelajaran dan apa yang diberi oleh guru.

Baru-baru ini saya pergi ke Sepang. Saya singgah di satu stesen Petronas. Kebanyakan stesen minyak di negara kita dilakukan secara layan diri tetapi di stes en itu ada tiga empat orang budak-budak muda. Saya bertanya dengan mereka berapa umur mereka dan mereka menjawab mereka dalam umur 16 tahun, 17 tahun, masih di tingkatan empat, tingkatan lima sekolah. Adakah kamu sudah berhenti belajar? Tidak, saya hanya belajar sebelah pagi dan saya bekerja sambilan sebelah petang. Ini fenomena yang memang berlaku. Di Selangor, tidak usah kira di Sabah, tidak usah kira di Sarawak, di Kedah, di Perlis, di Kelantan, di Terengganu ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dasar sedikit nampaknya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya berbalik kepada ni Tuan Pengerusi. Contoh kepada kemiskinan dan walau pun kita memuji langkah ini, saya pernah belajar dengan pelajar miskin, saya pernah tengok mereka mendapat bantuan makanan ini, saya tidak tahu sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya hendak tahu, apakah jenis makanan yang dihidangkan. Apakah content khasiat itu telah dirumuskan terlebih dahulu. Apakah mutu makanan itu telah mencapai matlamatnya atau sekadar hendak isi perut mereka. Beri lebih kurang makanan. Jadi, *content* pemakanan ini mestilah dirumuskan oleh pakar-pakar supaya mereka yang miskin ini mendapat pemakanan yang munasabah bagi keperluan mereka.

Oleh kerana masa tidak dihadkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Had.

Tuan Husam bin Haji Musa: Had? [*Ketawa*] Saya terpaksa beralih kepada tajuk yang lain. Kita semua tahu, saya merujuk kepada 9.1 Maksud B.26, 9.2 bersekali dengan 9.11 iaitu beberapa bilion ringgit telah diperuntukkan bagi membina bangunan-bangunan sekolah yang baru.

Dalam masa yang ringkas, saya ingin mengetahui sebahagian daripada pembinaan sekolah baru ini dilakukan di kawasan sekolah yang sedia ada yang menyebabkan padang, sehingga persekitaran sekolah terjejas, padang hilang. Adakah Kementerian ini memantau standard keluasan persekitaran yang tertentu bagi setiap sekolah sama ada dalam bandar ataupun luar bandar. Walaupun sekolah ini sudah jadi *cramp*, bangunan sahaja, tidak ada persekitaran. Masa singkat, saya tidak boleh hendak ulas apa maksud persekitaran dalam melahirkan generasi yang cemerlang dan melahirkan generasi yang mempunyai ketenangan.

Kalau sekolah sudah *cramp* – dahulu kalau kita keluar sekolah, kita boleh melukis satu padang yang luas, pokok-pokok tanjung di sekeliling padang sekolah dengan bau yang harum. Sekarang sudah tidak ada semua itu. Kalau hendak keluar melukis, lukis bangunan sahaja. Jadi, jika ini berlaku, saya rasa persekitaran sekolah telah terjejas dan itu belum masuk persekitaran politik ke atas guru-guru. Saya tidak hendak ulas kerana masa terhad pada waktu ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ingin tahu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak ada, tidak ada, tidak munasabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam ada dua minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, tidak. Semalam satu minit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Maka, satu minit lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *Exactly one minute.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, satu minit lagi, sila gulung. [Ketawa]

Tuan Husam bin Haji Musa: Pukul berapa kita bermula tadi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah soallah, Yang Berhormat, teruskan, satu minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ingin mendapatkan senarai kontraktor-kontraktor yang telah diberikan.

Yang kedua, saya hendak kepastian adakah *security* bangunan ini. Bangunan ini dibina dalam masa yang begitu terdesak, dengan begitu cepat, adakah securitynya terjamin nanti suatu masa jika sekiranya keadaan ini dibina begitu cepat dan menyebabkan malapetaka kepada sekolah-sekolah ini.

Yang ketiga, kolej komuniti. Saya ingin mendapat tahu apakah kriteria asas pilihan kolej komuniti ini, kawasan mana, Parlimen mana dipilih dan apa sebab dipilih? Gua Musang dipilih, Kubang Kerian tidak dipilih, apa sebab? Adakah dia pilih kawasan yang tidak ada orang yang hendak belajar, sekolah kosong, tidak ada murid ataupun kawasan yang padat penduduk diberikan pilihan? Kriteria itu saya inginkan penjelasan daripada Kementerian ini dan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali, oleh kerana masa telah sampai. Saya ingin mendapatkan kepastian daripada Kementerian ini, adakah sekolah-sekolah agama rakyat juga diberikan bantuan modal seperti yang kita peruntukan dalam peruntukan ini untuk mereka mempunyai bangunan yang munasabah dan bangunan yang kemas kini termasuklah kemudahan-kemudahan lain seperti yang kita peruntukan kepada bantuan modal di bawah Kementerian ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Labuan.

11.19 pagi.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian pada perkara P.26, Kementerian Pendidikan, Butiran 00204 – Matrikulasi.

Perkara yang ingin saya bahaskan adalah ringkas, Tuan Pengerusi, kerana ia melibatkan satu kontraktor iaitu MRCB yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan untuk menyiapkan kolej matrikulasi tersebut sebelum atau pada Disember 2001.

Tuan Pengerusi, MRCB telah pun melantik seramai 12 subkontraktor yang mana 11 daripadanya adalah bukan bumiputera dan hanya satu sahaja subkontraktor bumiputera tempatan. Apabila berlaku *change of management*, dengan izin, ataupun pengurusan MRCB pada 10 Oktober 2001, pengurusan baru MRCB telah membatalkan surat tawaran yang diberikan kepada satu-satunya subkontraktor Melayu atau bumiputera dengan memberikan alasan *behind schedule*.

Saya telah pun didatangi oleh kontraktor tersebut yang mana telah menjelaskan masalah sebenar yang mereka hadapi. Syarikat ini, Tuan Pengerusi, telah diberikan dua pakej. Satu bernilai RM4 juta telah pun siap dilaksanakan dan pakej yang kedua bernilai RM19.6 juta di mana 60% daripada kerja-kerjanya telah pun disiapkan.

Tuduhan pengurusan MRCB baru yang mengatakan kontraktor tersebut membuat kerja-kerja *behind schedule* dengan izin, adalah tidak tepat kerana yang melewatkan kontraktor tersebut ialah pindaan-pindaan atau amendemen yang dibuat ke atas *drawings*. Saya cukup arif dengan perkara ini, Tuan Pengerusi, kerana hampir dua tahun saya menjadi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan dan sekarang menjadi Pengerusi Exco Pembangunan Labuan. Saya cukup arif bahawa sebenarnya dalam sesuatu projek, pindaan-pindaan ke atas *drawings* ini selalu dibuat oleh konsultan dan secara tidak langsung ianya telah mengganggu-gugat *time frame* kontraktor dalam menyiapkan kerja-kerja yang sepatutnya disiapkan mengikut jadual.

Perkara yang ingin saya bawa kepada Tuan Pengerusi ialah sikap yang tidak prihatin oleh pengurusan MRCB yang mana pada hemah saya mungkin Kementerian Pendidikan tidak mengetahui bila mana mereka dengan cara tergesa-gesa menamatkan kontrak tersebut yang mana setelah melaksanakan kerja hampir 60%, tidak menerima sebarang bayaran walaupun satu sen tetapi tetap meneruskan kerja-kerja kerana mereka faham kolej matrikulasi tersebut mesti disiapkan pada 31 Disember kerana pelajar-pelajar kolej matrikulasi yang ada sekarang menumpang...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:...di dewan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya ada 10 minit. Panjangkah pendek itu?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya beri 10 minit quota saya, saya tidak payah cakap.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:Okay.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: 10 minit saya arah kepada Labuanlah, saya tidak payah cakap. Saya tanya sahaja. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kontraktor-kontraktor yang diberi kontrak oleh kerajaan memang tidak pernah pun tolong ataupun yang jarang tolong kontraktor-kontraktor bumiputera? Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Inilah yang ingin saya nyatakan tadi. MRCB adalah salah satu agensi kerajaan ataupun syarikat yang diamanahkan oleh kerajaan untuk melahirkan ramai usahawan bumiputera bagi merapatkan jurang di antara bumiputera dan bukan bumiputera supaya ianya mencapai tahap 30% tetapi dengan adanya tenaga pengurusan yang tidak prihatin kepada wawasan kepimpinan negara, inilah maka hingga ke hari ini walaupun sejak merdeka, masyarakat ataupun kaum Melayu telah mempelopori kuasa politik tetapi kuasa ekonomi tidak pun mencecah kepada tahap 20% kerana sikap dan sifat sesetengah orang yang bertopengkan Melayu dan bumiputera inilah menjadi punca kenapa impian kerajaan untuk melihat bumiputera mencapai 30% gagal.

Saya hendak sambung lagi, Tuan Pengerusi. Jadi, setelah 60% menyiapkan kerja tidak dapat satu sen pun, kerja yang pakej pertama RM500 ribu lagi tertunggak. MRCB *noted*, dengan izin, sebagai sebuah *public listed company* yang mempunyai rekod pembayaran kepada subkontraktor paling jahil....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita berada di peringkat Jawatankuasa.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya tahu. *I am within the topic*, Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingin membawa kepada Tuan Pengerusi supaya Kementerian Pendidikan campur tangan ke atas kontraktor MRMB yang sewenang-wenangnya menamatkan ataupun membatalkan subkontraktor tersebut kerana punca kegagalan tidak dikenal pasti dan didatangkan pula sebuah kontraktor daripada Kuala Lumpur untuk menggantikan syarikat bumiputera ini, Chan Hin Chua dengan nama.... nama syarikatnya, apa nama syarikatnya. Sekejap, ada saya tulis. Saya pun lupa. Tidak apalah, nanti saya ingatkan kemudian.

Jadi, saya minta kepada Kementerian Pendidikan supaya campur tangan. Perkara ini mempunyai kesan politik di kawasan saya kerana inilah satu-satunya kontraktor Melayu di antara 12 kontraktor yang diberikan kerja oleh MRMB dan tiba-tiba hanya kesilapan teknikal di mana *amendemen* ke atas *drawings* asal tidak dapat disiapkan dalam jangka waktu yang ditentukan, disalahkan kepada kontraktor yang telah menjalankan 60%. Saya telah didatangi dan mereka yakin mampu menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Jadi, tidak ada alasan kenapa kontraktor tersebut ditamatkan.

Harapan saya, Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat seperti MRMB yang banyak diberikan projek membina sekolah dan sebagainya oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan harus memantau. Begitu juga dengan Kementerian Keusahawanan kerana ianya melibatkan banyak wawasan kerajaan di dalam sesebuah projek tersebut. Pertama, bilamana MRMB mendapat projek tersebut, tidak kurang daripada kalau ada 12 subkontraktor utama ada lebih dekat sekurang-kurangnya 40 subkontraktor Kelas F juga bernaung di bawah subkontraktor-subkontraktor tersebut.

Jadi, dalam konteks ini, contohnya kontraktor yang ditamatkan di bawahnya ada 15 Kelas F. Jadi, bila ditamatkan, bermakna yang 15 kontraktor Kelas F sudah kehilangan punca pendapatan. Jadi, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan, walaupun saya memang menyokong projek ini disiapkan pada 31 Disember kerana pelajar-pelajar tersebut mesti dipindahkan daripada kampus UMS sekarang yang mereka guna pakai untuk sementara waktu tetapi dalam waktu yang sama, janganlah dikorbankan satu syarikat kecil bumiputera yang baru hendak bertapak.

Saya kenal secara peribadi kontraktor tersebut. Saya kenal 20 tahun yang dulu dia cuma seorang kontraktor yang kecil. Dalam pelbagai kemelesetan ekonomi pun beliau masih boleh merangkak naik hinggalah mampu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: ... melaksanakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jadi, saya punya rayuan, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian Pendidikan, silalah nasihatkan MRMB. Kalau bolehlah, janganlah dibatalkan kontrak tersebut kerana ianya cuma satu-satunya kontraktor bumiputera Melayu tempatan yang diberikan peluang membuat kerja yang cukup bernilai RM19.6 juta. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sandakan.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sekejap ya. Ada peraturan?

Tuan Kerk Kim Hock: [Mikrofon tidak berfungsi] Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) dan ingin mencadangkan satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 26?

Tuan Kerk Kim Hock: 26(1)(p) dan ingin mencadangkan satu usul yang berbunyi:

“Dewan ini memandang serius bahawa Ahli Kawasan Kinabatangan telah mengaku melakukan kesalahan menggunakan bahasa kurang sopan dan biadab di dalam Dewan yang mulia ini pada 17 Oktober tahun ini dan menyuarakan kesal kerana Ahli Kawasan Kinabatangan cuba menutup kesalahannya dan mencari alasan dengan menuduh Ahli Kawasan Tanjong telah menunjukkan tanda lucu di mana Ahli Parlimen Kawasan Tanjong telah menafikan berbuat demikian dan bagi menjaga maruah dan nama baik Dewan yang mulia ini, Dewan ini mengambil ketetapan untuk merujuk Ahli Kawasan Kinabatangan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk tindakan disiplin diambil ke atas Ahli Parlimen Kawasan Kinabatangan.”

Tuan Pengerusi, saya rasa kita ada *tape recorder*, ada *video taping*. Kita boleh nampak dengan jelasnya bahawa Yang Berhormat bagi kawasan Tanjong tidak berbuat demikian seperti dituduh oleh Ahli Parlimen Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Kerk Kim Hock: Dan sebenarnya apabila Ahli Parlimen Kinabatangan mengaku kepada pemberita, beliau langsung tidak sebut nama dan perbuatan Ahli Parlimen Tanjong. Beliau cuma mereka cerita ini selepas saya mendedahkan di depan Tun semalam. Jadi, ini bukan sahaja telah menggunakan bahasa kesat tetapi telah membohongi Dewan yang mulia ini. Saya harap Tuan Pengerusi boleh pandang serius perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya mengikut peraturan 26(1)(p), perkara ini sepatutnya Yang Berhormat boleh mengemukakannya semasa kejadian itu berlaku. Tambahan pula pada masa ini Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebagaimana Yang Berhormat bagi Kota Melaka rujuk tidak berada di Dewan yang mulia ini. Tetapi ingin saya maklumkan Yang Amat Berhormat bahawa perkara ini telah dalam perhatian Yang Amat Berhormat Tun Speaker sendiri dan beliau sendiri akan menguruskannya. Jadi, saya ingin mencadangkan perkara ini akan kita rujuk kepada Tun Speaker.

Yang Berhormat bagi Cheras, ada apa?

Tuan Tan Kok Wai: 26(1)(p) untuk membantu Tuan Speaker dalam menjalankan tugasnya untuk mempertahankan kedaulatan dan kemuliaan Dewan ini. [Tepuk] kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras, telah saya terangkan.....

Tuan Tan Kok Wai:Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ingin menjelaskan mengapa saya mencadangkan peraturan mesyuarat ini, supaya Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini dirujuk kepada jawatankuasa hak kebebasan. Di bawah peraturan mesyuarat ini yang telah pun dipinda, usul ini boleh ditimbulkan bila-bila masa dan saya ingin menitik beratkan di sini bukan sahaja Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tetapi semua ahli-ahli di sini termasuk Speaker telah pun dihina dan disakiti hati oleh tutur kata biadab oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini satu kelakuan yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup....

Tuan Tan Kok Wai: ...tidak boleh dimaafkan, tidak boleh diterima dan mesti dijatuhkan hukuman yang sepatutnya!

Beberapa Ahli: Ya!..... [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau mengikut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras, bagi saya memang saya tidak nampak dan tidak dengar. Jadi, walau bagaimanapun, saya telah membuat satu keputusan dan memaklumkan Yang Amat Berbahagia Tun Speaker akan menguruskan perkara ini.

Tuan Tan Kok Wai: Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker - jika tidak membaca surat khabar - Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah mengakui bahawa beliau telah pun berkata begitu semasa perbahasan menuju kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam dan pengakuan ini dibuat secara terbuka dan umumnya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Tan Kok Wai:kepada akhbar. Ini adalah benar dan pemberita

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat! Cukup! Saya faham, saya faham.

Tuan Tan Kok Wai:pemberita di sana yang berhampiran Yang Berhormat Kinabatangan pun mendengar apa yang dia kata pada masa tutur kata atau bahasa biadab yang dikeluarkan oleh beliau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini juga telah dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka kepada Tun Speaker. Jadi, ingin saya memaklumkan, perkara ini adalah dalam perhatian Tun Speaker sendiri.

Cukuplah! Yang Berhormat bagi Sandakan, sila.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi,

Tuan Tan Kok Wai: Ada lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atas peraturan mesyuarat apa?

Puan Fong Po Kuan: Peraturan 26(1) (p).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 26(1)(p)?

Puan Fong Po Kuan: Ya, 26(1) (p), Tuan Pengerusi, saya rasa tadi kata-kata Tuan Pengerusi adalah kurang bertanggungjawab

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya faham, saya faham.

Puan Fong Po Kuan: ...bahawa Tuan Pengerusi, tidak mendengar, tidak nampak, tetapi saya hormati Dewan ini, apa yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi, bahawa perkara ini telah diambil perhatian oleh Tun Speaker, tetapi saya berharap perkara ini tidak boleh dijadikan hanya satu perkara di antara Yang Berhormat Kinabatangan dengan Tun sahaja. Saya harap segala keputusan atau tindakan yang telah diambil oleh Tun dimaklumkan kepada Dewan keseluruhan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Fong Po Kuan: ...kerana kita kena menjaga nama baik Dewan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup! Kalau tidak puas hati Yang Berhormat boleh membawa usul juga, ikut peraturan mesyuarat yang tertentu. Cukuplah, cukup! Yang Berhormat bagi Sandakan, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup! Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

11.38 pagi

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil kesempatan membahaskan Maksud B.26 (Kementerian Pendidikan) Butiran projek 00700 mengenai pendidikan guru, maktab perguruan. Tambahan peruntukan sebanyak RM60 juta adalah dikehendaki bagi bayaran kemajuan dua maktab perguruan baru iaitu di Lipis dan Tawau serta 13 projek naik taraf maktab perguruan sedia ada yang dalam pelbagai peringkat pembinaan.

Tuan Pengerusi, saya meminta Kementerian Pendidikan mengkaji semula cadangan memindahkan Maktab Perguruan Sandakan ke Tawau. Sayugia dimaklumkan bahawa masyarakat daerah Sandakan telah mengemukakan rayuan kepada saya selaku Ahli Parlimen yang mewakili Sandakan untuk meminta agar status

Maktab Perguruan Sandakan. Huraian mereka adalah berdasarkan faktor-faktor seperti berikut:-

- (a) Sandakan merupakan daerah Ketua terbesar di Sabah yang mengandungi kawasan ulu dan pulau dan juga mempunyai ekonomi yang baik;
- (b) Sandakan mempunyai jumlah sekolah yang banyak namun menghadapi masalah kekurangan guru;
- (c) Guru-guru pelatih dan Maktab Perguruan Sandakan walau pun bukan berasal dari daerah Sandakan tidak mempunyai masalah apabila dihantar bertugas di Sandakan sama ada di ulu-ulu atau di pulau-pulau. Ini kerana pendedahan awal telah diberikan kepada pelatih-pelatih berkenaan berbanding pelatih guru yang bukan dengan Maktab Perguruan Sandakan yang sering menolak dihantar bertugas di Sandakan terutama di kawasan pedalaman;
- (d) Maktab Perguruan Sandakan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang pada masa itu merupakan Timbalan Perdana Menteri. Oleh yang demikian Maktab Perguruan Sandakan merupakan penghormatan kepada penduduk Sandakan daripada Perdana Menteri Malaysia;
- (e) Dari segi politik kewibawaan Barisan Nasional di Sandakan akan turut tergugat dengan pemindahan Maktab Perguruan Sandakan ke Tawau kerana tidak mempertahankan hak yang sepatutnya milik Sandakan;
- (f) Maktab Perguruan Sandakan merupakan salah satu kemudahan yang membantu visi Sandakan dilaksanakan iaitu menjadi sebuah bandaraya; dan
- (g) Sandakan merupakan salah satu destinasi pelancongan dari dalam dan luar negeri

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi meminta Kementerian Pendidikan untuk mengkaji semula cadangan memindahkan Maktab Perguruan Sandakan ke Tawau. Saya juga berharap Kementerian Pendidikan dapat menerima satu cadangan daripada saya mengambil satu tanah swasta seluas 155 ekar yang sedia ada di bandar Sandakan untuk tapak Maktab Perguruan baru pada Rancangan Malaysia Kelapan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

11.40 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B.26 dan P.26. Tiga perkara yang saya dengan secara ringkas akan membincangkan dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Dan nampaknya Yang Berhormat sekarang rambut pun sudah beruban sedikit..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini ada kena mengena, kerana kerjanya ada peruntukan Tuan Pengerusi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini hal peribadi.

Dr. Tan Seng Giaw: ..bukan peribadi, kita secara bersimpatilah [*Ketawa*] dan compassion belas kasihan pula....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat lapan minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Lapan minit? Macam mana pula, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat tidak ada lain hendak cerita.

Dr. Tan Seng Giaw: Banyak hendak cerita. Yang Berhormat di dalam kementerian memang ada membuat rancangan dan bertungkus lumus untuk menjayakan projek-projek. Itulah hendak saya sampaikan dan Tuan Pengerusi, jangan ganggulah saya. Hubungan saya dengan Yang Berhormat bagi Sungai Petani itu cukup baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau cukup baik bincang di luar Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah bincang Tuan Pengerusi, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dengan reka dan bina ada 494 projek untuk sekolah satu sesi dan setengah-setengah pun sudah siap, setengah-setengah itu sedang dibina dan 494 projek ini saya berharap boleh disiapkan pada masa yang ditetapkan dan boleh digunakan kerana tidak cukup untuk kita menjayakan konsep sekolah satu sesi. Itulah maksud saya kerana dia bertungkus lumus di sekolah bukan kita tidak tahu, kita tahu juga. Jangan kita hendak salahkan 100% tetapi pemantauan dan penyelarasan dan juga pelaksanaan itu tidak cukup baik. Kurang, mungkin kerana dia menjelajah ke seluruh negara tidak dapat untuk menyaksikan semua projek. Itulah masalah sekarang ini. Mungkin dia boleh dapat satu atau dua pembantu selepas kita berucap di sini.

Ini adalah kerana terlalu sibuk dan 494 projek itu tidak cukup kerana kita hendak menyaksikan 100% - lebih kepada 800 buah sekolah rendah dan menengah di negara ini - dapat menjayakan konsep satu sesi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai latihan guru. Kementerian sudah memperuntukkan RM148 juta untuk membiayai latihan guru termasuk menghantar guru-guru ke luar negara bagi melanjutkan kursus untuk mendapatkan kedoktoran dan sebagainya. Inilah program-program termasuk program khas pensiswazahan, kerana melalui PKPG dan juga program-program yang lain saya diberitahu bahawa pihak kementerian hendak menjadikan satu matlamat bahawa pada 2005 semua guru di dalam sekolah menengah akan menjadi guru siswazah. Itu matlamatnya. Ini tidak bermakna kalau seseorang guru itu mempunyai siswazah sarjana muda ataupun kedoktoran beliau adalah guru yang baik. Ini tidak semestinya, tetapi kita berharap melalui program-program yang telah ditetapkan itu semua guru ini dapat latihan yang cukup dan kita boleh menyaksikan semua guru akan mempunyai calibre yang tinggi. Itulah hasrat kita.

Cuma ada kelemahan-kelemahan sedikit termasuklah bagaimana kementerian memilih guru-guru ini. Itu masalahnya, Tuan Pengerusi, sebab ada saya kadangkala menerima aduan mengenai ketidakadilan dan kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak kementerian itu tidak cukup telus, tidak cukup adil untuk memilih seseorang guru untuk melanjutkan kursusnya sama ada di universiti tempatan ataupun di luar negara.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semula kriteria-kriteria yang digunakan seperti mana juga sistem kecemerlangan konsep guru cemerlang, pengetua cemerlang dan kenaikan pangkat berasaskan tempoh masa berjaya membuka laluan menegak kepada lebih ramai guru siswazah dan guru lepasan Diploma.

Mengenai konsep guru cemerlang ini, saya tidak mempertikaikan, ini memang baik tetapi masalahnya apabila kita pilih guru-guru ini untuk diberikan bukan sahaja latihan yang saya cakapkan tadi, kenaikan pangkat dan sebagainya kerana dengan lebih 250,000 guru di Malaysia ini dan sistem yang ada sekarang untuk mengendalikan dan menguruskan semua hal ini adalah boleh dianggapkan masih lagi ketinggalan zaman.

Itulah masalah Yang Berhormat mesti kaji sistem-sistem yang digunakan sekarang sama ada memilih guru untuk program-program latihan, guru siswazah ataupun untuk memberi dan menjayakan konsep guru cemerlang. Kadang kala Tuan Pengerusi masalahnya timbul kerana apabila seseorang guru itu bekerja dengan tungkus lumus, dia tidak dapat mendampingi Yang Berhormat Sungai Petani apabila dia melawat ke sekolah itu dan guru-guru yang tidak bekerja tetapi dia menonjolkan diri di sana. Inilah tabiat dan tabii manusia di kalangan guru pun ada. Apabila Yang Berhormat melawat sekolah-sekolah dia nampak guru besar ataupun pengetua begitu sibuk, begitu baik dan ada guru-guru kanan yang begitu baik dan guru-guru yang benar-benar bekerja tidak dapat apa-apa. Ini masalahnya, kadang kala yang menonjolkan diri dinaikkan pangkat kerana mengambil hati Yang Berhormat. Yang rajin

itu tidak nampak termasuklah yang di sebelah sana dan sini kalau rajin mungkin tidak nampak....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak gulung? Hendak gulung pun boleh juga [Ketawa] Inilah saya berharap bukan saya bangkitkan sekarang, masa dulu pun saya ada bangkitkan dan saya akan terus bangkitkan kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Menteri dan Timbalan Menteri pun kerana sibuk dengan merasmikan program-program dan projek-projek dan sebagainya tidak dapat mendalami masalah-masalah yang telah saya sampaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Sadong.

11.49 pagi.

Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan. Pertama berhubung dengan Rancangan Makanan Tambahan. Seperti yang kita maklum, kalau tidak silap saya, kalau tidak ada perubahan, Rancangan Makanan Tambahan ini adalah khas untuk pelajar-pelajar miskin sekolah rendah yang pergi ke sekolah tanpa sarapan pagi. Biasanya sebuah sekolah hanya dipilih beberapa orang pelajar, kadang-kadang 30 orang. Tidak semua pelajar sekolah rendah yang mendapat kemudahan seperti ini.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, setakat ini kalau ikut apa yang diperuntukkan di sini, pertambahan diminta oleh kerana untuk menampung bilangan hari yang bertambah. Saya ingin bertanya, adakah bilangan pelajar menerima skim ini juga bertambah, satu. Kedua, bagaimanakah pengurusan Sistem Rancangan Makanan Tambahan ini kerana kalau kita dapati Rancangan Makanan Tambahan selain daripada untuk memberikan sarapan ataupun meal kepada pelajar ini ialah juga untuk memberi makanan yang berzat tetapi dengan keadaan, cara pelaksanaan skim ini sekarang, ia tidak memberikan makanan berzat kepada pelajar kerana terlalu ketat dengan prosedur kewangan dan juga saya kalau tidak silap difahamkan, kadang-kadang sekolah kerana masalah prosedur kewangan, mereka hanya memberi telur dan *instant noodle* sebab itu dapat distock. Contohnya kalau mengikut prosedur kewangan, kita perlu mendapat tempahan setiap hari tetapi kalau sekolah itu sekolah kecil di pedalaman, takkanlah kontraktor itu hendak menghantar 30 biji telur setiap hari? It is not economical. Jadi sistem pengurusan ini perlu dilihat semula. Saya harap ada perubahan, saya tidak tahu mungkin sudah ada perubahan. Jadi ianya tidak menepati hasrat Skim Rancangan Makanan Tambahan ini.

Kedua berkenaan dengan peruntukan yang dipohon untuk alat buku dan alat bantuan mengajar, Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris. Di sini saya ingin menyentuh Kemahiran Hidup. Saya perhatikan bahawa Kemahiran Hidup ini menjadi satu *laughing stock*, minta maaf kerana di sekolah rendah ianya tidak menepati matlamat atau objektif sebenar kemahiran hidup ini iaitu untuk melatih anak-anak atau mengajar dari segi *skill* atau kemahiran.

Tetapi apa yang kita dapati di sekolah, guru-guru lebih mementingkan *end product rather than the process*. Ia tidak mementingkan proses, dia mementingkan hasil yang terakhir, *end product*. Sebab itu kadang-kadang kita dapati apa yang berlaku ialah projek yang dibuat oleh murid itu bukannya projek yang murid itu buat sendiri tetapi kadang-kadang ibu bapa yang buat dan membantu sebab cikgu mementingkan *end product*, bukan proses. Jadi ini yang saya merasakan bahawa ianya sudah tidak menepati matlamat atau objektif sebenar Kemahiran Hidup itu dulu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan ini, mungkin ada perubahan, belum pasti. Inilah yang berlaku sekarang ini dan kalau hendak dilihat dari segi keseluruhan Kemahiran Hidup, ini perlu dirombak kerana ianya tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Ia seolah-olah macam satu pelajaran rojak, tidak memberi manfaat kepada pelajar untuk menguasai apa-apa *skill* atau kemahiran.

Yang seterusnya berkenaan dengan Biasiswa Kecil Persekutuan. BKP ini adalah untuk pelajar-pelajar miskin kalau tidak silap saya tetapi yang ada prestasi yang baik. Tetapi kita harus ingat pelajar-pelajar yang prestasinya baik ini biasanya tidak

banyak. Kalau kita lihat dari segi *normal curve* dengan zin, akan ada *curve* yang di sebelah kanan dan kirinya *how many percent* sahaja, yang di tengah-tengah majoriti. Jadi kita hanya memberi peruntukan bantuan kepada yang sebilangan kecil. Tetapi kebanyakan anak-anak kita sekarang ini bersekolah terutama di luar bandar adalah dari golongan berpendapatan rendah. Mereka rajin bersekolah tetapi *performance* mereka *low* atas sebab-sebab tertentu tetapi mereka tidak mendapat bantuan apa-apa pun. Mungkin ada kerajaan negeri memberi bantuan uniform percuma dan sebagainya tetapi untuk belanja harian seperti membeli pensel, pen dan sebagainya mereka tidak ada.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, ada atau tidak kementerian mungkin kalau belum ada dimulakan satu skim untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin ini dengan memberikan peruntukan khas kepada sekolah untuk sekolah menampung keperluan pelajar-pelajar miskin misalnya dari segi membeli buku tulisan dan sebagainya iaitu keperluan harian yang kadang-kadang menyebabkan pelajar ini tidak mahu pergi ke sekolah dan ini menjejaskan prestasi mereka.

Kemudian saya ingin juga menyentuh dari segi peruntukan di bawah projek pejabat-pejabat pendidikan iaitu 01000. Saya pernah menimbulkan dalam Dewan ini beberapa kali setiap kali saya membincangkan aspek pendidikan tentang Pejabat Pendidikan Bahagian Samarahan dan Bahagian Bintulu dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengumumkan dua lagi bahagian untuk Sarawak iaitu Bahagian Mukah dan Bahagian Betong, Saratok. Saya khuatir dua bahagian yang saya sebut awal tadi iaitu Samarahan dan Bintulu sudah lama diwujudkan tetapi hingga sekarang belum ada pejabat pendidikan seolah-olah belum diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan akan wujudnya dua bahagian itu sehinggalah Bahagian Pendidikan Kuching terpaksa juga mengawasi Bahagian Pendidikan Samarahan dan bilangan sekolahnya seperti yang saya pernah beritahu, bilangan sekolahnya sangat besar yang boleh mengalahkan Perlis, Melaka dan sebagainya. Tetapi pegawai pendidikannya hanya seorang dan pegawainya limited untuk menjaga bahagian yang besar begitu juga Bintulu.

Jadi saya ingin tahu adakah peruntukan ini juga untuk keperluan dua pejabat itu dan selain itu juga untuk Pejabat Pendidikan Daerah di mana kita dapati di Sarawak, Pejabat Pendidikan Daerah amat daif sekali dan barangkali itu salah satu faktor mengapa masyarakat tidak begitu menghormati dan memandang tinggi kepada guru kerana pejabatnya pun macam kalau hendak dikatakan reban ayam teruk sangat tetapi memang teruklah, tidak setaraf dengan taraf seorang guru yang mengajar atau mendidik bakal pemimpin ataupun bakal profesional kita. Jadi saya harap kementerian dapat memberi penjelasan tentang apa-apa yang saya utarakan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu.

11.56 pagi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Perkara P.26 iaitu yang pertamanya tentang pembinaan sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah-sekolah menengah yang mana peruntukan yang diberikan di sini lebih daripada RM2 bilion. Saya ingin merujuk terus kepada pembinaan sekolah-sekolah di negeri Terengganu di mana saya difahamkan lebih daripada 60 buah sekolah telah, sedang dan akan dibina di negeri Terengganu dalam peruntukan yang diberikan ini dan yang pertamanya saya ingin mengetahui siapakah kontraktor-kontraktor yang diberikan projek-projek sekolah di negeri Terengganu ini dan yang keduanya jumlah keseluruhan yang diberikan kepada sekolah-sekolah di negeri Terengganu ini sendiri.

Apa yang berlaku di negeri Terengganu Tuan Pengerusi adalah pembinaan sekolah-sekolah ini telah menjadi satu isu politik yang begitu besar di mana berlakunya perebutan di kalangan kontraktor-kontraktor UMNO sendiri untuk mendapatkan projek mudah ini dalam konteks pembinaan sekolah-sekolah.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia tidak ada dalam Dewan ini tetapi saya ingin juga mendapatkan penjelasan kerana telah timbul persoalan-persoalan bahawa Timbalan Menteri Pendidikan merupakan *king maker* dalam menentukan siapakah kontraktor-kontraktor untuk mendapatkan projek-projek sekolah ini sendiri malahan Menteri Pendidikan sendiri pun tidak ada kuasa.

Timbalan Menteri Pendidikan lebih berkuasa daripada Menteri Pendidikan dalam menentukan projek-projek sekolah ini.

Saya didatangi oleh tiga orang kontraktor UMNO dan memberikan saya maklumat-maklumat ini dan mereka telah memberitahu saya dalam projek sekolah di negeri Terengganu di mana dua orang pimpinan UMNO negeri Terengganu – seorang Ketua Bahagian, saya tidak mahu sebut nama lagi. Seorang lagi Timbalan Ketua Bahagian telah menjalankan tugas untuk mendapatkan wang, cash money daripada kontraktor-kontraktor yang diberikan sekolah-sekolah ini antara RM100,000 sehingga RM150,000 cash money. Kalau mereka tidak berikan wang, kontrak ini akan ditarik balik atau mereka akan disenaraihitamkan.

Ini merupakan suatu tindakan yang tidak bertamadun dan saya harap.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Parit Sulong.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tidak ada masa, 10 minit, minta maaf. Kalau ada masa, saya bagi last. Saya harap Timbalan Menteri Pendidikan menjelaskan di dalam Dewan ini kerana nama baik beliau diperkatakan di kalangan kontraktor-kontraktor UMNO di negeri Terengganu yang meletakkan bahawa beliau begitu berkuasa dalam menentukan projek-projek ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua yang bangun.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Minta maaf, saya tidak ada masa, sepuluh minit, saya habiskan dulu. Yang keduanya B. 26. Saya ingin menyentuh tentang bantuan yang diberikan ataupun bantuan makanan yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah. Memanglah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa kemiskinan di kalangan pelajar-pelajar adalah begitu ketara terutamanya di negeri saya sendiri dan negeri Terengganu dan kawasan Parlimen saya sendiri Tuan Pengerusi, pelajar-pelajar miskin adalah....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Parit Sulong.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya minta maaf, masa adalah terlalu terhad.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atas Peraturan Mesyuarat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36 (6) kerana Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu memberikan sangkaan buruk kepada Timbalan Menteri Pendidikan dan saya harap kalau betul apa yang dimaksudkan, buatlah laporan polis ataupun kepada Badan Pencegah Rasuah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Insya-Allah saya akan buat laporan polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, teruskan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, saya ingin meneruskan. Dari sudut kemiskinan, bantuan yang diberikan ini adalah suatu yang perlu dipertingkatkan lagi. Di kawasan saya sendiri, anak-anak yang miskin adalah begitu ramai. Negeri Terengganu sebagaimana yang diketahui.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat sekali lagi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, tadi saya membangkitkan Peraturan Mesyuarat jadi saya minta Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah mencadangkan kalau ini benda benar, Yang Berhormat Kuala Terengganu boleh buat laporan polis dan kata beliau dia akan buat laporan polis.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Sila, saya bagi.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat tadi sebut Timbalan Menteri Pendidikan. Di Dewan ini, ada dua. Satu dipilih oleh pengundi Seremban, satu dipilih oleh pemimpin UMNO.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ya, sila-sila Terengganu.

Tuan Chow Kon Yeow: Yang mana dimaksudkan? [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terpulanglah daripadanya. Tuan Pengerusi, saya ingin teruskan dari segi kemiskinan di negeri Terengganu, kawasan Parlimen saya. [Dewan gamat seketika]. Apa yang berlaku dalam konteks Parlimen Kuala Terengganu di negeri Terengganu sendiri, pelajar-pelajar yang miskin adalah begitu ramai. Malang, lebih daripada 40 tahun UMNO memerintah dengan kekayaan hasil wang royalti dan sebagainya, ratusan anak-anak.....[Disampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini dalam Jawatankuasa, bukan dalam dasar.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, saya sebut B.26.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Hmm...ya, ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tidak, dia bercakap atas apa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Dia bercakap atas *point of order*, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya pun hendak bercakap dasar Tuan Pengerusi. [Dewan gamat seketika]

Puan Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, berkenaan dengan kemiskinan dan sebagainya, itu secara am Yang Berhormat. Ini ciri-ciri dalam Jawatankuasa kena spesifik.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya Tuan Pengerusi. Saya hendak spesifik kepada makanan tambahan dalam konteks kawasan Parlimen saya, pelajar-pelajar miskin ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila, sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Dia baru hendak dengar kepada kepala ini, saya baru hendak sebut perkara ini tentang apa yang berlaku dalam kawasan Parlimen saya sendiri di mana pelajar-pelajar yang miskin begitu ketara dan saya telah menjalankan satu projek untuk memberikan bantuan kepada pelajar-pelajar miskin termasuk makanan sendiri, saya hantar ke rumah-rumah mereka. Tetapi apa yang berlaku.....[Disampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, mesti berkaitan dengan tajuk yang diutarakan, bukan bercakap pasal soal.....

Tuan Pengerusi: Hmmm, ya, ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:.....ini termasuk dalam B.26, bukan hendak cakap pasal.....*[Dewan gamat seketika]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Dia hendak kacau sahaja.

Seorang Ahli: Saja hendak kacau.

Tuan Pengerusi: Okay, baik, baik.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Dia hendak rugi masa, hendak buang masa sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta spesifik ya. Jika sekiranya perbuatan Yang Berhormat itu bukanlah bersangkutan dengan perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan.....*[Disampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, saya hendak kaitkan dengan makanan ini, tambahan makanan kepada pelajar-pelajar miskin. Sebagai contoh, apa yang berlaku dalam Parlimen saya sendiri. Dalam konteks Parlimen saya sendiri, saya tidak dibenarkan untuk masuk ke sekolah-sekolah melihat keprihatinan, kesusahan yang dialami oleh pelajar-pelajar. Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan menilai kembali polisi yang mereka jalankan dengan tidak membenarkan Ahli-ahli Parlimen di negeri Terengganu untuk masuk ke sekolah-sekolah memberikan bantuan.....*[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:.....dalam kita untuk membantu pelajar -pelajar miskin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini gangguan Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap pun tidak boleh, Tuan Pengerusi. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya Tuan Pengerusi. Saya sebut begini Tuan Pengerusi kerana Puteri UMNO dibenarkan untuk buat projek Kakak Angkat, Adik Angkat di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini tidak bersangkutan dengan.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Bersangkutan dengan pelajar -pelajar miskin ini juga Tuan Pengerusi, dari segi makanan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita bercakap berkenaan dengan perkara perkara yang telah dibelanjakan dalam Jawatankuasa.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya Tuan Pengerusi. Dalam hal inilah yang saya sebutkan, apa peranan yang kami boleh mainkan sebagai Ahli Parlimen dalam konteks bantuan yang boleh diberikan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak bersangkutan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Haah, ini kacau sahaja.

Seorang Ahli: Jadi macam terroristlah begitu. Kepanasan nampak ini. *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terrorist daripada mana ini, Rompin?

Seorang Ahli: Apa pasal ini Rompin?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, saya mengharapkanlah projek, program dan Rancangan Makanan Tambahan ini, memberikan perhatian yang penuh terutamanya di negeri Terengganu sendiri terhadap pelajar-pelajar yang miskin dalam Parlimen saya. *[Dewan gamat seketika]* Dalam hal ini, negeri Terengganu negeri yang kaya, tetapi rakyatnya miskin. Kawasan Parlimen saya, saya hendak ulang lagi, kawasan Parlimen saya sendiri, beratus-ratus anak-anak nelayan, petani yang miskin. Melalui satu kehidupan yang begitu miskin dan saya mengharap dengan tambahan yang diberikan ini, akan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat bahawa sesungguhnya negeri Terengganulah yang merupakan satu-satunya negeri yang diperintah oleh UMNO dan Barisan Nasional, negerinya rakyatnya miskin, pemimpin-pemimpin di bawah kerajaan UMNO dan Barisan Nasional kaya raya dengan hasil kekayaan berpuluh-puluh tahun itu sendiri. *[Tepuk] [Dewan gamat seketika] [Ketawa]*

Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Ya?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Apa hal ini? Apa hal? *[Ketawa]*

12.05 tgh.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 00102, Rendah Akademik dan juga Butiran 03500, Ubahsuai dan Naik Taraf.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencatatkan perhatian saya kepada peruntukan tambahan sebanyak RM870 juta bagi membiayai 566 buah projek dalam pembinaan, terutamanya 122 projek yang perlu disiapkan sebelum Disember 2001 dan juga peruntukan sebanyak RM130 juta yang dikehendaki untuk bayaran kemajuan kerja-kerja ubahsuai sekolah rendah. Saya mengalu-alukan peruntukan tambahan ini kerana dapat mencapai matlamat pelbagai rambang. Selain daripada boleh memberangsangkan ekonomi melalui pembinaan sekolah-sekolah, peruntukan tambahan ini akan dapat memperbaiki infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sekolah rendah khususnya. Pendidikan memainkan peranan yang penting untuk menyediakan generasi muda untuk menghadapi cabaran hidup dan pembangunan ekonomi. Peluang untuk mendapat pendidikan adalah hak manusia yang begitu asasi dan kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan peluang seluas-luasnya kepada setiap rakyat.

Tuan Pengerusi, peruntukan RM1 bilion adalah di bawah dua tajuk tadi, adalah satu peruntukan yang besar dan saya ingin tahu jumlah peruntukan daripada jumlah ini yang akan disalurkan ke negeri Pulau Pinang khususnya sekolah-sekolah jenis kebangsaan aliran bahasa Cina dan Tamil.

Di negeri Pulau Pinang Tuan Pengerusi, masih banyak sekolah aliran bahasa Cina dan Tamil yang menghadapi masalah seperti bangunan sekolah yang usang dan perlu diubah suai dan naik taraf. Ada pula ditempatkan semula ke tempat baru tetapi, pihak sekolah perlu bertanggungjawab sendiri untuk mencari tapak sekolah dan mencari tabung untuk membina bangunan sekolah yang baru. Masyarakat Cina di negeri Pulau Pinang yang ingin melihat perkembangan pendidikan bahasa ibunda, perlu melancarkan kempen derma untuk membantu sekolah-sekolah membina semula bangunan. Sebagai contoh, SRJK(C) Pulau Betong di kawasan Parlimen Balik Pulau, memerlukan RM80 ribu untuk membina sebuah bangunan baru untuk mengganti bangunan lama yang usang, diserang semut dan juga menghadapi masalah banjir dan diisytiharkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai bangunan bahaya.

Saya ingin menyeru Kementerian Pendidikan menyalurkan peruntukan di bawah Perbelanjaan Tambahan ini untuk membolehkan SRJK(C) Pulau Betong di Balik Pulau ini membina semula bangunan baru. Peruntukan RM1 bilion ini adalah amat besar dan Kementerian Pendidikan harus boleh menyalurkan wang kepada kes-kes yang sungguh mendesak, yang memerlukan bantuan kewangan dengan segera. Saya juga berharap, kerja-kerja pembinaan dan naik taraf ini dapat ditawarkan kepada para

kontraktor yang mampu dan juga melibatkan bilangan kontraktor yang sebesar-besarnya dan tidak hanya ditawarkan kepada konsortium-konsortium yang besar sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Pengerusi, boleh saya minta nasihat?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya. 26(1)(p), boleh saya minta nasihat daripada Tuan Pengerusi, sebab saya pagi tadi, ada bawa perkara ini dan saya dinasihatkan bahawa dalam perhatian Tuan Pengerusi, boleh saya tahu, apakah perkembangan terakhir? Itu sahaja. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Sudah dipertimbangkan?

Tuan Pengerusi: Sedang dipertimbangkan.

Tuan Kerk Kim Hock: Sedang dipertimbangkan, ya? Okey, okey.

12.08 tgh.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 00120, Rendah Akademik. Saya difahamkan bahawa RM870 juta telah diperuntukkan supaya membiayai 566 buah projek tetapi sebanyak 122 projek perlu disiapkan pada bulan Disember ini. Saya menganggapkan peruntukan tambahan ini perlu kerana ini untuk memberi sekolah baru, keperluan kepada anak-anak kita di satu kawasan tersebut. Tetapi yang penting sekali, saya minta pihak kementerian supaya memastikan kawasan-kawasan yang mendesak, kawasan-kawasan yang tidak ada sekolah langsung, seperti perumahan baru hendaklah diambil kira supaya diwujudkan sekolah baru untuk anak-anak kita di sekitar kawasan itu. Tanpa kemudahan itu, saya rasa tidak puas hati akan disuarakan oleh para penduduk sekitar kawasan. Masih terdapat banyak kawasan mendesak yang kritikal. Laporan-laporan atau rayuan-rayuan daripada masyarakat tempatan telah dikemukakan kepada kementerian, sepatutnya dipertimbangkan, di mana kawasan yang perlu untuk didirikan sekolah, hendaklah diberi pertimbangan.

Tuan Pengerusi, Butiran 01100, Bantuan Modal. Saya nampak tambahan RM10 juta untuk sekolah bantuan modal ini, memang satu langkah yang wajar. Walau bagaimanapun, RM10 juta yang telah ditambahkan untuk projek 130 buah projek bantuan modal ini, setiap kali kita dapat peruntukan tambahan diberi tanpa senarai sekolah tersebut. Kita tidak tahu 130 buah sekolah bantuan modal yang akan terima bantuan ini di mana. Seperti kawasan saya juga ada sebuah sekolah jenis kebangsaan, jenis bantuan modal tetapi sama ada sekolah ini dapat bantuan, tidak tahu. Apa kriteria akan digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan projek projek yang diberi kepada sekolah-sekolah bantuan modal ini?

Kadang-kadang keperluan bantuan modal ini perlu kepada sekolah-sekolah tersebut untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas untuk anak-anak kita. Dengan demikian itu, saya harap senarai projek 137 ini dapat dihuraikan dalam Dewan ini supaya kita tahu lokasinya dan manakah sekolah bantuan modal yang telah menikmati kemudahan yang diberi oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, satu lagi Butiran 04800 - Kolej Komuniti. RM100 juta diperuntukkan untuk 12 projek kolej komuniti. Sehingga kini, berapakah jumlah kolej komuniti telah dibina? Saya difahamkan bahawa setiap kawasan Parlimen akan diberi sebuah kolej komuniti untuk kemudahan pendidikan di kawasan tersebut. Saya tidak tahu garis panduan, cara mana untuk menentukan kawasan luasnya dan cara mana untuk mengemukakan permohonan ini supaya dapat wujudkan kolej komuniti di kawasan-kawasan yang tertentu. Ini kerana, sehingga kini di kawasan Parlimen Serdang ini masih belum menikmati atau dapat maklumat berkaitan dengan pembinaan kolej komuniti. Sebenarnya kawasan Parlimen Serdang perlu dan mendesak untuk mengadakan kolej komuniti yang diberi oleh Kementerian Pendidikan.

Dengan demikian, saya harap buat waktu ini, projek pembinaan kolej komuniti dengan adanya 12 buah projek ini, bolehlah disenaraikan di mana kawasannya, lokasinya supaya kita faham kawasan-kawasan di mana letaknya yang telah menikmati kemudahan itu? Ini penting kerana kita akan faham cara mana untuk mengagihkan projek-projek untuk mewujudkan kolej komuniti supaya anak kita dapat menikmati

kemudahan pendidikan di kawasan tersebut. Saya rasa pendidikan ini memang penting kepada penduduk di kawasan tersebut untuk menikmati kemudahannya.

Satu perkara penting saya hendak menekankan di sini seperti Butiran 00200 – Pendidikan Menengah. Walaupun sudah terdapat banyak peruntukan tambahan tetapi satu sekolah menengah yang dicadangkan di Taman Sungai Besi Indah di kawasan saya sebenarnya projek ini telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh sebab yang tertentu. Tetapi kawasan tersebut begitu mendesak, kritikal untuk mewujudkan sekolah menengah.

Sepatutnya Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kawasan tersebut di mana telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh supaya dapat mempercepatkan pembinaan sekolah menengah di situ untuk menampung murid-murid yang begitu ramai, yang tidak dapat lagi masuk ke sekolah-sekolah menengah di sekitar kawasan itu.

Ini adalah satu masalah yang hendaklah diperhatikan oleh pihak kementerian di mana laporan daripada Pejabat Pendidikan Selangor telah dikemukakan. Saya sendiri telah beberapa kali menghubungi pegawai supaya mempercepatkan projek tersebut. Ini demi kepentingan anak-anak kita untuk mendapat pendidikan lebih baik lagi di kawasan tersebut. Dengan demikian saya harap pihak Pendidikan bolehlah memberi perhatian dan keutamaan yang dikemukakan oleh wakil rakyat Barisan Nasional di mana wakil rakyat Barisan Nasional begitu prihatin terhadap tahap pendidikan di kawasan tersebut, maka saya harap pembinaan sekolah menengah di Taman Sungai Besi Indah ini dapat dimulakan bukan tahun ini mungkin di tahun depan demi kepentingan penduduk di kawasan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, SibU.

12.17 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 01100 di bawah Bantuan Modal.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana nampaknya untuk tahun 2001 peruntukan untuk bantuan modal telah dinaikkan tetapi kalau ditimbang dengan lain-lain butiran ini masih kekurangan.

Tuan Pengerusi, bagi pihak sekolah-sekolah bantuan di kawasan saya khasnya sekarang ada tiga buah sekolah dahulu dibina oleh Misi Katolik kerana sudah lama belum diperbaiki. Nama sekolahnya ialah Sekolah Menengah Saved Heart, Sekolah Menengah St. Elizabeth dan Sekolah Rendah Saved Heart (Inggeris) itu nama sahaja tetapi semua bahasa pengantar ialah Bahasa Melayu. Sekolah di kawasan saya mempunyai kurang lebih 5,000 orang murid tetapi bilik darjah kekurangan dan kemudahan-kemudahan seperti dewan sekolah, lab dan lain-lain semua kurang. Pihak Lembaga Sekolah Mengurus telah menjalankan satu rancangan untuk membina extension, dengan izin, programme, semua ongkosnya lebih kurang RM8 juta.

Tetapi sekarang kerana kegawatan ekonomi Lembaga Sekolah ada banyak kesulitan mengutip derma dari pihak swasta kerana ini adalah bukan sekolah jenis kebangsaan Cina iaitu lebih sulit pun. Saya merayu dengan ikhlas supaya kementerian timbang kembali kerana nampaknya untuk tahun 2001 jumlahnya hanya RM21 juta daripada RM6 bilion iaitu saya harapkan bantuan modal harus dinaikkan dan tambah pula sistem implementasi. Bolehkah kementerian kaji semula, memberikan *outright grant*, dengan izin, kepada Lembaga Sekolah Mengurus supaya mereka boleh guna nilai setiap ringgit kepada sekolah.

Saya difahamkan kalau pakai design and build ataupun turnkey project itu selalu harganya lebih tinggi iaitu nilainya akhirnya guna kepada rakyat akan dikurangkan. Itulah saya harap kerana Lembaga Sekolah Mengurus di sekolah bantuan mereka ada satu semangat iaitu mereka bukan bertujuan untuk membuat keuntungan. Tujuan mereka 100% untuk bantuan membangunkan pendidikan di negara kita. Saya fikir kalau boleh memberikan geran modal bantuan langsung kepada Lembaga Sekolah ini nilainya adalah lebih tinggi dan lebih berkesan. Saya harap Kementerian Pendidikan kaji dengan baiknya.

Saya ingin menyentuh 03506 – Pembangunan Luar Bandar, Sabah dan Sarawak. Ini memberikan tambahan RM100 juta. Saya ingin tahu jumlahnya cukup besar, cukup baik untuk Sabah dan Sarawak tetapi untuk Sarawak berapa dan untuk

kawasan saya Sibul pula berapa? Ini semua saya mahu tahulah *[Ketawa]* kerana di luar bandar pun kawasan saya banyak sekolah kerajaan, sekolah rendah dan menengah perlu bangunan sekolah dan kemudahan-kemudahan sukan dan lain-lain perlu diperbaiki dengan segeranya.

Dua perkara ini saya harap kementerian boleh beri perhatian khasnya rakyat di negeri Sarawak memberi sokongan yang penuh kepada Barisan Nasional. *[Tepuk]* Kami harapkan kementerian di sini memberi perhatian yang lebih berat kepada Sarawak. Sekian, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu usul Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.21 tgh.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Usul:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan keputusan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga 2001 dan selepas itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke jam 4.00 petang pada esok hari.

Terima kasih.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam.

12.25 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 00102 dan juga Butiran 03500. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tanjong saya harap sekolah-sekolah yang perlu peruntukan atau bantuan segera boleh diberi bantuan. Saya juga ingin menarik perhatian kementerian bahawa ada sekolah-sekolah yang usang yang perlu dibina semula. Pihak sekolah sendiri pun telah kutip derma untuk membinanya tetapi pelannya atau proses kelulusannya sangat-sangat sulit. Mereka susah hendak mendapat kelulusan walaupun wang itu telah dikutip oleh pihak sekolah dari ibu bapa dan juga masyarakat umum. Dan sekolah ini ialah seperti SRJK(C) Phoi Eng di Getah Sanggul, Penang. SRJK(C) Chong Chen juga di Pulau Pinang dan SRJK(C) Boon Bing di Simpang Empat Nibong Tebal.

Saya juga ingin memperingatkan kerajaan Barisan Nasional apabila telah buat janji perlulah tunaikan janji itu iaitu di dalam pilihan raya 1999 ada janji telah diberi bahawa beberapa buah sekolah rendah Cina akan dibina tetapi sampai hari ini masih belum ditunaikan. Dan salah satunya ialah SRJK(C) Chee Boon yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Serdang dan rakyat di sana tertunggu-tunggu bilakah kerajaan Barisan Nasional ini akan tunaikan janji itu.

Saya ingin menyentuh Butiran 01000 Pejabat-pejabat Pendidikan. Tuan Pengerusi, pejabat pendidikan di Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan beberapa tahun yang lalu dicantumkan. Pada dahulunya SPT ada sebuah pejabat pendidikan daerah dan SPS ada satu untuk dia. Tetapi sekarang ia telah dicantumkan.

Saya tidak faham apakah tujuannya kerana kalau bank di merger kita tahu kerana keperluan globalisasi perlukan capital yang besar tetapi sekarang pejabat kecil daerah ini dicantumkan ia menyusahkan dan menyulitkan rakyat. Dia ada di pinggir di tengah-tengah sempadan SPT dan SPS, susah rakyat hendak pergi ke sana kerana perkhidmatan bas pun kurang dan ia jauh daripada kedua-dua daerah.

Saya pergi ke situ dan saya telah buat appointment dengan pegawai. Saya pergi di sana, saya masuk dan katakan saya Ahli Parlimen Bukit Mertajam ada appointment dengan pegawai. Kerani di sana katakan walaupun Ahli Parlimen sila keluar kerana mesti tunggu di luar. Di luar sana tidak ada kerusi dan dia ada satu tingkap kecil untuk ibu bapa untuk berbaris menunggu menyampaikan apa-apa perkara mereka untuk berjumpa dengan pegawai. Dan pegawainya dia duduk di dalam pejabat ada air-conditioner. Ibu bapa semua berbaris di luar di bawah matahari.

Saya rasa ini sangat kurang *humiliating* kepada ibu bapa dan para pembayar cukai. Tidak ada tempat hendak duduk di luar dan walaupun buat appointment kepada seorang wakil rakyat mereka pun buat begitu. Bagaimana dengan rakyat-rakyat biasa. Jadi, saya harap kementerian akan memperbaiki perkhidmatan seperti ini dan juga harapnya berilah perkhidmatan seperti kemudahan yang lebih baik kepada pembayar cukai. Kalau di luar sana tidak ada air-condition pun tidak apa tetapi silalah sediakan kerusi supaya mereka tidak perlu berdiri dan di bawah matahari. Dan sikap pegawai di sana saya rasa perlulah diperbaiki. Janganlah memandang rakyat sebagai satu beban. Rakyat ini perlulah dilayan sebagai pengguna, *client* atau *customer* dan bukan sebagai beban khususnya mereka yang datang dari jauh dan luar bandar. Jadi, saya harap kementerian dapat menimbangkan supaya Pejabat Pendidikan Daerah SPT dipinda balik di bandar Bukit Mertajam supaya ia tidak akan susahkan para pengguna.

Saya ingin tujukan kepada Butiran 04800 iaitu Kolej Komuniti. Dikatakan sebanyak 12 buah projek Kolej Komuniti akan dibina di bawah Belanjawan Tambahan ini. Saya ingin tahu di manakah dua buah Kolej Komuniti ini dan bagaimana kerajaan membuat keputusan kawasan mana yang perlu diutamakan. Apakah kriterianya kita membuat priority di sini ia perlu diutamakan, disegerakan dan di tempat yang lain boleh dilambatkan? Apakah kriterianya? Jangan-jangan dia gunakan kriteria politik di mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpengaruh kawasannya dibina terlebih dahulu.

Saya juga ingin memberitahu kementerian bahawa di Sungai Petani di kawasan Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, di kawasan beliau ada sebuah SRJK(C) Ching Chung yang diserang termites dan juga diisytihar bahawa bumbungnya perlu ditukar. Walaupun Deputy Minister of Education sudah pergi ke sana tetapi dia katakan dia akan cuba mendapatkan peruntukan untuk sekolah ini.

Saya juga harap - saya bantulah Yang Berhormat bagi Seremban - supaya disegerakan. Ini pun di dalam kawasan Yang Berhormat. SRJK(C) Pulau Betung itu juga harus disegerakan kerana saya pun pernah membangkitkan perkara ini pada sesi yang lalu tetapi nampaknya tidak ada apa-apa tindakan. Saya harap supaya untuk menjaga nama baik Barisan Nasional perkara-perkara seperti ini boleh disegerakan.

Saya ingin menyentuh B.26 mengenai alat bantuan mengajar dan kita semua tahu bahawa ada buku bantuan yang diberikan kepada sekolah-sekolah serta pelajar-pelajar. Saya merayu di sini supaya syarat buku bantuan ini disamakan di sekolah kebangsaan dan juga di Sekolah SRJK(C) dan juga Tamil kerana pada masa sekarang syaratnya adalah tidak sama. Di sekolah kebangsaan ibu bapa yang pendapatannya di bawah RM2,000 boleh mendapat bantuan tetapi di SRJK(C) Tamil dan Cina ibu bapa yang berpendapatan RM1,000 ataupun RM1,500 boleh mendapat bantuan. Adakah perbezaan?

Saya rasa skim bantuan kepada orang miskin. perlu disamakan dan tidak patut dibeza-bezakan mengikut apa yang dikatakan aliran sekolah. Tetapi kita semua tahu dan maklum bahawa sekolah rendah Cina dan Tamil pelajar-pelajarnya ramai pelajar berbangsa Cina dan juga Tamil. Di situ akan dipandang sebagai perbezaannya berdasarkan kaum dan itu tidak akan mendatangkan faedah kepada negara ini yang berbilang kaum.

Saya harap skim ini.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Puan Chong Eng:saya harap skim ini boleh diperbaiki dan apa yang saya sebut di sini dapat perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Beluran.

12.35 tgh.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00700 (Pendidikan Guru, Maktab Perguruan). Terutamanya saya menyentuh tentang Maktab Perguruan Tawau.

Di Sabah kalau kita kira Maktab Perguruan kita mempunyai Maktab Perguruan Sandakan, Maktab Perguruan Tuaran, Gaya dan juga Keningau, ada empat buah maktab.

Sekali imbas Tuan Pengerusi, kita melihat bahawa Maktab Perguruan Tawau ini merupakan satu maktab perguruan baru tetapi dari segi bilangan maktabnya ianya tidak berubah. Ianya cuma merupakan satu maktab yang dipindahkan daripada Maktab Perguruan Sandakan ke maktab di daerah Tawau. Saya melihat ini sebagai satu kerugian bagi daerah Sandakan pada keseluruhannya di mana sejak sekian lama Sandakan mempunyai sebuah maktab perguruan dan secara tidak langsung ianya membantu untuk pertumbuhan ekonomi di daerah Sandakan.

Keputusan Kementerian untuk memindahkan Maktab Perguruan Sandakan ini menjadi Maktab Perguruan Tawau merupakan satu kerugian bagi daerah Sandakan. Saya ingin tahu apakah sebab Kementerian mengambil keputusan untuk memindahkan maktab ini ke Tawau dan saya telah berbincang dengan beberapa pihak jika tanah merupakan masalahnya di mana di Maktab Perguruan Sandakan yang ada sekarang dikatakan sebagai tidak mempunyai keluasan yang mencukupi. Saya difahamkan bahawa pihak Majlis Perbandaran Sandakan dan juga pihak Jabatan Tanah bersedia untuk mencari tanah yang sesuai untuk memindahkan Maktab Perguruan Sandakan itu ke kawasan Sandakan.

Jadi, saya ingin tahu apa perancangan sama ada Kementerian akan mengadakan semula atau membina semula sebuah maktab untuk Sandakan dalam jangka masa panjang atau terdekat ini ataupun akan kekal sedemikian pada ketika ini.

Butiran 0800 – Rumah-rumah Guru Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya baru balik dari kawasan saya, sebuah kawasan Pulau Jambungan yang kira-kira empat jam perjalanan dengan bot menggunakan kuasa kuda 250. Jika menggunakan enjin 40 kuasa kuda kita akan mengambil masa lebih kurang tujuh lapan jam untuk sampai ke pulau tersebut.

Saya melawat sebuah sekolah yang dinamakan sebagai S.K. Kampung Limau-Limau di Pulau Jambungan. Sebuah sekolah baru, sekolah rendah yang baru siap dibina lebih kurang enam tujuh bulan yang lalu dan baru juga digunakan dan di tempatkan enam orang guru di sekolah tersebut. Kepincangan yang saya lihat ialah bahawa sebuah sekolah kebangsaan yang baru tetapi tidak dibina bersama rumah-rumah untuk guru-guru. Saya melihat ini sebagai satu perkara yang tidak dapat merangsang para guru untuk memberikan pengajaran yang sepenuhnya kepada murid-murid.

Dalam keadaan sekarang ini enam orang guruguru tersebut diletakkan di salah satu ruang bangunan yang sepatutnya dijadikan sebagai pejabat guru-guru, (staff room) tetapi terpaksa dijadikan sebagai tempat tinggal enam orang guru ini pada ketika ini. Sekolah ini juga tidak dibekalkan dengan bekalan api, tidak ada elektrik dan cuma mempunyai sebuah tangki kecil untuk bekalan air. Saya melihat ini sebagai satu perancangan yang tidak sempurna di pihak Kementerian dan saya menyeru agar seperti yang dimaklumkan di Dewan ini bahawa setiap sekolah yang baru dibina di kawasan luar bandar akan dilengkapi dengan rumah guru dan kemudahan-kemudahan yang lain.

Tuan Pengerusi, ini salah satu contoh di S.K. Limau-limau tetapi kalau kita lihat keseluruhan kawasan luar bandar ini rumah guru merupakan satu masalah yang besar yang dihadapi oleh sebahagian besar guru-guru yang berkhidmat di luar bandar terutama di kawasan Sabah dan khususnya di kawasan Beluran. Saya harapkan Kementerian akan mengambil perhatian dalam perkara ini dan mengutamakan peruntukan-peruntukan yang cukup bukan sahaja untuk membina sekolah-sekolah

yang baru yang dilengkapi dengan rumah-rumah guru tetapi membina rumah-rumah guru untuk sekolah-sekolah yang telah lama dioperasi

Saya berharap agar kementerian mengkaji, melihat keadaan ini di kawasan luar bandar dan mengambil sesuatu tindakan yang lebih berkesan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Aman.

12.41 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sekarang merujuk kepada Maksud B.26 – 020800 Perkembangan Kurikulum. Dan kelmarin saya difahamkan bahawa seramai 34,812 orang murid di sekolah rendah dan 17,317 orang pelajar di sekolah menengah negeri Sarawak mengambil mata pelajaran Bahasa Iban.

Lima tahun yang lepas saya telah memajukan soalan yang sama dan pada masa itu saya difahamkan 60,000 orang murid sedang mengambil mata pelajaran ini. Jumlah manusia meningkat tetapi orang yang mengambil mata pelajaran ini sudah turun dan saya ingin tahu di manakah kelemahan kita? Oleh kerana pada pilihan raya yang baru sahaja diselesaikan orang dari kaum Iban yang majoriti di Sarawak telah memberi sokongan yang penuh, yang padu terhadap Barisan Nasional.

Mengikut peribahasa orang Iban, Tuan Pengerusi, kalaulah orang mengaku kita Datuk kita juga mesti mengaku mereka cucu. Jadi, ini juga saya rasa sikap yang harus kita pegang di Dewan yang mulia ini dan melalui Kementerian Pendidikan saya minta penjelasan tentang langkah yang bermakna yang sedang diambil oleh kementerian untuk menentukan semua orang yang layak, semua orang yang ingin mengambil mata pelajaran ini dilayan dengan betul, dengan baik, dengan cara yang sempurna.

Saya juga minta mata pelajaran ini ditentukan dan diajar di dalam jadual waktu. Saya tahu satu daripada sebab murid-murid yang mengambil mata pelajaran ini menurun oleh kerana mata pelajaran lain diajar di dalam waktu sekolah dan mata pelajaran Bahasa Iban ini diajar di luar waktu sekolah. Ini memberi kesusahan kepada murid-murid dan ibu bapa dan guru-guru dan ia membunuh minat terhadap mata pelajaran ini.

Dan juga satu daripada kelemahan timbul oleh kerana dikatakan pembekalan guru tidak mencukupi, tetapi saya tahu sekarang kita ada cukup guru untuk memberi latihan dalaman di sekolah dan juga latihan pada hujung minggu. Saya hendak tahu mengapakah ini tidak dijalankan. Saya juga selalu mengesyorkan pegawai Bahasa Iban harus ada kerana kita ada pegawai-pegawai untuk menyelia pengajaran bahasa-bahasa yang lain. Mengapa tidak adakan yang sama bagi Bahasa Iban di peringkat Jabatan Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Bahagian dan ibu pejabat di Kuching?

Pada masa dahulu Tuan Pengerusi, kita ada pegawai di Bahagian Kurikulum tetapi sekarang tidak ada. Apabila kita memberi peruntukan kepada Bahagian Kurikulum kita mesti menentukan ia merangkumi untuk perkembangan Bahasa Iban. Jadi, amalan sekarang Tuan Pengerusi, kita beri satu jumlah untuk perkembangan kurikulum dan oleh kerana kalaulah ada pegawai di sana, pegawai itu tidak begitu kanan. Apabila ketua dia mengatakan untuk buat kurikulum itu, dia hilang suara oleh kerana dia takut, oleh kerana tidak begitu kanan. Dan oleh kerana itulah saya minta peruntukan yang khas supaya dia tidak usah bergaduh untuk membantu pengajaran Bahasa Iban ini.

Saya dan Dewan ini juga telah diberitahu bahawa sebuah dua buah maktab perguruan di Sarawak akan digunakan untuk mengajar Bahasa Iban sebagai bahasa elektif dan saya hendak tahu dari Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen yang saya tahu memang prihatin terhadap perkara ini. Saya hendak tahu di manakah tahap kemajuan kita sekarang? Saya juga hendak minta jasa baik pegawai-pegawai yang kanan di Kuala Lumpur ini dan di kementerian untuk memantau bukan sahaja masalah pengajaran Bahasa Iban tetapi masalah pengajaran Bahasa Dusun ataupun bahasa-bahasa yang lain.

Kita rasa inilah satu favourite saya Tun Pengerusi. Saya rasa kita mesti membuat satu auditan terhadap apa polisi yang kita hendak jalankan. Oleh kerana kadang-kadang pegawai kita apa yang kita hendak buat majunya ataupun gagal adalah ditentukan oleh pegawai dan kadang-kadang pegawai kita mereka ada interpretasi mereka sendiri. Apa yang bos hendak buat, menteri hendak buat mereka kata buat seperti ini.

Dan kadang-kadang apabila kita nasib baik menerima pegawai yang terbuka kepada idea-idea yang baru apa yang kita hendak buat mujur. Tetapi apabila kita ada pegawai yang keras kepala pegawai prejudis, pegawai yang tidak mahu endahkan arahan jadi kita susah. Dan saya rasa dalam kita menjalankan tugas kita hendak menentukan wang kita ini dibelanjakan dengan senonoh, hendak menentukan polisi permintaan dari *backbencher*nya dijalankan dengan senonoh, saya rasa kita mesti menjalankan auditan dari masa ke semasa untuk menentukan hasrat kita dari Dewan ini, hasrat kementerian dijalankan dengan betul, dengan baik.

Yang seterusnya, Tun Pengerusi, saya merujuk kepada ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada satu minit lagi .

Tuan Jimmy Lim Donald: Kalau macam itu, semua universiti-universiti ini saya selalu menerima keluhan dari murid-murid di universiti-universiti Tun Pengerusi bahawa kadang-kadang pensyarah mereka datang lewat, pulang awal dan mengancam hendak menggagalkan mereka, jadi saya hendak tahu apakah rancangan menyeluruh kita untuk menanam sikap profesionalis me di kalangan pensyarah di semua universiti di Malaysia ini. Dan apakah pemantauan dan penyeliaan yang kita buat terhadap mereka supaya murid memang mendapat *tertiary education* yang ada harga, yang ada nilai supaya mereka tidak tertekan, tidak terancam dan juga tidak tercicir dari pelajaran mereka, Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tuan

12.47tgh.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh dalam hanya tiga perkara. Yang pertama dalam soal pendidikan rendah dan juga pendidikan menengah. Saya bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Beluran tadi dan bagaimana satu-satu sekolah itu dibina.

Di kawasan saya Tuan Pengerusi, saya ada dua buah sekolah menengah yang telah dibina iaitu Sekolah Menengah Seri Nangka dan Sekolah Menengah Sungei Damit. Dan pula kita lihat pelajar-pelajar yang datang ke sekolah ini sebahagian besar daripada adalah datang daripada jauh. Tetapi yang menghairankan, asrama tidak dibina. Begitu cantik sekolah dia tetapi asrama tidak dibina. Jadi ini saya ingin tahu kenapakah apabila satu-satu kemudahan dibina, sekolah dibina asrama tidak dibina dan seperti yang dikatakan Yang Berhormat daripada Beluran tadi, sekolah dibina, rumah guru tidak dibina.

Ada juga satu sekolah di kawasan saya itu rumah guru tidak dibina. Ada juga satu sekolah di kawasan saya itu, SK Tudan di mana sekolah ada tetapi rumah guru tidak dibina dan terpaksa kita bergotong royong. Barubaru ini kita juga membina dua buah, bergotong royong dengan orang-orang kampung membina rumah guru.

Jadi saya hairan, apakah sebabnya perkara ini. Adakah pihak kementerian, pegawai-pegawai tidak memahami keadaan di luar bandar di Sabah. Kadang-kadang saya terfikir barangkali mereka tidak faham bahawa apabila dibina sebuah sekolah menengah ada pelajar datang dari jauh. Barangkali ini tidak berlaku di tempat-tempat di Kuala Lumpur. Itu saya tidak tahu, tetapi itu satu perkara yang saya mirta supaya diberi perhatian.

Yang kedua, Tuan Pengerusi ialah dalam butiran 01000 iaitu pejabat pendidikan. Di kawasan saya Tuan Pengerusi, saya mempunyai dua pejabat pendidikan daerah dan dua pejabat pendidikan daerah ini, pentadbirannya begitu baik. Apa yang diperlukan di situ yang saya lihat ialah PPD itu sendiri. Di negeri Sabah kadang-kadang dia tidak mempunyai kuasa terhadap pengetua-pengetua sekolah menengah sebab pengetua sekolah menengah dengan PPD itu setaraf. Tangga gaji dia sama dan hanya guru-guru besar di Sekolah Rendah yang mendengar apa yang dia buat.

Saya difahamkan bahawa pentadbiran PPD di negeri Sabah dengan PPD di Semenanjung ini tidak selaras. PPD di Semenanjung punya taraf lebih tinggi dan dialah yang betul-betul mentadbir keseluruhan sekolah-sekolah di daerah pendidikannya termasuklah sekolah-sekolah menengah. Dan yang paling sedih, PPD di Sabah yang saya lihat khususnya di kawasan saya ialah kenderaan pun tidak ada. Kita mempunyai penyelia-penyelia yang melawat ataupun menyelia beberapa zon, beberapa sekolah di satu-satu zon, tetapi kadang-kadang mereka malah saya bila saya melawat mereka terpaksa menggunakan kereta sendiri. Dan kalau di kawasan saya ini Tuan Pengerusi, melawat di luar bandar itu mesti kereta pacuan empat roda 'four wheel' kalau tidak kereta biasa tidak boleh masuk.

Dan pegawai-pegawai pendidikan ini faham-faham sahajalah kereta sendiri dia tidak mampu untuk membeli kereta pacuan empat roda. Jadi kemudahan-kemudahan seperti ini amat perlu dipertingkatkan. Jadi saya ingin tahu daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian bercadang untuk menaiktarafkan PPD di negeri Sabah ini supaya setaraf dengan PPD di Semenanjung.

Yang seterusnya Tuan Pengerusi, soal pendidikan guru-guru maktab perguruan. Saya masih ingat sebelum pilihan raya umum negeri Sabah tahun 1999, pernah kami berdialog dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada ketika itu Dato' Seri Haji Mohd. Najib berhubung dengan pelaksanaan pengajaran, pembelajaran Bahasa Kadazan dusun di sekolah-sekolah kerajaan.

Dalam dialog tersebut beliau telah bersetuju dan malah mengumumkan bahawa kita boleh ajarkan bahasa ini sehingga peringkat SPM. Beliau juga telah bersetuju secara prinsip untuk memulakan melatih guru-guru di Maktab Perguruan Gaya. Pengumuman telah beliau buat di Maktab Perguruan Gaya semasa Kongres Pendidik Guru-guru Kadazandusun pada ketika itu.

Persoalan saya Tuan Pengerusi, apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk menuju ke arah itu. Adakah pihak kementerian telah membuat, telah mengambil langkah-langkah untuk memulakan pendidikan ataupun melatih guru-guru di Maktab Gaya khusus bagi mereka yang terlibat dalam pendidikan Bahasa Kadazandusun ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa lebih 400 buah sekolah rendah di seluruh Sabah ini sudah memulakan pembelajaran Bahasa Kadazandusun dan guru-guru yang terlibat lebih 200,000 orang. Kesemua guru-guru ini adalah tidak terlatih secara formal daripada maktab-maktab perguruan, mereka hanya mendapat latihan melalui worksyopw orksyop dan sebagainya.

Ini yang saya ingin tahu apakah kementerian mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan ini. Yang terakhir sekali soal itu ialah seperti mana juga sahabat saya Seri Aman tadi, adakah pihak kementerian bercadang supaya bahasa-bahasa bumiputera ini yang diajar di luar jadual sekolah sekarang ini sama ada bahasa Iban, bahasa Kadazandusun adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah memastikan supaya pembelajaran bahasa-bahasa ini dibuat dalam semasa jadual sekolah dan bukan selepas jam 12.00, sebab ini amat membebankan guru-guru dan juga membebankan murid-murid sebab sudahlah lapar dan guru-guru yang terlibat ini mereka tidak mendapat apa-apa imbuhan ataupun tambahan gaji lebih ataupun elaun yang lebih. Saya ingat itu sahaja yang saya buat Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selangau

12.50 tgh.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya merujuk kepada dua butiran iaitu Maksud P26 Kementerian Pendidikan di bawah butiran 04800 berkenaan dengan Kolej Komuniti. Jadi saya ingin merujuk kepada tambahan RM100 juta bagi membina 12 Kolej Komuniti yang baru.

Saya memang mengucapkan berbanyak terima kasih dan mengalu-alukan oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana telah pihatin untuk mengemukakan tentang konsep perubahan penubuhan pelaksanaan kolej komuniti ini di setiap kawasan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Timbalan Menteri boleh dengar ucapan dia itu? Minta deras sikitlah ye.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Ini telah membuka lembaran baru dalam pendidikan teknikal dan vokasional khusus di dalam memberi latihan kemahiran bagi menyediakan alternatif kepada pelajar lepas menengah yang tercicir atau 'drop-out' dengan izin, dalam bidang teknikal seperti perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain. Memberi khidmat kaunseling kepada masyarakat setempat tentang kerjaya mereka.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa kolej komuniti ini mempunyai dua model. Pertama model A di mana enrolmen pelajarinya ialah 1,000 ke atas dan model B 600 orang pelajar. Jadi saya mencadangkan di sini bahawa keutamaan atau *priority project* akan diberi kepada kawasan Parlimen di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang tidak ada kemudahan seperti vokasional atau *technical school*. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen Pendidikan, 12 kolej komuniti yang baru akan dibina, di manakah tempatnya? Dan berapa bagi negeri Sarawak dan berapa bagi tempat-tempat yang lain.

Dan saya yakin sekali lagi dinyatakan di sini saya harap *prioritynya* atau keutamaannya diberi kepada kawasan-kawasan Parlimen yang jauh di pedalaman seperti Selangau, Ulu Rajang, Kapit dan sebagainya di Sarawak atau di Sabah.

Yang kedua Tun, butiran 03500 tentang ubahsuai dan naik taraf tambahan yang begitu banyak RM380 juta berkenaan dengan bagi sekolah rendah dan menengah di kawasan luar bandar di negeri Sarawak untuk mengubahsuai 3,537 buah rumah. Saya difahamkan peruntukan ini mesti disiapkan pada tempoh 2 atau 3 bulan dalam tahun ini sebelum penghabis hujung tahun ini. Jadi saya minta projek ini dipercepatkan dan diberi kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdekatan dengan sekolah-sekolah tersebut kerana saya telah difahamkan bahawa di negeri Sarawak bahawa syarikat dari Kuching untuk membuat sekolah-sekolah atau ubahsuai di kawasan Selangau yang begitu jauh sangat. Apa tidak diberi kepada kontraktor tempatan daerah Mukah, daerah Dalat atau di Selangau sendiri yang ramai mereka ada kelas F, kelas D dan sebagainya kepada syarikat tempatan.

Selain daripada itu saya akan mencadang bahawa projek ini kalau yang kurang daripada RM100 ribu diberi secara *negotiate* kepada JKK atau PIBG sekolah itu supaya ia dapat disalur kepada out-right grant atau diberi secara gotong-royong.

Tuan Pengerusi: Ya, sambung Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Sambung petang kah Tuan Pengerusi? Boleh. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

2.30 ptg.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Selangau sambung, lima minit lagi. Sila.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Tuan Pengerusi, bukannya sepuluh minit? Lima ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tadi sudah lima minit Yang Berhormat, lima campur lima - sepuluh.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Yakah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lima minit lagi.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana saya dapat menyambung perbahasan saya sebentar tadi mengenai dengan untuk ubah suai atau sekolah-sekolah sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah di kawasan

luar bandar. Jadi, sebentar tadi saya telah menerangkan bahawa kalau dapat syarikat-syarikat tempatan akan diberi keutamaannya untuk mengambil bahagian membuat sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah di kawasan luar bandar terutama sekali sekolah syarikat-syarikat yang mempunyai track record yang cemerlang, yang berwibawa.

Dan juga saya harap selain daripada yang diberi kepada syarikat tempatan, kalau boleh peruntukan ini disalurkan kepada PIBG atau JKK sekolah tersebut, supaya ia dibuat secara gotong-royong atau disalurkan kepada out right grant dengan menggunakan buku akaun sekolah masing-masing. Ini saya rasa cara yang cepat sekali oleh kerana peruntukan ini mesti dipakai atau digunakan dalam masa tempoh yang singkat sekali dalam dua, atau tiga bulan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga akhirnya menyentuh berkenaan dengan beberapa buah sekolah di kawasan saya misalnya yang kurang dan tidak cukup kelengkapan, misalnya saya beri contoh sebuah sekolah menengah di Tepus Pelangian di mana sekolah ini lebih 1,500 murid-murid tetapi hanya sebuah bilik asrama atau rumah asrama bagi mereka. Jadi, saya telah difahamkan oleh pengetua sekolah ini bahawa sekolah ini tidak dapat dinaikkan taraf atau pembelajarannya kepada tingkatan empat atau lima pada tahun hadapan oleh sebab tidak cukup kemudahan seperti rumah asrama, rumah guru, bilik kelas, tidak mencukupi.

Saya mintalah perhatian dari pihak Kementerian Pendidikan supaya sekolah-sekolah ini yang saya sebutkan tadi akan dibekalkan dengan kemudahan yang cukup.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan yang akhir sekali, Butiran 039 00 berkenaan dengan Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri, tambahan RM50 juta untuk membayar pembelian tanah projek-projek sekolah di beberapa buah negeri termasuk di Sarawak. Oleh kerana didapati beberapa buah sekolah di Sarawak telah ditempatkan atau didirikan di kawasan tanah yang rendah, di mana musim tengkujuh atau dengan izin, landas season di negeri Sarawak mulai daripada November hingga Februari, kebanyakan sekolah-sekolah ini kena banjir Tuan Pengerusi.

Jadi, bila banjir ini budak ini bercuti tidak kurang dari dua atau tiga minggu tidak dapat ke sekolah. Tambah pula lanskap sekolah ini seperti bunga, padang sekolah dan sebagainya telah rosak kena banjir. Jadi saya harap kementerian dapat mengenal pasti di mana sekolah yang telah dibina di tempat yang begitu rendah kawasannya kena banjir, patutlah dilocate atau ditempatkan semula di kawasan-kawasan yang tinggi sedikit dan juga di kawasan tanah yang begitu luas, begitu lapang, supaya pihak kerajaan atau guru-guru dapat membuat satu pelan yang baik bagi budak-budak di mana tempat rekreasi dan sebagainya, padang yang begitu luas tidak begitu sempit.

Misalnya, saya beri contoh di sini, Tuan Pengerusi, ialah sebuah sekolah seperti Nanga Felugau di kawasan Belangian, Nanga Lemai, sekolah ini setiap tahun kena banjir dan seperti yang saya katakan tadi, murid-murid dua, tiga minggu tidak dapat pergi ke sekolah.

Dan juga, selain daripada itu, saya harap bagi sekolah di negeri Sarawak, saya lupa hendak bawa senarainya, yang tidak mencukupi kelengkapan seperti bekalan api elektrik, air paip yang bersih, api elektrik dari SESCO yang saya katakan dan kemudahan asas yang lain lagi, kepada lebih kurang 300 atau 400 buah sekolah di seluruh negeri Sarawak.

Saya mintalah kepada Kementerian Pendidikan untuk menitik beratkan sekolah-sekolah tersebut kerana harapan kita, Tuan Pengerusi, ialah kita mahu anak-anak kita belajar di tempat yang selesa, sesuai, begitu juga kepada guru-guru kita supaya mereka menanam minat untuk mengajar di tempat-tempat yang sesuai supaya yang kita harapkan objektif kerajaan, anak-anak kita nanti belajar dengan suasana yang baik untuk mendapatkan pendidikan atau pelajaran yang cemerlang...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Dan untuk menggulung perbahasan saya, saya harap perkara yang pertama, kolej komuniti diberi prioriti atau keutamaannya di

kawasan Parlimen yang jauh di pedalaman sama ada di Semenanjung, Sarawak atau Sabah.

Yang kedua, tadi bahawa projek-projek yang diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan atau kepada PIBG, supaya dapat dibuat dengan tidak membazirkan wang dengan baik, yang akhir sekali, haraplah sekolah-sekolah yang kena banjir itu di allocate atau ditempatkan di tempat yang baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.39 ptg.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebelum saya membahaskan butiran-butiran dalam bidang pendidikan, saya ingin memaklumkan pada kelmarin hari, satu kekecohan telah berlaku dan saya memang membuat perakuan dalam keadaan pada kelmarin hari saya dalam keadaan emosi dan tertekan, saya tidak bermaksud kepada sesiapa, tidak sengaja untuk mengeluarkan kata-kata tetapi terlalu tertekan, jadi saya telah mengeluarkan kata-kata tersebut.

Jadi, hari ini saya atas nama Dewan yang mulia ini, saya menarik balik ungkapan yang telah saya ungkapkan kelmarin untuk... [*Tepuk*] kepentingan semua pihak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tuan Pengerusi, Butiran 00700 iaitu Pendidikan Guru dan Maktab Perguruan di mana saya menyokong Ahli Parlimen bagi Sandakan dan Beluran di mana satu, mungkin bagi saya peristiwa mala petaka berlaku, satu buah maktab perguruan yang berada di Sandakan sejak berpuluh-puluh tahun, tiba-tiba dipindahkan oleh Kementerian Pendidikan ke Tawau. Jadi, ini telah menampakkan kelemahan kementerian ini kerana saya telah dalam sesi yang lalu juga telah mengatakan bahawa di Sandakan ada tanah kita sediakan untuk maktab ini dipindahkan, sekiranya mahu dipindahkan. Kenapa mahu dipindahkan ke Tawau. Penduduk di Sandakan telah membuat protes meminta kita wakil-wakil rakyat supaya meyakinkan Kementerian Pendidikan supaya Maktab Perguruan Sandakan itu tidak dipindahkan ke mana-mana kerana kita ada tanah disediakan di Sandakan.

Saya mahu tahu apa justifikasinya, apakah relevansinya maktab ini mahu dibawa ke Tawau kerana Sandakan dalam era untuk menjadi sebuah bandar raya yang baru. Jadi, bayangkan sebuah bandar raya, institusi yang sedia ada juga dipindahkan. Saya tidak mahu, selaku Ahli Parlimen, saya membantah dengan setegas-tegasnya, saya tidak mahu maktab ini dipindahkan daripada Sandakan melainkan dibina di Sandakan juga. [*Tepuk*]

Yang kedua, iaitu Butiran 03500, 03501 dan 03506 iaitu Ubahsuai dan Naik Taraf Sekolah Rendah dan juga Pembangunan Luar Bandar Sabah Baru dan Sarawak.

Rakan-rakan yang lain telah menyuarakan hasrat yang sama. Mana ada masuk akal dalam dunia tanpa sempadan, Kementerian Pendidikan membina sekolah, sekolah menengah khususnya, di luar bandar ini kedudukan jalan raya bukan macam di dalam bandar. Kalau di bandar sepuluh kilometer boleh berjalan dengan kereta dengan goyang kaki, di sana sepuluh kilometer ia kena berjalan lagi lapan kilometer, kalau panas dengan panas teriknya, dengan hujan yang ada.

Jadi, kita meminta setiap sekolah menengah yang dibuat itu mesti ada asrama desa disertakan bersama. Jangan bina sekolah itu kalau tidak ada asrama, kerana akhir-akhirnya tidak akan ada murid sekolah yang akan belajar di sekolah tersebut.

Sebagai contoh, di Sekolah Menengah di Antilibon di kawasan Parlimen saya, saya dengan orang kampung bekerjasama bergotong royong membina sebuah asrama desa, demikian jugalah di Sekolah Menengah Kampung Sukau. Tetapi keupayaan kita sebagai orang perseorangan ini terbatas. Boleh kita bina sekolah tetapi siapa beri

makan, kalau tidak dengan bantuan-bantuan yang tertentu. Jadi saya memintalah kepada Timbalan Menteri Pendidikan di sini, Setiausaha Parlimen ada, Menteri saya tidak nampak, sampaikan salam Ahli-ahli Parlimen kepada Pak Menteri, kalau tidak percaya panggil saya, saya boleh bawa turun tengok sekolah-sekolah ini di luar bandar ini. Bagaimana kita mahu menyeimbangkan pendidikan yang sama di antara murid sekolah di bandar dan di luar bandar, kalau prasarana ini pun tidak ada. Prasarana yang seharusnya wujud tidak ada. Justeru itu, saya ingin menegaskan sekali lagi, walaupun pada satu ketika saya telah katakan masalah pokok kita harus selesaikan, masalah pokok kita apa, jalan raya luar bandar harus diselesaikan, elektrik harus diselesaikan, air harus diselesaikan baru kita cerita soal global. Ini datang terus cerita soal dunia tanpa sempadan, orang pelajar di luar bandar, dia tak tahu pun, dia kata dunia kita ini banyak sempadan [Ketawa] Jalan pergi bandar pun tidak boleh lepas. Apa yang kita ceritakan dunia tanpa sempadan?

Jadi, ini harus diambil kira, harus diambil perhatian terutama sekali banyak guru-guru yang masih kurang di luar bandar ini. Ada sebuah sekolah pelajaranya 80 orang, gurunya hanya dua orang sahaja. Itulah yang mengajar Darjah Satu, Darjah Dua, Darjah Tiga sampai Darjah Enam. Mana boleh murid luar bandar ini pandai kalau macam inilah caranya. Jadi, perkara seperti ini kena diambil perhatian kerana kalau ini semua selesai ini, pembangkang ini habis, tidak ada lagi. [Tepuk] Mereka tidak ada isu. Memang mereka tidak boleh bikin apa lagi. Jadi, kementerian ini adalah sebuah kementerian yang ada hubung kait dengan masyarakat secara khusus, jadi cubalah kita fikir bersama, duduk bincang secara serius, kalau boleh perkara ini selesai sebelum pilihan raya, jadi pilihan raya menang kita semua, tiada lagi yang tidak menang [Tepuk] Pembangkang sapu!

Kalau kita dapat laksanakan misi ini [Ketawa] kerana ini tuntutan, kerana saya percaya bahawa negara kita ini bergantung kepada generasi muda pada akan datang. Bagaimana generasi luar bandar boleh diisi dengan satu kemajuan kalau pewarisnya tidak ada ilmu di dalam dada, dalam fikiran, kerana salah kita kerajaan prasarana kita tidak selesai terdahulu. Jadi, ini harus diselesaikan. [Tepuk]

Ini yang terakhirlah, iaitu Butiran 04800 iaitu Kolej Komuniti. Kolej Komuniti ini saya harap janganlah dijadikan indah khabar dari rupa. Kita menerima sudah lima surat meminta kita mencadangkan tempat. [Disampuk] Sudah cadang, apa lagi masalah, bila dia berjalan? Kita mahu tanya bila projek ini ini rakyat tanya. Jangan kita umum juta-juta, tidak sampai turun ke bawah, kita kena selesai masalah ini. Kalau masalah ini turun seperti saya cakap tadi, habis sana. [Disampuk] Habis sana tu. Mohamad Sabu pun jalan. [Ketawa] Jadi, ini yang kita mahu. Sekian, terima kasih. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta Timbalan Menteri menjawab. Sila jawab.

2.47 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita dengar tadi seramai 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat membincang mengenai dengan perkara pendidikan. Saya di sini ingin mengambil kesempatan bagi pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk bukan sahaja memberi pandangan termasuk cadangan yang mana saya kira ini akan memberangsangkan lagi pihak kami sekalian di Kementerian Pendidikan untuk terus memberi sumbangan dan khidmat kami dunia pendidikan agar anak-anak muda kita terus berilmu dan terdidik.

Jadi, yang akhir sekali ialah Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, saya sambut baik saranan Yang Berhormat tadi malah apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, kita sekarang ini mengenai dengan kolej komuniti, kita mengambil perkara itu secara serius dan kita tidak jemu-jemu untuk membincang dan mendapat segala pandangan dan cadangan.

Begitu juga saya beri jaminan di sini, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan saya ambil petikan ini daripada Ahli Yang Berhormat dari Selangau yang mengatakan dua perkara iaitu beri perhatian kepada kawasan luar bandar. Memang itu menjadi objektif kami iaitu memberi keprihatinan secukupnya kepada

kawasan luar bandar yang kita rasa begitu tertinggal jauh ke belakang. Tetapi bukan kami tidak beri perhatian setiap masa dan setiap tahun kami tetap beri perhatian.

Perkara kedua ialah mengenai jangan kita bazir wang. Itu juga kita ambil perhatian. Manakala dalam tambahan perbelanjaan yang kita pohonkan ini, memang kita akan guna sebaik-baiknya dan kita tidak akan bazirkan. Insya-Allah, ini adalah wang rakyat dan kita akan tetap beri segala macam kemudahan dan kebaikan kepada rakyat sekaliannya asalkan Barisan Nasional tetap menjadi tampuk pemerintahan negara yang kita cintai ini.

Jadi, saya balik kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh – saya akan cuba menjawab, Tuan Pengerusi dari apa yang telah dibangkitkan tadi, pertama sekali iaitu persoalan yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian mengenai dengan kandungan jenis makanan. Jadi, di sini ingin saya ambil perhatian Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat menyebut mengenai dengan soal makanan, ada juga yang hendak dikaitkan dengan soal kemiskinan.

Memang kemiskinan menjadi agenda utama pihak kerajaan iaitu sebolehnya setiap masa kita mahu turunkan tahap kemiskinan supaya setiap warganegara akan dapat menikmati kemerdekaan dan kedaulatan negara Malaysia kita. Oleh itu saya percaya apa yang telah kita lakukan mengenai dengan pemakanan di sekolah kita adalah itu menjadi agenda kita juga. Dan, makanan itu bukan sahaja setakat sekolah malah di kalangan ibu bapa juga setiap kali kita memberitahu supaya anak-anak kita diberi makanan yang baik.

Saya berterima kasih dengan Yang Berhormat tadi daripada Kubang Kerian yang menyatakan tentang episod Mariam menganduk kepada Isa dan apakah yang dinyatakan dalam Al-Quran. Memang kita selalu patuh kepada apa yang ditunjuk oleh Al-Quran untuk manusia keseluruhannya. Makanan yang kita beri adalah makanan yang bermasak dan terdiri daripada daging, ayam, ikan, sayuran, nasi, mee dan minuman berkhasiat iaitu susu melalui Program Susu Sekolah (PSS). Makanan ini diberi setiap hari persekolahan semasa rehat atau pun sebelum sekolah bermula. Ini terpulang kepada pihak pengurusan sekolah tersebut.

Begitu juga Jabatan Pendidikan Negeri, semua negeri, pejabat pendidikan daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri tetap membantu serta memastikan mutu makanan dan perjalanan program RMT dan PSS berjalan dengan baik. Jadi, saya kira kalau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada lagi masalah, sila hubungi pihak kita dan beri cadangan atau teguran. Kita sentiasa terima itu.

Begitu juga dengan tempat pembinaan kolej komuniti yang dibangkitkan oleh ramai Yang Berhormat juga. Saya jawab ini dahulu. Okey, pertama sekali, tidak terdapat atau masih kurang institusi latihan kemahiran dan pendidikan yang disediakan oleh agensi lain. Begitu juga, kedua, terdapat aktiviti-aktiviti ekonomi setempat yang bersesuaian dengan kursus yang ditawarkan. Jadi, ini juga menjadi pertimbangan dan perkiraan kita untuk menyatakan bagi mendirikan Kolej Komuniti tadi.

Ingin saya juga sebutkan beberapa objektif yang saya kira adalah penting bagi Yang Berhormat. Pertama menyediakan laluan alternatif, ini Kolej Komuniti ya, kepada pelajar lepasan menengah dan pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal untuk mengikuti latihan dan kemahiran dalam bidang-bidang teknikal dan vokasional seperti perdagangan, pertanian, kesihatan dan lain-lain. Dan ada lagilah itu semuanya.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga membangkitkan mengenai tempoh pelaksanaan projek yang pendek atau pun singkat. Kelazimannya tempat pelaksanaan pembinaan projek secara konvensional mengambil masa 24 hingga 30 bulan. Kaedah pelaksanaan secara *design and build* atau reka dan bina, hanya memerlukan tempoh 15 hingga 18 bulan sahaja. Walau bagaimanapun, soal kualiti pembinaan dan reka bentuk tidak diabaikan, malah kita beri macam-macam bentuk, kalau kita lihat hari ini tidaklah macam kita kata kalau sekolah itu kadang kala ini ada orang mengatakan macam *factory* sahaja. Jadi, kita cuba ubahsuaikan dengan kehendak semasa, dan dalam lima tahun selepas projek disiapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, juga, peruntukan bantuan modal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk pembaikan dan menaik taraf fizikal sekolah sememangnya diberikan pada sekolah agama rakyat. Jumlah peruntukan yang diberikan berasaskan kepada keperluan dan keutamaan projek. Janganlah kita kata,

kita tidak beri langsung kepada sekolah agama rakyat, kita beri, tetapi kita tidak buatlah *announcement* setiap hari, kalau ini hendak di*announce* kita akan *announce*.

Yang Berhormat juga membangkit mengenai dengan pembinaan bangunan di kawasan padang sekolah. Kementerian mempunyai *norms* yang tertentu dalam penentuan keluasan tapak sekolah. Bagi sekolah rendah 6 ekar hingga 8 ekar, bagi sekolah menengah pula 12 ekar hingga 15 ekar. Walau bagaimanapun untuk mendapatkan keluasan tapak sedemikian agak sukar terutama di kawasan bandar. Jadi kementerian tiada pilihan lain kerana pembinaan bangunan lebih mendesak kita terpaksa kadang-kadang mengambil sedikit kawasan yang kita telah sediakan itu. Walau bagaimanapun ini ada kaitan kemudiannya dengan pembinaan sekolah satu sesi. Sebab itu kita cuba perbanyakkan pendirian dan pembinaan sekolah.

Yang Berhormat juga telah membangkit mengenai sekolah agama rakyat tadi dengan soal pembangunan. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah agama rakyat berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri dan tertakluk di bawah kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun bantuan pembangunan tetap diberikan oleh Kementerian Pendidikan berdasarkan permohonan yang dikemukakan oleh lembaga pentadbir sekolah berkenaan.

Yang Berhormat juga membangkit mengenai dengan senarai kontraktor yang membina sekolah rendah dan sekolah menengah. Kesemuanya terdapat 494 projek sekolah dilaksanakan secara runding terus melalui konsep reka dan bina. Untuk saya bacakan itu terlalu panjang dan senarai itu tidak dapat saya kemukakan di sini.

Yang Berhormat dari Labuan telah membangkit mengenai dengan isu pemilihan kontraktor bagi pembinaan kolej matrikulasi. Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak pembinaan kolej matrikulasi Labuan ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan MRCB. MRCB boleh melantik sendiri sub-kontraktornya untuk kerja-kerja yang khusus. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil maklum mengenai peralihan sub-kontraktor yang berkenaan. Walau bagaimanapun saya di sini ingin nyatakan kepada Yang Berhormat dari Labuan, kita akan beri pertimbangan dan juga kita akan beri perhatian apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Buat masa ini saya tidak boleh bagi apa-apa jaminan tetapi kita akan terus berbincang dengan pihak kementerian dan juga JKR dalam soal ini. Yang Berhormat dari Sandakan telah membangkit mengenai ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Tebrau.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan Labuankah?

Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Hassan: Bukan, soalan mengenai sub-kontraktor. Labuan saya tidak campur. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berhubung dengan pembahagian kontraktor untuk membina sekolah-sekolah sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Ada tidak kriteria pembahagian kontrak, kalau sekolah itu dibina di Johor, Johor Bahru, mana-manalah dan orang yang dapat orang yang di luar daripada negeri Johor, ataupun diberi peluang kepada orang negeri Johor yang ada kelayakan itu diberi keutamaan sebab ada juga kes-kes yang lampau, kadang kala kontrak itu diperolehi orang luar daripada Johor. Tetapi rupanya masa dia masuk kontrak itu dia tidak tengok sekolah itu - dekat mana kawasan dia. Bila dia masuk didapati sekolah itu jauh. Jadi dia ada problem. Dari segi pemilihan kontraktor, adakah diberi keutamaan kepada orang di negeri yang berkenaan. Macam mana pemilihan? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebenarnya mengenai dengan peralihan kontraktor-kontraktor dan perjanjian itu semua dilakukan oleh pihak pusat sebab kita ada peringkat-peringkat yang tertentu yang mana ia melibatkan Kementerian Pendidikan dan melibatkan juga Kementerian Kewangan. Di sini juga termasuk pandangan kita daripada pihak JKR juga. Oleh itu tender-tender tadi dimasukkan ke peringkat pusat dan peralihan itu berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu yang saya tidak dapat sebut satu persatu dan ini diberikan pertimbangan.

Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai dengan apakah orang Johor yang memohon tender itu dan patutnya orang Johor yang dapat, nanti pula kalau lantik orang Johor orang kata kalau orang Gelang Patah, Getah Patah

yang patut dapat dan bukan orang Batu Pahat ataupun orang Tebrau yang sepatut dapat. Masalah ini tidak akan kehabisan. Apa yang dipertimbangkan adalah kemampuan sesebuah syarikat itu selalu yang diutamakan. Walau bagaimanapun saya akan bawa cadangan Yang Berhormat tadi untuk diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Batang Lupar. Hendak bagi jalan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana bagi laluan jalan ini. Orang daripada Sarawak masuk Labuan juga. Sebagaimana saya dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kewangan bahawa tiap-tiap kali satu syarikat ditawarkan satu rundingan terus membina satu-satu projek kerajaan, adalah dibuat satu arahan kepada kontraktor sedemikian supaya memberi sub-kontrak mereka kepada syarikat-syarikat bumiputera - satu. Yang kedua, bumiputera yang tempatan – dua. Kalau tidak ada tempatan baru yang bumiputera keseluruhannya boleh dibagi. Tetapi kebiasaan sebagaimana yang saya tahu, saya ada hubung kait dengan DUBS di Sarawak, pribumi di Sarawak dan semua kontraktor syarikat-syarikat ini semua saya tahu, sedikit-sedikit.

Jadi tiap-tiap kali syarikat ini berjumpa dengan kontraktor diberi tawaran oleh kerajaan, tidak kira kontrak dia RM10 jutakah ataupun RM200 jutakah, sentiasa syarikat bumiputera itu balik, marah, dan tidak sedap hati kerana tidak ada tawaran. Biar dia bagi dengan orang lain – orang yang tidak minta tetapi saya tidak payah sebutlah, bumiputera apa tidak dapat? Tak boleh dapat. Kadang-kadang dia tubuh sub-kontraktor dia sendiri supaya dia boleh buat in-housesub-contracting.

Sejauh manakah peranan kementerian supaya apa yang diberi arahan oleh pihak Kementerian Kewangan ini boleh direalisasikan dan bumiputera boleh mendapat nikmat sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan dan untuk membangunkan industri pembinaan ini kepada syarikat-syarikat bumiputera. Kalau tidak siapa lagi hendak main peranan? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu adalah cadangan yang baik oleh Yang Berhormat dan kita sedia memberi pertimbangan. Tetapi harus saya ingatkan di sini juga bahawa setiap kontrak itu adalah berdasarkan kemampuan dan keupayaan sesuatu syarikat yang hendak mengendalikan projek itu. Itu sahaja yang saya dapat beri tahu. Walau bagaimanapun, jangan bimbang Yang Berhormat, saya akan kemukakan pandangan Yang Berhormat itu kepada pihak yang berkenaan di Kementerian Pendidikan dan juga kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Mengenai dengan Yang Berhormat Sandakan telah membangkit mengenai perkara pemindahan pembinaan Maktab Perguruan Sandakan ke Tawau dan ini juga diikuti dengan saranan dan sokongan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya keadaannya begini. Memandangkan kepada Maktab Perguruan Sandakan mempunyai kawasan yang kecil, itu mula-mula, pembinaan maktab perguruan baru adalah perlu untuk menampung lebih ramai pelajar, menyediakan kemudahan yang lebih baik dan untuk perancangan pembangunan jangka panjang. Kementerian bercadang membina sebuah maktab perguruan di Tawau untuk menggantikan Maktab Perguruan Sandakan.

Walaupun bagaimanapun oleh kerana tadi telah dibangkitkan kita sedia memberi pertimbangan dan perbincangan yang lebih lanjut lagi kepada masalah ini. Kita akan bawa dan kita akan ketengahkan perbincangan dan pendapat Yang Berhormat daripada Sandakan dan juga Kinabatangan dan juga bukan itu penduduk-penduduk daripada kawasan Sandakan juga kita akan ambil kira. Itu kita akan bincang, bukan kita buat keputusan muktamad. Ini adalah kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang telus. Untuk juga bagi Yang Berhormat Sandakan untuk mengkaji semula cadangan permohonan maktab perguruan ke Tawau tadi, untuk makluman Yang Berhormat Maktab Perguruan Sandakan pada asalnya adalah bangunan sekolah menengah yang kemudiannya diubah menjadi maktab perguruan. Itu sahaja pertimbangan kita. Jadi jangan bimbang Yang Berhormat, kita akan ketengahkan perkara ini dan kita akan bincang.

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Kepong, saya ucap..... Eh? Yang Berhormat Kepong mana dia? Sembunyi dalam tepungkah? *[Ketawa]* Boleh jadi.

Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong kerana memberi penghormatan kepada saya yang begitu baik dan saya berterima kasihlah, dia banyak bagi pandangan dan cadangan hari ini. Macam inilah boleh dikatakan Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai dengan pendidikan dan juga dia berlagak hari ini bukan sebagai seorang ahli pembangkang tetapi lebih bersifat Yang Berhormat Dewan yang mulia ini.

Beliau telah mencadangkan supaya konsep persekolahan satu sesi diperluaskan. Nampaknya dia sudah bersetuju dengan cadangan kerajaan dan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana 494 projek sekolah satu sesi telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Konsep persekolahan satu sesi diperluaskan lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Ini memang hasrat kita, Kerajaan Persekutuan, iaitu 200 sekolah telah dikenal pasti di bawah Program Sekolah Satu Sesi Fasa II untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Itulah, Tuan Pengerusi, memang kerajaan prihatin tentang sekolah. Kita hendak buat satu sesi. Satu sesi di sini maknanya sekolah itu bermula dari pagi dan berhenti di sebelah tengah hari kerana masa di sebelah petang hendak digunakan untuk kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang kita rasa amat penting kepada pembinaan seseorang anak muda itu. Konsep sekolah satu sesi bermakna, macam saya katakan tadi, bukan murid itu pergi daripada pagi, balik sebelah petang. Tidak, itu bukan maksud kita. Maksud kita, daripada pagi, berhenti tengah hari, balik, dia rehat dan sebagainya, kemudian dia datang untuk kegiatan-kegiatan seperti scouts, seperti Pertahanan Awam, Saint John Ambulans - kalau di Kelantan kita belum ada Saint John's Ambulance, ditambah lagi - dan sebagainya.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong juga ialah mengenai dengan kriteria memilih guru-guru untuk menyertai latihan atau memilih kursus-kursus tertentu. Pertama, bagi kita, seseorang itu perlu mempunyai kelulusan atau kelayakan yang disyaratkan. Kedua, mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang yang diperlukan iaitu kita juga perlukan bidang-bidang kritikal seperti dia mempunyai bahasa Inggeris, Sains, Matematik, bahasa dan sebagainya. Bagi mereka yang hendak menjadi guru bahasa Tamil dan guru bahasa Cina, dia mesti ada kelulusan bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Ketiga, seseorang itu perlu mempunyai minat dalam profesion keguruan melalui temuduga dan ujian bertulis. Sekarang hendak jadi guru, kita kena temuduga, kemudian ada pula ujian bertulis.

Yang Berhormat bagi Kepong juga telah membangkitkan mengenai dengan guru cemerlang dan juga mengkaji semula sistem pemilihan guru-guru cemerlang. Sebenarnya Yang Berhormat Kepong, ingin saya beritahu tidak adalah guru-guru yang mari tepuk belakang saya, kita beri naik pangkat. Tidak ada. Ataupun dia tepuk Menteri pun, dia tidak naik. Kita berdasarkan kriteria-kriteria yang tertentu iaitu pemilihan guru cemerlang dibuat dengan teliti dan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Antaranya ialah, pertama, guru tersebut telah mengajar sebagai guru selama lapan tahun berterusan. Kedua, guru ini akan dinilai oleh 10 orang rakan sejawatan. Jadi, tidaklah kita kecoh-kecoh tepuk belakang saya berapa kali pun, saya tidak akan naikkan pangkat. Ketiga, guru ini akan dinilai oleh satu panel lagi terdiri dari dua nazir sekolah. Panel nazir akan menentukan kelayakan seseorang guru.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong, saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat ini adalah seorang pendidik dulu, jadi Yang Berhormat lebih mengetahui ...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:... Ini mengenai dengan sekolah? Okay.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: ...Tebrau.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini mengenai dengan guru cemerlangkah?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Mengenai naik pangkat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Okay.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya sebut naik pangkat, kalau tidak, tidak dibenarkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ini sedikit mengenai tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, berhubung dengan kenaikan pangkat bergantung kepada cemerlang dan sebagainya, kriteria-kriteria tertentu dinaikkan pangkat.

Saya hendak bertanya, Yang Berhormat sedar tidak, ada juga guru yang menentang kerajaan naik pangkat? Okay. Pada masa akan datang, kriteria kenaikan pangkat ini, boleh tidak dimasukkan salah satu daripadanya, mana yang menentang kerajaan, kurangkan markah. Ini adalah sebab tanggungjawab dia ialah mengajar, tetapi dia menghentam teruk kerajaan, termasuk di kawasan saya ada yang teraik. Berpeluh kita dibuatnya, yang menentang ini. Orang itu teraik. Yang menyokong kerajaan, tidak naik. Sama lebih kurang. Yang ini ada tidak kriteria akan datang ada perubahan sedikit atau, macam mana? Ini cadangan yang baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sebenarnya profesion perguruan ini adalah satu profesion yang profesional. Jadi, penilaiannya juga kita lakukan secara profesional. Jadi, apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, saya rasa kita akan mengambil perhatian dan kita akan terus membincang sebab saya kira ini adalah satu perkara yang dianggap sebagai satu cadangan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong yang saya katakan bekas seorang pendidik telah bertanya dengan pihak kita mengenai Rancangan Makanan Tambahan (RMT), misalnya beliau juga bertanya mengenai dengan bilangan pelajar yang menerima RMT ini bertambah atau tidak, rancangan RMT ini tidak memberi makanan yang berzat dan juga beliau telah membangkitkan mengenai dengan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan RMT.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, bilangan pelajar yang menerima RMT ini tidak bertambah kerana taraf kehidupan rakyat Malaysia yang semakin meningkat. Itu yang kita pastikan. Kelayakan untuk mendapat RMT ini, kita juga berdasarkan kepada keluarga yang berpendapatan RM400 ke bawah atau RM80. Jadi, kita ada kriteria-kriteria yang tertentu. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada lagi mereka yang tidak mendapat ini, sila hubungi pihak kita dan kita akan beri perhatian yang secukupnya.

Puan Sukinam Domo: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Batang Sadong berdiri Yang Berhormat. Sila.

Puan Sukinam Domo: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa tidak begitu tepat anggapan Yang Berhormat mengatakan bahawa bilangan rakyat Malaysia berkurangan. Sebenarnya masih begitu ramai. Saya ketahui sendiri bahawa *[Tepuk] [Sorak]* Ini tidak bermakna saya menyebelahi pihak pembangkang. *[Disampuk]* Ini apa yang saya tahu sendiri berdasarkan pengalaman saya. *[Tepuk]*

Yang Berhormat, apa pengalaman yang saya ketahui ada sekolah, oleh kerana bilangan terhad kepada 30 orang kalau tidak silap, jadi apa yang sekolah lakukan ialah ia bergilir-gilir. Hari ini, kelas ini dapat makanan tambahan. Esok, kelas ini dapat. Ini bermakna ada budak yang memang memerlukan. Saya rasa perlu ada kajian semula dan tengok benar-benar. Jangan dihadkan. Kalau sekolah itu satu seorang, satu s seorang. Jangan dihadkan kepada 30 orang. Terima kasih.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, biar Menteri yang menjawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Sebenarnya di sebelah sana, pembangkang ini, mereka "si adak modal" lagi *[Disampuk] [Tepuk]* Sebab itu dia pun tepuk. Kata orang Sarawak "si adak modal" dia. *[Ketawa]*

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi, kalaulah Yang Berhormat ada senarai dan cadangan, kita akan beri perhatian dan peruntukan, kalau adalah. Saya harap begitu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain termasuk parti pembangkang.

Kalau ini kita kata ada penuntut-penuntut yang begitu daif yang perlukan, sila hubungi PPD dan juga Jabatan Pendidikan Negeri dan kita senantiasa akan beri

perhatian. Kita senantiasa terbuka. Di sini kita tidak main politik. *[Disampuk]* Kita tidak ada. Yang PAS pun kita bagi telur, yang UMNO pun kita bagi telur, yang DAP pun *[Ketawa]* kita bagi telur. *[Ketawa]* Mengenai bekal....

Dato' Mohd. Zain bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: ...bekalan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Balik Pulau. Balik Pulau berdiri ya. Ya, sila.

Dato' Mohd. Zain bin Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi kebenaran. Saya cuma hendak menambah sedikit sahaja. Ekoran daripada Yang Berhormat bagi Batang Sadong yang mengatakan ada tempat yang mana murid-murid yang perlu diberikan bantuan dari segi makanan, bilangannya itu agak sedikit, perlu ditambah. Saya juga hendak tunjuk ada sekolah di mana pihak pejabat, pihak jabatan minta menyuruh berikan nama supaya kita memberikan bantuan makanan. Kadangkala terdapat anak-anak yang kita berikan nama itu dia tidak mahu makan. Yang kita lupa, yang kita tidak sedar bahawa ada sekolah anak-anak itu tidak mahu kerana makanan yang kita sediakan, kita beri makanan untuk dia cukup lapik perut dia supaya sambung pelajaran selepas waktu makan. Tetapi dia tengok makanan itu adalah makanan yang serupa, dia tidak mahu makan. Dia lebih rela bawa duit membeli makanan yang lain untuk dia lapik perutnya.

Ertinya keluarganya mampu untuk diri dia ke sekolah. Apa yang saya hendak tunjukkan di sini, terdapat sekolah-sekolah yang mana keluarga mereka mampu. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat supaya membuat satu kajian menyeluruh. Jika di dapati bahawa ada keluarga yang mampu di mana anak-anak itu tidak mahu mengikut program diberi makan waktu rehat, kita tolak dan kita berikan kepada sekolah-sekolah ataupun tempat-tempat lain yang memerlukan bantuan, kepada anak-anak sekolah itu. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh adakan satu jawatankuasa khas untuk membuat tinjauan kepada semua sekolah yang ada di dalam negara kita. Saya percaya ada sekolah yang tidak perlu lagi diberikan makanan yang sedemikian rupa, ada sekolah yang memerlukan lebih daripada yang sudah sedia ada.

Jadi, saya rasa kalau boleh begitu, saya pun samalah seperti kawan-kawan yang lain. Keadaan dalam negara kita masyarakat akan memberikan sokongan penuh kepada Barisan Nasional, terutama sekali melalui pendidikan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Nampaknya Tuan Pengerusi, itu cadangan yang baik dan saya akan membawa perkara ini dan kita akan berbincang misalnya macam yang dikatakan tadi, ada murid yang tidak minum susu, sebab itu dianggap satu dengan izin, alien kepada dia. Jadi dia terpaksa minum minuman yang manis. Jadi ini yang kita cuba mengubah cara pemakanan. Ada yang murid tidak suka telur, jadi dia pun memang masalah kita beri telur, dia tidak makan telur dan dia mengambil telur tersebut memberikannya kepada kawan. Jadi, ini pun timbul.

Jadi, walau bagaimanapun kita akan semak seperti mana kata Yang Berhormat bagi Balik Pulau, terima kasih cadangan Yang Berhormat itu. Yang Berhormat bagi Batang Sadong juga saya ingin sambungkan lagi iaitu mengenai bekal telur dan instant noodles ini terpaksa dibekalkan di kawasan pedalaman yang sukar untuk kita membawa dan menyimpan bahan-bahan tadi. Jadi, walau bagaimanapun saya akan mendapat sedikit maklumat daripada Yang Berhormat cadangan ini dan saya akan membawa perkara ini dengan sebaiknya.

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai satu skim bagi pelajar-pelajar miskin bagi keperluan harian. Satu saya boleh katakan di sini pembiayaan pelajar-pelajar miskin ditaja oleh belanjawan mengurus tahunan yang kita dibuatkan oleh pihak kementerian. Kedua pendapatan keluarga juga kita ambil kira. Ketiga, pertimbangan khas yang diberikan kepada pelajar-pelajar lain yang tidak memeruhi kriteria bergantung kepada merit of the case, dengan izin.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai mata pelajaran kemahiran di sekolah rendah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Batang Lupar Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan Batang Sadong?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dato' saya ada masalah dengan api, kalau api tidak keluar, suara tidak keluar. Tetapi Dato' hendak memberi penjelasan Batang Lupar itu di tengah-tengah, Batang Sadong kiri, 'Batang Saribas' kanan. Jadi, dia semua batang dekat saya ini. Dekat sini tidak ada tak batang. Minta maaf salah interpretasi. Dato' saya hendak bertanya satu persoalan, soalan merit of the case yang Dato' sebutkan. Itu satu terminologi yang saya kurang faham dan saya tidak berapa bersetuju. Ada juga orang yang miskin daripada segi harta benda tetapi kaya daripada segi belajar. Jadi, dia menjadi anak yang terpelajar dan terdidik dan berkebolehan untuk memasuki universiti dan sekolah tinggi. Tetapi ada juga oleh kerana kemiskinan itu mereka ini tidak boleh belajar dan tidak mendapat menjadi *achievers* dalam mana-mana gred di sekolah. Jadi, kalau kita lihat berlandaskan tiap-tiap bantuan kepada anak miskin ini, dilandaskan dengan kriteria iaitu prestasi persekolahan sahaja, nescaya yang miskin itu akan sentiasa tersisih dan yang berkebolehan itu akan mendapat tumpuan dan perhatian.

Saya selalu menyarankan supaya jangan lihat ciri-ciri keprestasiannya sekali pandang, sekali imbas. Kita lihat keadaan keseluruhannya. Kalau hendak menolong orang miskin, tolonglah macam itu. Kalau betul-betul dia macam belakang parang pun diasah pun tidak mahu tajam, masa itu bolehlah kalau hendak give up. Tetapi kita kena asah dahulu Dato'. Jadi jangan pandang ciri tengok prestasi dia ini tidak ada apa-apa semua dapat 'F' ini macam mana hendak bantu, dia kalau tidak bantu memang jadi 'F'. Kalau bantu ada berkemungkinan dia akan menjadi 'C' 'B' ataupun 'A'. Jadi, kena lihat semula Dato'

Saya berpendirian sedemikian, tidak banyak yang miskin lagi Dato'. Saya bersetuju tidak banyak orang yang miskin lagi tetapi tumpuan mesti diberi. Diberikan kepada orang ini supaya kita alihkan dia daripada orang yang miskin menjadi orang yang tidak miskin. Tidak ada cara lain hanya pendidikan Di tangan Dato', di bahu Dato' terletaklah ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sememangnya Yang Berhormat bagi Batang Lupar kita mengambil perhatian mengenai taraf kemiskinan bukan sahaja pendapatan, malah dari segi prestasi dia juga. Walau bagaimanapun kemiskinan itu diletakkan sebagai kriteria yang utama. Kita tidak juga walau pun prestasi akademiknya begitu rendah, kita masih memberi pertimbangan. Itu sahaja yang saya boleh memberikan jaminan dan terima kasihlah kepada cadangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar, saya akan mengambil kira itu. Memang ini tanggungjawab kita bersama, bukan sahaja Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat telah membangkitkan juga iaitu Yang Berhormat bagi Batang Sadong mengenai dengan kemahiran hidup. Kita gubal untuk memberikan pendidikan pra vokasional yang umum dan berhasrat untuk memupuk celik teknologi, kesedaran ekonomi dan kehidupan berkeluarga mulai Tahun 4 sekolah rendah hingga Tingkatan 3 sekolah menengah. Pada peringkat ini murid mempelajari pelbagai aspek teknologi dan juga aktiviti asas. Pada peringkat atas Tingkatan 4 dan 5 mata pelajaran yang lebih spesifik khusus kita akan tekankan. Tetapi komen Yang Berhormat tadi mengenai dengan yang kita kata projek itu kadangkala the end product itu adalah guru mempertimbangkan end product.

Saya rasa saya pun dengar juga cerita-cerita itu dan kita akan mengingatkan guru-guru supaya murid-murid itu sendiri yang melakukan projek-projek yang telah diberikan kepada mereka. Saya faham yang mana kata akhirnya, mak bapa yang membuat benda itu atau mengupah orang lain membuat dan diberikan markah. Jadi, itu akan melemahkan objektif kita. Mengenai dengan Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai Pejabat Pendidikan Samarahan dan Bintulu belum diwujudkan. Begitu juga dengan taraf pejabat pendidikan.

Kementerian Pendidikan mengambil perhatian terhadap masalah Pejabat Pendidikan Samarahan dan Bintulu. Pada masa ini tumpuan diberikan kepada

daerah-daerah yang belum mempunyai pejabat pendidikan atau pejabat-pejabat pendidikan yang terdahulu diberi taraf yang sedemikian. Jadi, saya berharaplah kita sekarang sedang berusaha untuk memberi cadangan yang lebih luas lagi mengenai dengan PPD tadi dan kita amat faham sekali dengan keadaan di negara Sarawak yang begitu luas dan begitu juga dengan Sabah.

Jadi ini juga sedang dibincang dan dibahas di peringkat pegawai-pegawai tinggi Kementerian Pendidikan sama ada kita hendak memperluaskan lagi perkhidmatan PPD kepada daerah-daerah yang lebih di kawasan pedalaman.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bachok berdiri Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan juga kita tahu sekarang ini dua daerah di bawah satu PPD. Apatah lagi apa yang berlaku di Sarawak amat menyedihkan. Ini kita memang faham dan kita akan lakukan sesuatu dalam masa yang terdekat ini, Insya-Allah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bachok berdiri Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini mengenai dengan Sarawak kah? Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta penjelasan sedikit berhubung dengan Pejabat Pendidikan Daerah. Saya ingin menarik perhatian kepada Daerah Bachok sendiri yang nasib lebih kurang sama, terpaksa berkongsi Pejabat Pendidikan dengan Pasir Puteh sedangkan dari sudut jumlah sekolah menengah serta sekolah rendah, jumlahnya melebihi daripada 20 buah. Yang saya senaraikan sahaja ini 10 buah untuk sekolah menengah dan 12 buah sekolah rendah. Saya ingat pemerhatian untuk Jajahan atau Daerah Bachok ini perlu kepada suatu Pejabat PPD di sudut keperluan pengurusan pentadbiran pejabat. Ini satu perhatian saya ingat nasibnya lebih kurang, minta penjelasan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu yang saya katakan Yang Berhormat Bachok di mana kita sedang membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk meluaskan lagi PPD tadi sebab kita faham memang satu PPD menguasai dua daerah kawasan kalau yang mana sekolahnya begitu banyak dan padat, memang sukar. Begitu juga dengan di Sarawak, kawasannya begitu luas. Semalam telah dibangkitkan mengenai dengan Sarawak begitu juga Sabah, kawasan-kawasan pedalaman dan pulau-pulau lagi, itupun menjadi pertimbangan kita. InsyaAllah Yang Berhormat berilah sokongan kepada Barisan Nasional, kita akan beri pertimbangan yang sewajarnya ini. Terima kasih Yang Berhormat Bachok.

Seterusnya saya mahu lanjutkan, Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan siapakah kontraktor-kontraktor yang diberikan untuk pembinaan sekolah di Terengganu. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 60 projek sekolah rendah dan menengah baru diluluskan untuk dilaksanakan di Terengganu di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai dengan tuduhan tentang kontraktor yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya rasa di sini yang telah dibuat oleh Yang Berhormat pagi tadi, saya berharap janganlah kita buat satu fitnah. Kalau perkara itu tidak benar, kalau kita ada evidence yang secukupnya seperti mana kata Yang Berhormat juga di sini, dia cabar supaya Yang Berhormat lapor perkara itu. Apa Yang Berhormat hendak sibuk dalam Parlimen ini? Yang Berhormat boleh nyatakan kes-kes ini dan tidak begitu spesifik dan sekali lagi setelah saya berbincang dengan Timbalan Menteri Pendidikan mengenai dengan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya pohon kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat begitu ikhlas, sila Yang Berhormat nyatakan di luar Parlimen supaya kita boleh sambut segala apa tuduhan dan cabaran Yang Berhormat itu ke pihak pengadilan dengan teratur sekali. Tidak perlulah kalau kita buat tuduhan kalau benda itu tidak ada evidence dan kita dengar sahaja dengan izin, *hearsay* cukup tidak elok. Jadi ini sudah jadi fitnah. Kalau Yang Berhormat kata ada *evidence* dan sebagainya, sila sebutkan di luar Parlimen. Boleh kita lihat apakah tindakan susulan itu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Kuala Terengganu berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apa yang saya sebutkan tadi adalah bila beberapa orang kontraktor UMNO datang bertemu dengan saya dan memberitahu bahawa projek-projek sekolah ini diberikan kepada pimpinan-pimpinan UMNO. Saya beri contoh dua sekolah. Yang pertamanya sekolah di Batu Rakit, kontraktornya adalah RME Sdn. Bhd. milik Ketua UMNO Kuala Terengganu. Yang kedua, sekolah menengah di Setiu –syarikat yang diberikan adalah Wata Bina Sdn. Bhd. diberikan kepada Ketua Pemuda UMNO Marang. Ini kontraktor-kontraktor UMNO sendiri bagi kepada saya dan mereka menyatakan kepada saya bahawa yang menjadi *king maker* adalah Timbalan Menteri Pendidikan dan saya minta dia bersihkan nama dia di Dewan ini kerana ini tuduhan daripada kontraktor UMNO sendiri dalam.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini yang dia berikan kepada saya.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri sendiri.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Saya hendak bercakaplah ni. Saya sungguh terharu sebab Kementerian Pendidikan seperti kementerian-kementerian lain juga ada peraturan. Kita bukan boleh bagi-bagi macam itu, macam PAS mungkinlah tetapi parti Barisan Nasional, setiap tawaran yang diberikan kepada mana-mana syarikat adalah ditentukan oleh Jemaah Penender sendiri. Jadi kalau Yang Berhormat yakin, saya cabar supaya bawa ini ke mahkamah supaya kita bersama-sama di sana supaya dihakimkan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya tidak mahu dengar lagi Yang Berhormat kata orang UMNO. Saya hendak dengar mulut Yang Berhormat sendiri. Kalau ada bukti *let us go to the court*, dengan izin. Perkara ini kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Bangsat!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu dengar lagi, saya hendakkan dia ke mahkamah, saya tidak mahu dengar, kalau hendak mari ke mahkamah, kurang ajar punya budak!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Hoi, mana boleh cakap di Parlimen kurang ajar!

[Dewan gamat]

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah ini lawak. Dia hendak ambil bahagian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu, Kuala Terengganu.

Tuan Mohamad bin Sabu: ... baik dengan Dato'.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat, kawasan saya tidak payahlah, saya tahu dari A sampai Z.

Tuan Mohamad bin Sabu: Alaaah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah, sila duduk.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, Peraturan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat berapa, Yang Berhormat?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: 36 (6). Adakah dalam Dewan ini kita boleh guna perkataan kurang ajar, bangsat, dalam Dewan ini? Kalau boleh saya pun hendak guna bahasa bangsat!

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Yang Berhormat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, janganlah main balas begitu Yang Berhormat. Bagilah saya buat keputusan. 36 (6)...

Tuan Kerk Kim Hock: 36 (4)....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 36 (6) pun sekejap, yang 36 (4) pun serupa. Jadi Timbalan Menteri ada sebut tadi. Jadi saya kira tarik baliklah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Saya tarik balik Tuan Pengerusi. Tetapi perangai ini nampaknya melampau-lampau. Tidak ada perkara baik yang dibuat oleh kerajaan, semuanya salah. Tetapi dia sendiri menghirup kekayaan daripada kerajaan yang ada dalam Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Dia sudah tarik balik Yang Berhormat. Ya, sila Setiausaha Parlimen teruskan jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya jawapan lainlah, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya cuma sebutkan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekali lagi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya pohon kalau Yang Berhormat ada segala pembuktian, sila....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ini Parit Sulong.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Ya. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Kalau Dewan ini boleh dijadikan wadah sebagaimana yang disuarakan oleh Kuala Terengganu, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya dengar cerita bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah mengeluarkan 10,000 ekar balak kepada CEO Harakah. Perkara ini betul atau tidak, saya tidak tahu dan saya tidak mahu mencabar sesiapa. Saya tidak mahu menyebut perkara ini kerana mungkin ada asas atau tidak ada asas. Jadi saya minta Kuala Terengganu, kalau ada dalam Dewan ini cakaplah secara berbasas. Saya hendak tanya Yang Berhormat, macam mana kalau saya menuduh?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kuala Terengganu!

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Bahawa kerajaan Negeri Terengganu yang bawah pimpinan PAS telah mengeluarkan beribu-ribu ekar balak kepada CEO *Harakah*. Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bertanyakan sesuatu kepada Tuan Pengerusi]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak usah tanya saya begitulah, tidak usah tanya begitu. Kalau tanya macam itu, semua orang boleh tanya. Nanti saya dengar dululah. Sila duduk.

Saya ingat itu satu daripada Parit Sulong, saya kira tidak payah jawablah. Teruskan perkara yang pokok mengenai persoalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak payah jawab, ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak payah jawab Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi, saya kena respon d kepada perkara itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Haah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perkara itu sudah direkod..

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada rekod? Sekali lagiilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau Yang Berhormat jawab pun perkaraitu, jawabannya tidak akan jadi tepat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Saya ikut nasihat Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi baik dengan saya hari ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya ikut nasihat Tuan Pengerusi. Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga mengenai dengan pemilihan kontraktor pembinaan sekolah-sekolah di Terengganu, oleh kerana persekolahan satu sesi perlu dilaksanakan segera, maka perlantikan kontraktor bagi 60 projek sekolah satu sesi di Terengganu dibuat secara lantikan terus dengan menggunakan kaedah reka dan bina. Pemilihan kontraktor itu dibuat oleh agensi pusat. Itu sahaja yang saya diberitahu dan memang kita beri perhatian dalam pembinaan sekolah-sekolah satu sesi.

Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat akan bersetuju dengan pihak kita untuk memperluaskan pendidikan kita, termasuk negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Terengganu berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kuala Terengganu. Kalau tajuk yang sama, tidak usahlah. Ini apa? Mengenai dengan kontraktor lagikah? Ya, sila.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. RME Sdn. Bhd. mendapat satu sekolah. RME Sdn. Bhd. adalah milik Ketua UMNO Bahagian Kuala Terengganu *[Disampuk]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Pengerusi sudah nasihat kita tidak perlu lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat. Tidak payah ulang lagi. Cukup!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya ingin mendapat pengesahan dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebabnya begini. Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apa perlu saya buat pengesahan sama ada UMNO atau PAS pun telah pun.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Kedua-dua duduklah. Nanti berpanjangan, Yang Berhormat. Sila duduk.

Penjelasannya begini: Parti satu hal. Akta sebagai kontraktor satu hal. Kadang-kala, orang parti ini dapat juga projek kerana dia kontraktor, bukan atas nama parti. Jadi, mana-mana yang dapat itu, saya kira tidak kiralah apa dia punya jawatan dalam parti. Jadi, saya kira tidak usahlah dipanjang-panjangkan, elok terus kementerian jawab yang sebenarnya. Sila.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sekali lagi telah menjawab bagi pihak saya. Saya ucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak menjawab bagi pihak sesiapa. Tetapi maknanya, lebih kurang begitulah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tetapi jawapan Tuan Pengerusi bagus, cukup elok, molek betul. *[Tepuk]*

Yang Berhormat bagi Tanjong juga telah membangkitkan beberapa perkara di sini iaitu beliau mencadangkan peruntukan disalurkan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, sebuah sekolah di Balik Pulau, dan juga mencadangkan kerajaan menawarkan projek kepada kontraktor berkelayakan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Dia telah membangkitkan perkara ini. Saya rasa kita telah beri perhatian mengenai dengan ini dan pihak kementerian telah mengambil maklum mengenai perkara tersebut dan kita sedang menguruskannya.

Begitu juga mengenai dengan pemilihan kontraktor akan dibuat mengikut prosedur yang kita sedia ada, sepertimana kata Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Ini, barulah kita kata ada substance.

Yang Berhormat bagi Serdang juga telah membangkitkan mengenai dengan isu pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi Indah. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi Indah ini telah dimasukkan dalam program sekolah satu sesi fasa kedua. Pembinaan sekolah ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2002.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan mewujudkan sekolah baru di kawasan-kawasan perumahan baru dan kawasan-kawasan mendesak. Pembinaan sekolah di kawasan perumahan sememangnya diberi keutamaan, namun demikian, tertakluk kepada penyediaan tapak oleh pihak pemaju. Di samping itu, pihak pemaju diberi keutamaan membina sekolah berkenaan melalui konsep reka dan bina. Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang.

Yang Berhormat bagi Sibu telah membangkitkan juga mengenai dengan bantuan modal diberikan kepada sekolah-sekolah kawasan Sibu. Memang pemberian peruntukan sekolah bantuan modal tertakluk kepada permohonan dan peruntukan yang telah disediakan. Kita akan beri pertimbangan kepada Sibu. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sibu.

Begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.....*[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Batang Lupar bangun, ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Eh, Batang Lupar lagi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya tadi saya beri dengan Labuan 10 minit. Tetapi, Speaker tidak boleh bagilah 20 minit dengan Labuan. Selepas itu, saya tarik baliklah pemberian saya itu, tidak bercakap.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini soalan, Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak tanya soalan bantuan modal ini. Dahulu, bantuan modal satu-satu sekolah yang meminta sumber bantuan itu dihantar secara geran terus ke sekolah. Tidak perlu jurutera ataupun QS datang hendak check dan sebagainya. Jadi, semenjak tahun 1998, ada perubahan sedikit iaitu kalau permohonan dibuat dan kelulusan sudah dibuat, pihak kementerian berkehendakkan laporan daripada jurutera, laporan daripada QS. Tetapi, kalau di kawasan macam kawasan Batang Lupar Tuan Pengerusi, orang yang diambil QS di JKR, jurutera di JKR membuat laporan daripada Sri Aman. Macam di kawasan saya ada lima sekolah Cina. Chong Hwa School Sebangau, Sebuyau, Lingga, Meludam dan Pusa' di Sarawak. Lima Chong Hwa School yang diluluskan pada 1998 dan diminta jurutera daripada Sri Aman turun ke situ. Tetapi, pemberian hanya RM25,000 satu sekolah. Jurutera hendak datang, makan belanja RM5,000 ke RM6,000 untuk turun ke kawasan ini, begitu sekali tripnya. Jadi, sampai sekarang sejak 1998, duit itu tidak turun oleh kerana kehendak kementerian mengatakan mesti ada laporan jurutera dan laporan dari QS untuk mendapat RM20,000 sahaja ini. Jadi, bolehkah kita balik kepada era dahulu?. Apabila permohonan sudah siap, pegawai daripada Jabatan Pendidikan sudah melihat sebenarnya kehendak ini pun betul dan perlu, beri saja cek. Kita beri sedikit kepercayaan dengan orang sekolah ini. Beri cek itu terus, tidak payah jurutera, tidak payah QS hendak check. RM20,000 sahaja Tuan Pengerusi. Bolehkah tidak? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah, Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Lagi lima orang.

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Lagi lima.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya cuba pendekkan Tuan Pengerusi. Untuk respond kepada Yang Berhormat bagi Batang Lupar itu, memang kalau projek yang begitu kecil, saya akan bawa ini untuk dipertimbangkan semula sebab projek yang selalu kita buat itu, mesti kita dapat dahulu kelulusan daripada JKR kerana mereka ada kepakaran itu.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai dengan isu PPD Seberang Perai Tengah dan Selatan dipindah balik ke Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, kita belum ada.....*[Disampuk]*

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Serdang, Serdang, biarlah dia jalan dulu. *[Ketawa]* Serdang bangun, ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi, saya pernah menyentuh tentang bantuan modal ini di mana sebanyak 137 buah projek dikenal pasti. Bolehkah diberi senarai terhadap 137 ini kepada saya secara bertulis? Bantuan modal sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk 137 projek. Bolehkah senaraikan kepada saya seperti dahulu?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baik, terima kasih dan saya akan senaraikan apakah sekolah yang telah dicadangkan.

Mengenai dengan PPD yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kita belum ada cadangan untuk memindahkan PDD berkenaan tetapi cadangan untuk menyediakan kemudahan untuk keselesaan ibu bapa dan orang ramai

yang berkunjung ke PPD akan kita beri perhatian yang sewajarnya dan kita tetap akan beri pertimbangan serius apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih teguran Yang Berhormat itu saya kira amat baik sekali dan menjadi panduan kepada kami.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai syarat bantuan buku teks di SJKC dan SJKT perlu disamakan dengan sekolah kebangsaan. Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk menggunakan had pendapatan yang sama bagi kelayakan mendapat pinjaman buku teks untuk pelajar semua jenis sekolah. Ia berdasarkan kepada yang telah kita gunakan sekarang iaitu, berdasarkan status kedudukan sekolah sama ada sekolah kebangsaan mahupun sekolah jenis kebangsaan. Walau bagaimanapun, kita juga sedang berbincang mengenai perkara ini dan perkara yang telah dibangkitkan berkali-kali.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Serdang juga membangkitkan mengenai dengan isu kolej komuniti. Bagi makluman kedua-dua Yang Berhormat, senarai 12 kolej komuniti rintis adalah seperti berikut, iaitu di Arau - Perlis, Bandar Baru - Kedah Darulaman, Teluk Intan - Perak, Kepala Batas - Pulau Pinang, Jempol - Negeri Sembilan, Segamat - Johor, Kuantan - Pahang, Bukit Beruang - Melaka, Sabak Bernam - Selangor, Kuala Terengganu - Terengganu, Tawau - Sabah, Kuching - Sarawak.

Bagi permulaan, Yang Berhormat, bagi kita mempercepatkan pelaksanaan projek, Kementerian Pendidikan telah membeli dan mengubahsuai bangunan-bangunan rumah kedai yang dijadikan kolej komuniti. Itu projek rintis. Walau bagaimanapun, lokasi kolej komuniti, bagi makluman Yang Berhormat, kerajaan akan membina kolej komuniti di semua 193 kawasan Parlimen. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah secara berfasa dan mengikut tawaran tapak oleh kerajaan negeri. Ini akan menjawab juga soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan mengenai dengan isu rumah guru di kawasan Parlimen Beluran. Kementerian sedang melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar di Sabah dan Sarawak. Ini ialah bagi pembinaan 1,254 bilik darjah, 642 untuk rumah guru dan bekalan air untuk 616 buah sekolah dan begitu juga dengan sekolah-sekolah yang lain dijangkakan bahawa program ini disegerakan pada tahun 2002.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah membangkitkan mengenai dengan asrama dan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nangka, Tuaran. Kementerian mengambil maklum mengenai keperluan asrama dan rumah guru yang telah dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat. Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai akan menaik taraf PPD di Sabah seperti di Semenanjung seperti mana yang telah saya jelaskan tadi. Yang Berhormat juga membangkitkan PPD berbeza dengan PPD di Semenanjung, kita juga mengatakan di sini bahawa pegawai pendidikan daerah di Semenanjung adalah berkelulusan ijazah DG3. Tetapi di Sabah mereka juga berijazah. Bagaimanapun, pegawai-pegawai ini masih belum lagi kita naik pangkat. Itu kedudukan sebenarnya, ada DG3, ada DG2, ada DG1 dan sebagainya. Ini sebenarnya apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Selangau telah juga membangkitkan mengenai dengan bahasa Iban dan ianya memerlukan – ini juga saya rasa bergantung kepada bilangan pelajar sekolah rendah yang mengambil mata pelajaran bahasa Iban berjumlah 34,812 orang, sementara sekolah menengah pula seramai 16,197 pelajar mengambil mata pelajaran bahasa Iban. Jumlah besarnya seramai 51,009 pelajar yang mempelajari bahasa Iban. Itu juga kita akan cuba....

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Jimmy Lim Donald: Pembedulan, Tuan Pengerusi. Bukan Yang Berhormat bagi Selangau. Saya dari Sri Aman yang menyentuh tadi, oleh kerana kalau ada kesilapan ataupun tuduhan yang melulu, saya yang bertanggungjawab, bukan Selangau.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Maaf saya, yang sebenarnya Sri Aman. Saya tersilap baca, sudah panjang baca. [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat mengenai supaya ia dimasukkan dalam jadual, itu juga kita sedang beri pertimbangan yang sewajarnya.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan isu profesionalisme pensyarah IPT. Setiap IPTA sentiasa memantau isu profesionalisme di kalangan pensyarah-pensyarah mereka. Kebanyakan IPTA mempunyai badan yang ditubuh di bawah Naib Canselor Akademik. Contohnya, Universiti Islam Antarabangsa ataupun Universiti Malaya, mereka ada jawatankuasa-jawatankuasa yang memantau mengenai dengan profesionalisme ini supaya setiap pensyarah adalah dikehendaki menjalankan tugas mereka dengan sebaik-baiknya. Jadi, apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita akan sampaikan kepada pihak universiti. Itu mungkin dianggap sebagai salah satu daripada disiplin pensyarah.

Yang akhir sekali, iaitu Yang Berhormat bagi Tuaran telah membangkitkan mengenai dengan pengajaran bahasa lain di dalam waktu pengajaran. Bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Iban dan bahasa Kadazan diklasifikasikan sebagai bahasa tambahan dan kita adakan di luar jadual. Ini juga masih dalam perbincangan.

Akhir sekali yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan yang dibangkitkan oleh Selangau, pembinaan kolej komuniti perlu diberi keutamaan kepada kawasan luar bandar. Memang pembinaan kolej komuniti diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai potensi di luar bandar. Kita tetap keutamaan dan priority itu kepada luar bandar.

Akhir sekali juga, Selangau telah membangkitkan mengenai dengan ubahsuaikan taraf sekolah-sekolah di luar bandar. Kita juga adalah menurut program di Sarawak, diluluskan sebanyak RM20 juta bagi pembaikan 286 buah sekolah di luar bandar. Pemilihan kontraktor dibuat secara sebut harga di kalangan kontraktor tempatan Kelas F kerana kos bagi setiap projek tidak melebihi RM100,000.

Begitu juga Selangau telah membangkitkan mengenai bekalan api, air bersih ke sekolah-sekolah. Di bawah program pembangunan pendidikan luar bandar, Sarawak, kita telah peruntukkan sebanyak RM530 juta bagi program tersebut di mana ia meliputi pembinaan rumah guru, air bersih dan juga kuasa elektrik. Apabila program disiapkan, kita rasa kemudahan-kemudahan ini dapat dirikmati oleh semua pihak.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah membangkitkan mengenai guru-guru masih kurang di luar bandar. Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kekurangan guru. Antaranya ialah menyediakan unjuran keperluan guru. Kedua, mengadakan pengambilan guru dua kali setahun. Ketiga, mewujudkan kursus dalam cuti untuk guru-guru sandaran yang tidak terlatih.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga telah membangkitkan mengenai dengan sekolah yang dibina perlu ada asrama harian. Pembinaan sekolah-sekolah baru dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan mengambil kira pembinaan asrama dan rumah guru dan kelengkapan-kelengkapan seperti dewan dan surau.

Akhir kata, saya ucap sekali lagi ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberi cadangan itu dan pada keseluruhannya, Tuan Pengerusi, saya mendapati kesemuanya amat bersetuju supaya bekalan tambahan ini diberikan kepada Kementerian. Sekali lagi saya ucap ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM271,283,800 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM271,283,800 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,500,000,000 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,500,000,000 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan (Tamb.) (Bil.3) 2001.

Maksud B. 29 [Jadual –

Maksud P. 28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Kubang Kerian.

3.56 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.28, 10.3 iaitu Kereta Api Tanah Melayu Berhad memerlukan *funding gap* yang kita peruntukkan pada hari ini RM200,636,000.

Pada asasnya kemudahan kereta api sebagai kemudahan awam seharusnya tidak menjadi masalah kepada kerajaan untuk memberikan tambahan peruntukan seperti ini. Sebelum saya pergi lebih lanjut saya rasa dalam dua hari ini Dewan kita agak luar biasa.

Tuan Pengerusi, saya berharap saya sendiri dapat mengawal perasaan pada setiap masa dan saya berharap rakan-rakan yang lain juga dapat menjaga keharmonian, bahkan kemuliaan Dewan ini. Pada hari ini kita telah lihat saudara kita daripada Kinabatangan telah pun menyatakan beliau semalam dilanda emosi dan pada hari ini kita tidak mendengar beliau meminta maaf.

Saya bukan ingin menimbulkan satu provokasi di sini tetapi kemuliaan Dewan ini telah tercabar sedikit sebanyak apabila satu akhbar pada hari ini menyiarkan di muka depan peristiwa ini. Buat pertama kali dalam sejarah Parlimen Malaysia perkataan seperti itu diucapkan. Saya berharap, saya rasa pada pandangan saya permohonan maaf kepada seluruh Dewan ini adalah lebih tepat dan saya yakin Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak keberatan untuk melakukan perkara sedemikian.

Funding gap bagi Kereta Api Tanah Melayu, Keretapi Tanah Melayu telah pun dikorporatkan. Kemudiannya telah menandatangani pada bulan Ogos 1997 Memorandum of Understanding untuk menswastakannya kepada Marak Unggul dan Marak Unggul terdiri daripada tiga buah syarikat. Yang utama itu ialah DRB-Hicom, Renong Sdn. Berhad, dan juga Bolton Finance pada waktu itu.

Dalam Memorandum of Understanding bagi penswastaan ini Syarikat Marak Unggul dipertanggungjawabkan untuk menyediakan financial assistance, dengan izin, dan mereka dalam perjanjian tersebut akan mendahulukan, memberikan advance dengan izin, kepada Keretapi Tanah Melayu Malaysia Berhad sebanyak RM100 juta. Sehingga 31 Disember, bahkan sehingga sekarang apa yang dijanjikan dalam perjanjian tersebut tidak ditunaikan dan menyebabkan Keretapi Tanah Melayu terpaksa memohon untuk mendapatkan peruntukan *funding gap* ini pada perkiraan saya.

Dalam kes ini saya yakin sedikit justifikasi ada iaitu perjanjian penswastaan ini berlaku di awal daripada krisis ekonomi 1997. Saya boleh faham kedudukan itu tetapi yang saya inginkan penjelasan di sini ialah jika kita meneliti kenyataan ataupun Laporan Audit Kereta Api Tanah Melayu sebelum daripada diswastakan bahkan dikorporatkan pada tahun 1996, pada tahun 1995 Keretapi Tanah Melayu dari segi operasinya mencapai, mencatatkan keuntungan RM19 juta, Tuan Pengerusi, pada tahun 1995. Pada waktu itu belum lagi dikorporatkan tetapi telah mencapai, mencatat keuntungan RM19 juta. Setahun selepas dikorporatkan pada tahun 1996 operasi Keretapi Tanah Melayu mula mengalami kerugian iaitu pada tahun 1996 sebanyak RM40 juta kerugian. Tahun 1997 – RM90 juta kerugian; tahun 1998 – RM91 juta kerugian dan tahun 1999 – RM62 juta kerugian operasi dan ini telah menyebabkan kerugian terkumpul Keretapi Tanah Melayu telah menjadi demikian besar.

Hujah saya ialah bahawa penswastaan tidak menyelesaikan masalah bahkan pada hujungnyanya kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan seperti yang kita peruntukkan pada hari ini walaupun kementerian ini akan memberikan justifikasi bahawa penswastaan tersebut telah mengalami gangguan daripada *financial crisis* pada tahun 1997. Tetapi saya hendak tekankan apakah sebenarnya pada waktu itu motif kerajaan menswastakan Keretapi Tanah Melayu kerana daripada laporan tahunan audit yang kita ada menunjukkan bahawa Keretapi Tanah Melayu mempunyai aset hartanah yang sangat luas di seluruh negara termasuk di Singapura, termasuk di Sentul satu kawasan yang sangat luas dan strategik. Di Brickfields yang telah pun dimajukan. Di Sungai Petani, di Johor, di Perak.

Jika kita meneliti laporan akaun ini kita dapat melihat mereka serta-merta telah menubuhkan beberapa syarikat di bawah KTM Berhad. Saya tidak bercadang untuk

membacakan tiap-tiap satu syarikat tersebut. Saya hanya memilih satu sahaja iaitu perjanjian untuk memajukan tanah Keretapi Tanah Melayu di Sentul yang telah ditandatangani perjanjian dalam sekitar tahun 1996 kalau tidak silap saya, iaitu memajukan sebagai satu kawasan pembangunan campuran di Sentul Raya dan mengikut perjanjian ini Keretapi Tanah Melayu akan memperolehi cash sebanyak RM36 juta dan bangunan-bangunan yang bernilai RM69 juta keseluruhan perolehan Keretapi Tanah Melayu ialah RM105 juta.

Langkah-langkah telah pun diambil untuk menjayakan kemajuan ini. Dari satu segi memang tepat iaitu keuntungan daripada pembangunan hartanah seharusnya digunakan untuk *cross subsidy* memajukan Keretapi Tanah Melayu. Ini konsep yang asas tetapi saya masih ragu apabila melihat sebenarnya tumpuan utama syarikat yang telah diberikan konsesi untuk dimajukan sebagai satu badan swasta ialah mendapatkan kekayaan daripada hartanah dengan cara yang cepat.

Itu boleh saya faham lagi tetapi saya ulangi dalam Dewan ini yang saya tidak boleh faham ialah kenapakah syarikat yang tertentu dengan tidak ada *open bid* diberikan keistimewaan untuk mendapatkan penswastaan itu yang akhirnya tidak perform, itu yang saya hendak tekankan. Yang akhirnya, tidak perform itulah yang saya hendak tekankan, syarikat yang sama, *modus operandi* yang sama diulang dalam Kementerian Pendidikan, dalam kementerian lain, dalam seluruh proses pembangunan negara kita inilah pada hemat saya menyumbangkan kepada kegagalan kita.

Saya hendak sebut dalam masalah *electrification* keretapi daripada Rawang-Ipoh dan kemudiannya daripada Kuala Lumpur-Johor Bahru yang pada asalnya hendak ditangguhkan tetapi telah dijalankan serentak sekarang. Dan daripada Ipoh ke Padang Besar yang menelan belanja yang besar. Saya telah katakan elektrifikasi yang diberikan kepada Mitsui Rawang-Ipoh RM1.7 bilion tidak melalui proses tender. Mitsui memberikan kepada syarikat tempatan hanya RM900 juta, RM700 juta, RM800 juta *markup price*. Sekarang sambung Kuala Lumpur-Johor Bahru; Ipoh-Padang Besar.

Kita hendak pembangunan, kita hendak kemudahan kepada rakyat tetapi pembaziran kerana proses yang tidak tepat ini yang kita tentang, ini yang kita sedih, ini yang kita hendak carikan *common value* Tuan Pengerusi, dalam Dewan ini supaya ketelusan yang ditunjukkan oleh kerajaan dapat dirasai oleh kami pembangkang dan tidak payah kita bergaduh di sini, tidak payah ucap kata-kata yang *[Disampuk] unparliamentary*.

Kalau ini boleh difahami kerja saya lebih mudah Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada had masakah, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sudah tidak ada Yang Berhormat, masa Yang Berhormat 10 minit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Okay, kalau ada had masa saya tidak dapat ulang beberapa perkara dalam buku ini tetapi saya hendak ulangi dalam Pos sesuatu yang tidak kena telah berlaku. Dalam penswastaan Pos saya tidak ulang pada hari ini secara detail tetapi saya hendak rakamkan bahawa perkara ini semua diperhatikan, ada rekod dan menjadi mercu tanda. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Rompin.

4.06 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Pengerusi, dalam perkara P.28 saya menyokong perbelanjaan Butiran 202903 iaitu RM200 juta untuk menjayakan projek Hidroelektrik Sarawak (Bakun). Adakah ini penting, memang parti pembangkang tidak menyokong untuk membela rakyat Sabah dan Sarawak kerana baru-baru ini sudah ditolak oleh rakyat Sarawak. Mereka ini tidak berjuang mahu membela rakyat Sarawak.

Saya menyokong Tuan Pengerusi, ini satu usaha kerajaan yang baik dipulihkan Projek Hidroelektrik Bakun ini dan syabas kepada keputusan kerajaan bahawa Bakun itu tidak disalurkan ke Semenanjung tetapi disalurkan untuk rakyat Sabah dan Sarawak kerana Barisan Nasional sentiasa membela rakyat Sabah dan Sarawak.

Tetapi sebelah parti DAP, parti di sebelah sana KeADILan dia tidak membela. Hanya cuba hendak mengelirukan masyarakat di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, ya saya faham. Yang Berhormat tidak bersangkut dengan Sarawak, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya boleh bercakap sebab Tenaga Nasional tidak ada kepentingan dalam Bakun.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak ada, tidak. Tenaga Nasional tidak ada saham dalam Bakun, Tuan Pengerusi, tidak ada kepentingan di sini. Tetapi saya kalau boleh datang ke Tenaga Nasional kita boleh beri briefing bahawa Tenaga Nasional tidak ada kepentingan dalam Bakun. Kalau Seputeh pun pergi ke sana masih lagi ramai yang teruna-teruna yang putih-putih di sana. [Ketawa]

Kedua, Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil masa yang panjang. Yang kedua tentang ekuiti Pos Malaysia, syabas juga kepada kerajaan. Dengan cara ini dapat kita mengapung Pos Malaysia, dalam pada masa yang sama dapat menyelamatkan RM1.2 bilion duit rakyat dalam Malaysia, dalam Phileo Allied. Ini satu usaha yang baik. Kalau dahulu dituduh konon *bailout*, sudah kita jelas Amerika banyak *bailout* sekarang tetapi saya tidak nampak sebelah sana mengutuk *bailouts* yang dibuat di Amerika. Senyap sunyi macam tikus masuk dalam berassss.....senyap sahaja. Ini termasuklah doktor kulit sana itu.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit Keretapi Tanah Melayu, saya menyokong juga, Tuan Pengerusi. RM200 juta ini penting untuk menampung supaya kereta api terus berjalan dengan baik dan kita setuju bahawa banyak kerja projek itupun banyak orang tempatan diambil kira untuk penyertaan dalam industri rel ini. Kawan saya tadi cerita tentang tender, saya bersetuju kalau boleh kita tender tetapi kadang-kadang ini, Tuan Pengerusi, dia bercakap tetapi tidak buat.

Di Kelantan mana balak tender pun. [Disampuk] Tender?

Seorang Ahli: Bagi, bagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bagi sama sendiri sahaja.

Seorang Ahli: Kroni.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, kroni-kroni dia. [Disampuk] Kalau hendak tunjuk bahawa kita mesti tender, tunjuk di Kelantan, tunjuk di Terengganu. Ini dengar cerita di Terengganu ini begitu juga. Ha, hendak bangun sebelah sana dia sudah rasa panas, yang bekas pensyarah ITM ini.

Saya bersetuju dia mesti tender tetapi tunjuk di Terengganu, tunjuk di Kelantan dahulu. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong tiga perkara Butiran 02903, 02910 untuk Pos dan 1600. Saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

4.09 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Maksud B.29 mengenai Syarikat KLIA Consultancy Sdn. Berhad. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberikan maklumat yang lebih mengenai syarikat ini. Saya sentuhkan perkara ini kerana Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu apakah pendirian Syarikat KLIA mengenai pesawat-pesawat MAS yang lebih kerana, Tuan Pengerusi, MAS mempunyai kira-kira 100 buah pesawat dan dengan kemerosotan industri penerbangan khususnya disebabkan keganasan pada 11 September, maka kapasiti sudah berlebihan.

Dengan lebihnya kapasiti ini maka kira-kira 10 buah pesawat MAS akan diketepikan dan mesti disimpan di KLIA. Kita perlukan satu tempat di KLIA untuk menyimpan pesawat-pesawat ini dan bukan pesawat yang kecil Tun, itu Boeing 747, Boeing 777 dan sebagainya dan tambah pula Tun, saya hendak tahu sama ada KLIA membenarkan mereka simpan di situ. Apakah bayaran diperlukan untuk letak pesawat-pesawat di KLIA.

Tuan Pengerusi, ini pesawat-pesawat besar dan susah hendak menampung di KLIA. Satu masalah kita perlu satu dasar daripada pihak KLIA ataupun kerajaan apakah tindakan akan diambil untuk menyelesaikan kekangan-kekangan ini. Tambah pula Tun pada 1995 MAS membeli 25 buah pesawat B747 dan 15 buah B777 dengan jumlah harga kira-kira RM10 billion dan sekarang tiga buah B747-400 dan dua buah B777-200 akan diberikan kepada MAS, *delivery* di antara November 2001 dan Mei 2002.

MAS memerlukan RM3.8 billion untuk membayar dan kita pun lebih satu buah pesawat, sekarang kita mesti dapat 5 buah lagi. Apakah masalah, ini masalah yang sangat serius Tun. Walaupun Rompin sebenarnya balak pun tak tinggal berapa dah dan kosong pula ada dah. Dia kata kita tak tahu pula hal ini. Bailout dan sebagainya. Ini sebenarnya Rompin mesti meneliti masalah yang sebenar.

Lebihan 10 buah pesawat, kemudian kita terpaksa dengan perjanjian membeli 5 buah lagi. Terpaksa meminjam RM3.8 billion. Itu masalah kita sekarang. Bailout, tak bailout pun itu masalah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Dia bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang atau tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Tak ada masa dah.

Tuan Pengerusi: Tak ada masa, dia tak beri jalan Yang Berhormat. *[Yang Berhormat bagi Kepong duduk]* Dia bagi pulak. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: Tidak mahu makan masa Dewan, tetapi oleh kerana Kepong, sebab saya selalu yang baik itu yang Kepong cakap itu kita puji. Sebelah sini kita puji. Kita hormati kepakaran dia tentang kulit ini. Tetapi hari ini dia menunjuk kepakaran dia pula dalam kapal terbang, dia kaitkan pula dengan balaklah, hutan adakah saya minta pandangan Kepong apa dia pentadbiran hutan di Kelantan. Isteri dahulu yang dah baru bercerai ini hendak minta pandangan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebenarnya dia mesti minta penjelasan tetapi tidak penjelasan, hendak suka sahaja, politik. Masalah MAS itu, kalau kita berterusan dengan cara politik ini, habis hancur semua MAS. Masalah mesti meneliti, menelaah perkara ini apakah sebab-sebab MAS menghadapi kesusahan terpaksa kita memberi bantuan kepada syarikat KLIA Consultancy Sendirian Berhad untuk membiayai modal kerja syarikat dan sebagainya supaya kita boleh menguruskan KLIA dengan berkesan dengan baik dan sebagainya itulah kita mesti tumpu perhatian. Ini Rompin merayau-rayau seluruh dunia dan tidak menumpukan perhatian kepada masalah yang di hadapan.

Itu masalah dan kita mesti tukarlah dia ketua apa ini.?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: *[Bercakap tanpa pembesar suara].*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]. [Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya masih berucap. Kita mesti tukarlah ketua backbencher macam ini tak ikut peratur an langsung. *[Tepuk]* Kita bincang *deliver* RM5 juta pada peringkat yang pertama untuk membantu syarikat KLIA dan bagaimana KLIA akan menguruskan masalah kelebihan pesawat MAS di KLIA. Itu masalah kita sekarang dan Tuan Pengerusi, walaupun kerajaan menyebut anugerah yang diberikan kepada MAS untuk beberapa jenis perkhidmatan mesti ada tetapi wujudnya pelbagai faktor yang menyebabkan kerajaan terpaksa menyelamatkan MAS dan salah satu faktor itu adalah sikap seperti Rompin ini yang tak betul.

Saya harap Tenaga Nasional Berhad itu tidak akan mengalami masalah yang sama. Selain daripada masalah pengurusan faktor-faktor seumpama kenaikan harga minyak dan destinasi-destinasi domestik dan antarabangsa yang tidak ekonomi merupakan halangannya. Dan sekarang bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana pihak syarikat KLIA dapat menangani masalah yang di hadapan kita dan dari manakah itu MAS akan mendapat pinjaman RM3.8 bilion walhal kita masih ada hutang tunggakan lebih RM9.4 bilion. Itu hutang MAS sekarang yang tak dapat dilunaskan, tak dapat dilangsaikan sekarang dan macam mana kita hendak pinjamkan

wang supaya kita tambahkan 5 buah pesawat kerana perjanjian dibuat tak boleh dielakkan.

Dengan 5 buah lagi macam mana kita boleh selesaikan masalah. Adakah pinjaman ini akan dibuat daripada US Exime Bank ataupun daripada bank-bank yang lain. Ini memang. Tuan Pengerusi, kerana masa yang singkat, saya sebenarnya saya membantu Tun nya. Saya tak hadir, kalau tak hadir tak ucap. Jimatkan masa sedikit. Tetapi masalah MAS ini terlalu serius terlalu dahsyat, saya terpaksa membangkitkan hal ini supaya kita boleh bersama-sama menyelesaikan masalah kerana saya pun sentiasa gunakan MAS. Saya hendakkan MAS menjadi lebih kukuh, lebih baik, dari lebih *stable* dengan pelan induk sekarang kita dapat menyelesaikan masalah.

Tetapi nampaknya Tun, pada mulanya itu MASnya mula-mula terpisah daripada Singapura, daripada SIAnya kita sama sahaja, sama taraf pada tahun 1977. Sekarang saiz SIA sudah tambah mungkin 15 kali ganda berbanding dengan MAS

Ini bukan Malaysia tak boleh. Bukan Malaysia tak mampu tetapi ada perkara-perkara yang wujud yang saya tak dapat terima. Saya hendak MAS dikekalkan kerana sentiasa kita gunakan perkhidmatan, Tun pun menggunakan perkhidmatan. Kita mesti *[Disampuk]* Rompin dia tak mahu.

Tuan Pengerusi, kita mesti cadangkan kepada Rompin sekarang. Dia Pengerusi Tenaga Nasional Berhad. Tetapi sekarang ini dia berjanji dah nak gunakan minyak kelapa sawit kerana 'stok pal' kelapa sawit meningkat 1.25 juta tan sekarang lebihan kerana harga pasaran baik.....

Tuan Pengerusi: Point of order, ya point of order. Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw : Masalahnya Tenaga Nasional Berhad mesti menunaikan janji untuk menggunakan lebihan stok minyak kelapa sawit kita. Tuan Pengerusi, saya pun berharaplah Rompin boleh insaf mengenai masalah yang dihadapi oleh kita semua. Kita boleh bersama-sama membincangkan bagaimana kita boleh mengatasi masalah MAS. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi, ini butiran maksud P28 iaitu Projek Hidroelektrik Sarawak BAKUN. Jadi pada saya peruntukan yang diberikan oleh kerajaan adalah merupakan satu hasrat yang mulia untuk melihat bahawa penjana ekonomi di seluruh negara kita dapat berjalan seiring kerana kita semua maklum bahawa projek hidro BAKUN ini akan memberi menjana elektrik kepada 2 buah negeri iaitu Sabah dan Sarawak.

Kita juga semua maklum bahawa di Sabah dan Sarawak ini masih ada kampung-kampung dan daerah-daerah yang tidak menikmati api elektrik secara menyeluruh. Ini bukan pula apa yang ditafsirkan oleh pembangkang bahawa tidak ada.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, sentiasa membela rakyat di Sabah, sentiasa membela rakyat di sebelah sana di luar bandar tak macam belah sini, dia pergi Sarawak untuk menipu dan menabur fitnah di Sarawak dan jelas ditolak oleh Sarawak. Dan saya itu dari perjuangan Yang Berhormat. Dan juga diri Yang Berhormat sendiri kita lihat tadi syabas kepada Yang Berhormat menunjukkan satu contoh yang baik, budi yang baik Kinabatangan tak seperti sebelah sana. Kadang-kadang sebelah keluar kata hari itu kata saya sendiri bodoh.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: Eh, saya nak minta penjelasan. Eh, eh, eh. Eh apa ni? Eh, Tun, saya minta penjelasan. Eh, eh, eh, ah apa ni.

Puan Puan Teresa Kok Suh Sim : *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Duduklah, duduklah duduk

Puan Fong Po Kuan: Duduklah, duduklah, duduk.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai : *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cheras, Cheras duduk dulu. Biarlah, biarlah....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: Ini cara DAP lah ini? Ini bercerai dengan PAS masih lagi panaskah ini? Ini bercerai dengan PAS nak tunjuk perempuan, wanita [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Mohd. Jarjis: Lepas ini saya minta lepas saya tanya, saya nak usulkan tarik saya kata Kinabatangan samseng. Saya akan usul lepas ini. Saya akan minta lepas ini. Bagi saya selesai. Saya minta ditarik balik tetapi nak minta perkara ini dulu. Dia kata Kinabatangan Samseng *on record* Saya minta tarik lepas ini. Saya, kita mesti hayati, kita mesti bagi pujaan kepada Kinabatangan. Budi bicara kita yang baik yang contoh sanggup tarik balik. [*Disorak*] Benda betul, betul. Ini kata samseng, budi baik kah? Nak kata parti DAP parti samseng kah? Ha.

Saya tak kata begitu, saya minta bahawa ini satu contoh dan syabas kepada Kinabatangan dicabar semalam sehingga Yang Berhormat bagi Kinabatangan hilang kesabaran. Ini sanggup tarik balik. Saya ucapkan syabas kepada Kinabatangan menghormati Dewan yang mulia hari ini. Saya minta Kinabatangan ada apa-apa lagi tambahan ini.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Inilah menunjukkan kita Backbenchers ini, kita prihatin dan kita ada komitmen dalam memperjuangkan apa juga isu. Bukan seperti ini, ini samseng kah apa ini? Dari mana samseng ini? Tadi saya sudah cakap, atas nama Dewan yang mulia ini, kita tarik balik. Tetapi

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kau diam!

Seorang Ahli: Duduklah!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kau diam!

[*Dewan riuh*][*Beberapa Ahli bangun*]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli persidangan, cukuplah, cukuplah!

Puan Fong Po Kuan: Patut dia minta maaf.

Tuan Pengerusi: Cukuplah! Tunggulah sekejap!

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, masalah ini tidak akan selesai tanpa

Tuan Pengerusi: Cukuplah Cheras! Cukuplah Cheras! Nanti dahulu, nantilah dahulu, biarlah dahulu! Biarlah dahulu! Nanti sekejap, nanti sekejap! Biarlah!

Ya, Kinabatangan, saya minta Yang Berhormat Kinabatangan menarik balik apa yang diucapkan dua hari dahulu.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya belum habis, Tuan Pengerusi, ini sudah jadi samseng! Macam mana?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkataan samseng tidak boleh pakai.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Dia pakai apa macam?

Tuan Pengerusi: Yalah, siapa pun tidak boleh pakai.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Dia lagi biadap!

Tuan Pengerusi: Siapa pun tidak boleh pakai. [*Ketawa*]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Inilah karenah mereka ini, tidak ada tanggungjawab! Mereka mahu melihat huru hara! Pagi tadi, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah. Sila teruskan apa yang hendak dicakapkan itu.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Itu sebabnya pagi tadi Tuan Pengerusi, saya berdiri di atas kesedaran, bahawa kita admit apa yang kita lakukan. Kita tarik

balik atas nama Dewan yang mulia ini, bukan atas mereka ini. Tidak ada ini! Ini tidak ada kelaslah! Mereka mahu melihat huru hara negara!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan, saya minta Yang Berhormat minta maaf dengan perkataan Yang Berhormat katakan itu bukanlah sahaja pada mana-mana orang, tetapi juga kepada Dewan ini.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ya, sudah saya cakapkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Minta tarik balik! Minta maaf!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tuan Pengerusi, saya sudah cakap, saya cakap, ini tolong diam! *[sambil menunjuk kepada blok F]* Saya tidak mahu dengar dia orang punya suara

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kau diam! You shut up!

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Sama siapa saya mahu maaf? Kau?

Tuan Pengerusi: Cheras, Cheras!

Seorang Ahli: Chokia betullah!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Suruh shut up ini, Tuan Pengerusi, baru saya cakap!

Tuan Pengerusi: Ya, Kinabatangan. Kinabatangan, ya, sila. Saya minta Yang Berhormat teruskan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Mereka ini kena ikut peraturan. Jangan mereka tidak ikut peraturan. Tadi pagi saya ulangi saya sudah tarik balik atas nama Dewan yang mulia ini, bukan atas ini, yang bercakap tidak tahu apa dia cakap. Dan saya mohon maaf untuk Dewan, bukan untuk ini. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh, mintalah maaf kepada ini.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Sudah saya cakap Tuan Pengerusi, apa lagi mahu berbalik-balik?

Seorang Ahli: Sudah cakap.

Tuan Pengerusi: Ya?

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kinabatangan telah pun mohon maaf.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Check Hansard! Check Hansard! Saya sudah cakap, tetapi ini bisung macam mana hendak dengar?

Saya teruskan perbincangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan, saya tidak dengar Yang Berhormat minta maaf. Sila, sila, beri saya dengar sedikit.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Itu sebab kalau hendak dengar, Tuan Pengerusi, suruh mereka diam!

Tuan Pengerusi: Ya, diamsudah, ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya cakap tadi, saya tarik balik atas nama Dewan dan saya mohon maaf, itu sahaja. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi: Okay, baiklah, baiklah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ini untuk pembangunan Bakun di Sarawak dan Sabah ini, amat baik, tetapi malangnya, perkara yang baik ini pun digembur-gemburkan oleh pembangkang. Kononnya projek ini bail out dan sebagainya. Tetapi

mereka tidak melihat kebaikan, malah yang ada dalam pemikiran mereka adalah kebencian semata-mata.

Jadi, ini satu perkara yang

[Beberapa Ahli DAP keluar Dewan]

Ha, tengok ini apa ini? Ini biadab ini, keluar ini!

Puan Fong Po Kuan: Tarik balik!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tarik balik! You punya cakap biadap kelmarin tarik balik! You siapalah?

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kinabatangan, mereka hendak keluar, biarlah mereka keluar. Ucaplah, sambung ucapan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya teruskan, Tuan Pengerusi, ucapan saya!

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat!

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Fong Po Kuan: 36(4). Menggunakan bahasa yang kurang sopan.

Tuan Pengerusi: Apa dia itu?

Puan Fong Po Kuan: Ini kami bebas untuk keluar masuk Dewan. Dia tidak boleh kata kita biadap! Saya pohon dia tarik balik!

Tuan Pengerusi: Perkataan biadap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tadi dia kata kita samseng you pun guna bahasa yang tidak bersopan!

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Peraturan Mesyuarat 36(6). Tadi Cheras mengucapkan perkataan biadap.

Tuan Pengerusi: Cukuplah! Cukuplah! Cukuplah!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) Tuan Pengerusi. Cheras kata Kinabatangan biadap, samseng!

Tuan Pengerusi: Ya, sudah keluar. Dia sudah keluar.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi, kita rehat lima minit.

Tuan Pengerusi: Okay. Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau tidak saya akan berehat sepuluh minit. Bolehkah?

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng: Mengikut Peraturan Mesyuarat, tadi Yang Berhormat Batu Gajah sudah minta satu ruling, dia katakan Peraturan dan beliau minta ruling. Saya rasa perlu buat. Saya memohon supaya Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling, sudah dua hari semalam sampai hari ini. Saya rasa kemuliaan Dewan ini telah dicemarkan dan perlulah

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: Nah, tengok, tengok!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat,

Puan Chong Eng: Jadi, saya rasa perlu

Tuan Yang di-Pertua: Lagi kita bercakap, lagi merebak perkara ini. Biarkan ditangguhkan Mesyuarat ini selama sepuluh minit.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 4.30 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 4.43 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita teruskan perbahasan. Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

4.44 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa ini, hendak sambung ucapankah?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sambung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini masih balik kepada yang tertangguh tadi, Butiran 02903 - Hidroelektrik Bakun. Saya percaya dengan peruntukan yang ada ini, kesemua negeri-negeri di Malaysia akan menikmati bekalan elektrik secara seimbang dan ini akan dapat menjana ekonomi dan juga dapat menjana daripada keseluruhannya termasuk kehadiran pelancong-pelancong daripada luar dan dalam negara dan dapat mempertingkatkan kualiti industri di seluruh negeri di Sabah dan Sarawak, khususnya.

Dan, yang terakhir Butiran 16000 - Keretapi Tanah Melayu Berhad dengan peruntukan RM200,636,000 ini. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan, tidakkah kerajaan berhasrat untuk mengembangkan sayap Keretapi Tanah Melayu ini ke negeri Sabah, kerana negeri Sabah juga saya lihat potensi industri kereta api ini amat baik.

Jadi, saya meminta kerajaan untuk memikirkan secara baik dan membuat kajian adalah perlu mungkin Keretapi Tanah Melayu ini mengambil alih pentadbiran atau pun kerja-kerja penyelenggaraan Keretapi Negeri Sabah untuk memastikan bahawa pembangunan ekonomi dari segi pelancongan sebagai yang kita kenal pasti berpotensi besar di negeri Sabah dapat dijanakan melalui industri kereta api ini kerana yang ada di Sabah pada ketika ini tidak dapat menampung keperluan-keperluan kerana mungkin kekurangan kepakaran.

Jadi, dengan kepakaran yang ada dengan Keretapi Tanah Melayu Berhad ini akan dapat diguna pakai di negeri Sabah. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau.

4.46 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Alhamdulillah, mesyuarat ditangguhkan 10 minit, saya sempat minum air tongkat ali segelas dan nampak badan segar sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 2001. Saya juga berharap kepada pihak pembangkang kalau berucap, janganlah menuduh, menyebut, fitnah seseorang, kata-kata kadang-kadang menyakiti hati orang lain. Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ini cukuplah. [Ketawa] Teruskan apa yang perlu dibangkit mengikut tajuk.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak ada, ini nasihat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Nasihat baik, kemudian dia nasihat kita, kita terimalah kalau yang baik. Sebelum pergi – nasihat, baik-baik, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah, semua fahamlah, semua ahli Yang Berhormat faham.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh! Dia bukan faham, kadang-kadang dia lupa. *[Ketawa]* Itulah saya hendak ingatkan. Haa! yalah okey Tuan Pengerusi, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan berhubung dengan P.28, Perbendaharaan, masalah Pos Malaysia yang ada tambahan sebanyak RM139 juta, Butiran 02910. Banyak dia punya tambahan. Saya cuma hendak menegur sedikit dari segi perkhidmatan penghantaran surat-surat terutama Pos Laju. yalah, kerajaan sudah bantu banyak, walaupun swasta kerajaan tambah ini - RM139 juta.

Jadi, perkhidmatan kena baik jugalah. Ini cerita surat Pos Laju ini, sudah jadi tidak laju. *[Ketawa]* Saya tidak tahu adakah disebut sebagai Pos Laju itu ada masa dia yang sampai satu hari, dua hari, tiga hari, empat hari, seminggu. Jadi, saya hendak minta Jabatan Pos ini betul-betul, kalau Pos Laju dia mesti beri gambaran bahawa surat dalam tempoh 2 hari daripada Kuala Lumpur ke Johor atau Johor ke Kuala Lumpur akan sampai dalam tempoh 1 hari. Ini kadang kala surat pos biasa sampai, surat Pos Laju tidak sampai lagi, pun ada berlaku. Jadi, saya mintalah supaya perkataan 'Pos Laju' itu betul-betul dibuktikan Pos Laju betul, bukan lambat.

Yang kedua, katakanlah bila dia pergi sebuah rumah, tidak ada orang atau pun tidak dengar, kemudian cerita-cerita dia pun balik dan tinggalkan surat ataupun dia tulis 'tolong ambil pos ini' kemudian dia hantar kepada kita, sudah jadi dua hari surat itu. Kita baru teirma surat, "tolong datang – tidak boleh disampaikan ini kerana tidak ada orang," kata dia. "Tolong datang ambil jam ini, jam ini." Saya minta perkhidmatan ini beginilah. Kalau dia datang pukul tiga tidak ada, tidak kisah, datanglah lagi sekali pukul 6 kerana mungkin waktu itu saya bekerja, orang rumah saya bekerja, semua tidak ada, dia hantarnya time orang kerja, semua rumah itu tutup, macam mana hendak sampai.

Tetapi pembayaran ini laju, dia tetap kira laju walaupun kita ambil lambat dan akhirnya jadi dua, tiga, empat hari. Jadi, saya ingat – mereka boleh kerja malam, tidak apa, ini dia pukul 5.00, 5.30 tutup. Kita ada perkhidmatan baik ini, ini dia patut terima kasih kerajaan tambah ini RM139 juta kepada Pejabat Pos yang sudah diswastakan. Kemudian, perkhidmatan mesti baik, kerja malam, beri overtime kerana hati orang senang, malam hari semua ada di rumah.

Ha, kita tahu ini surat Pos Laju, tadi siang tidak dapat disampaikan, maka kita sampaikan waktu malam ini. Tidak tidak hendak, 5.30 sudah tutup, kita hendak ambil di pejabat, Pos Laju pun sudah tutup, sudah dua hari, sudah jadi tidak laju lagi, Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingat pos ini kena ambillah dua hari, okaylah, sebab itu juga ada masalah, tetapi dengan tambahan ini perkhidmatan pun baiklah supaya buat sistem, kata saya, dua kali datang. Makna pukul dua tidak ada, okay orang balik kerja, agak kita pukul 6, pukul 6 kita datang s ekali lagi rumah itu.

Lepas itu kalau tidak ada pun, kita hantar pada sebelah malam. Jadi, mana orang dapat, ucap tahniah kepada Pos Laju kerana penghantar surat betul-betul laju. Makna dalam masa yang ditetapkan itu. Jadi, saya haraplah perkara ini dapat diambil perhatian kerana ini banyak jadi rungutan pasal surat tidak sampai, yang digelar sebagai Pos Laju itu.

Yang kedua, satu sahajalah, akhirnya berhubung dengan Keretapi Tanah Melayu - tambahan sebanyak RM200,638,000. Saya juga setuju tambahan ini dan menyokong juga, tetapi di samping itu kepentingan pengguna pun perlu diambil kira - dari segi tempat duduk dan juga keselesaan dia. Yang keduanya, harga tambang mesti guarantee jangan naik – tidak boleh naik. Sudah tambah peruntukan ini, ada kurang lagi hendak naikkan tambang. Ini dibatalkan kalau ada cadangan. Kalau tidak ada Alhamdulillah tetapi selalu bila dia bermasalah, hendak naik tambang sahaja. Jadi menyusahkan orang ramai. Kerajaan tambah tetapi tambang jangan naikkan.

Yang kedua, kantin dalam kereta api juga diadu mahal sangat. Saya tidak tahu control makan dalam kereta api ini. Kalau boleh pihak Keretapi tetapkan harga, jangan terlampau tinggi sebab yang naik kereta api ini kebanyakan orang pendapatan

sederhana, yang rendah. Jadi mereka sekali-sekali naik kereta api tetapi makanan pula mahal. Ini pun dapat pihak Keretapi mengambil perhatian supaya perkhidmatan yang saya sebut begitu dapat diambil perhatian yang serius. Tuan Pengerusi, keputusannya. Belum habis? Sekian. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Hulu Rajang.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita punya 'speaker' hari ini agak teruk sedikitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan 'speaker' teruk, tahukah!

Beberapa Ahli: Mikrofoniah [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik baliklah! [Ketawa]

Tuan Billy Abit Joo: Tidak payah tarik baliklah [Ketawa] Saya cakap mikروفon. Saya ingin menyentuh Maksud P.28 – Perbendaharaan, Butiran 02903. Ini tentang Projek Hidroelektrik Sarawak (Bakun) yang kebetulan dalam kawasan Parlimen Hulu Rajang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional yang telah mengekalkan kerusi Belaga walau pun pihak pembangkang telah sedaya upaya, dengan strategi apa pun untuk merampas kerusi tersebut. Rakyat Belaga terutama sekali rakyat di penempatan semula Bakun di Sungai Asap sedar dan berterima kasih atas betapa prihatinnya kerajaan terhadap permintaan dan keperluan mereka, lebih-lebih lagi para menteri seperti Yang Berhormat Dato' Amar Leo yang telah melawat mereka

Baru-baru ini kerajaan telah meluluskan projek penurapan jalan utama di Sungai Asap. Kebetulan Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak RM200,000 adalah dikehendaki bagi bayaran kos penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat. Itulah tujuan RM200,000 yang dipinda ini.

Beberapa Ahli: [Menegur] RM200 juta

Tuan Billy Abit Joo: Ya RM200 juta. Saya juga cadangkan jalan ke rumah-rumah panjang dari jalan besar juga diturap sebab dari simpang jalan ke rumah panjang, kadang-kadang ada satu dua kilometer dan susahlah mereka untuk berjalan ke rumah panjang dari jalan utama itu dan saya cadangkan jalan ke rumah-rumah panjang juga diturapkan dengan peruntukan mungkin tambahanlah. Saya harap pihak kementerian mengambil berat permintaan rakyat di Sungai Asap yang telah menyokong kerajaan dengan berpindah dengan sukarela ke penempatan semula ini dari rumah asal mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh bangun.

Beberapa Ahli: Tidak payahlah

Tuan Billy Abot Joo: Tidak payahlah. Saya ada sepuluh minit.

Seorang Ahli: You belum pernah pergi Bakun lagi. Seputeh belum pernah pergi Bakun

Beberapa Ahli: Bagi, bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Saya agak tertarik dengan ucapan Yang Berhormat mengenai kawasan rumah panjang di Sungai Asap. Maklumat yang saya dapat adalah banyak sungutan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak berucap?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Eh! penjelasan. Banyak orang asal yang duduk di rumah panjang di Sungai Asap itu mereka memang bersungut tentang kualiti yang rendah, bangunan yang teruk, yang tidak sesuai bagi mereka. Mereka agak sedih kerana terpaksa dipindah masuk ke rumah panjang itu. Setujukah Yang Berhormat bahawa kita perlu menyeru kerajaan memberi lebih peruntukan kepada orang asal yang duduk di sana yang rasa sedih sekarang ini supaya kualiti bangunan rumah mereka itu

akan diperbaiki lagi. Mungkin peruntukan yang berlipat ganda daripada angka ini haruslah diberi kepada mereka.

Tuan Billy Abit Joo: Terima kasih atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Seputeh. Sebelum saya menjawab saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Seputeh, sama ada Yang Berhormat sudah pergi ke Bakun atau tidak – itu nombor satu; nombor dua sama ada Yang Berhormat Seputeh atau pihak yang melapor sudah pergi ke tempat asal mereka – rumah panjang asal dan juga di Sungai Asap. Bagi saya jika dibandingkan kedua-dua rumah panjang di Baloi dahulu dan juga di penempatan semula jauh lebih berbeza dari kualitinya dan dari kelengkapan moden yang ada. Memandangkan jumlah bilik-bilik yang sedang dibina iaitu hampir satu ribu bilik, mungkin ada satu dua yang mungkin tidak begitu baik. Ini bukan kerana kerajaan tetapi oleh pihak swasta yang membina rumah-rumah panjang ini dan tidak bolehlah kerajaan dipersalahkan.

Jadi saya harap Yang Berhormat Seputeh walaupun mengambil berat masalah di Sungai Asap, saya harap janganlah menampung cerita-cerita yang mereka ceritakan. Ramai orang di Sungai Asap menyokong usaha kerajaan dan dalam 11,000 orang di sana mungkin ada satu dua yang menyokong NGO, dan mereka ini, bagi saya tidak bertanggungjawab. *They just point out the problem* – bukan membuat cadangan, macam mana membantu orang ramai di sana. Jika kita mencari masalah memang senang tetapi jika kita bertanggungjawab untuk mencari, menerima apa yang perlu untuk orang ramai memang susah sedikit. Jadi saya harap lain kali janganlah membawa perkara yang dibawa satu dua orang sebagai mewakili orang di Sungai Asap. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan panjang, lupaka n cadangan Yang Berhormat sendiri. Masa sudah ringkas *[Ketawa]*.

Tuan Billy Abit Joo: Memang niat kerajaan, dan saya wakil kerajaan di sana. Kita orang baik-baik dan berpandangan jauh *[Tepuk]*. Lupa sudah saya di mana *[Ketawa]*. Masih dalam subjek jalan raya. Rakyat Belaga memohon supaya Kerajaan Pusat membina jalan dari Simpang Sungai Bidawah, Bakun ke pasar Belaga. Jauhnya hanya 37 km. Dengan adanya jalan ini kelak orang di kawasan di bawah Bakun akan juga menikmati kemajuan dibawa oleh kerajaan.

Saya ingin menerangkan kepada Dewan ini kawasan Belaga sangat di pedalaman Sarawak dan jika oleh kerana Bakun kawasan ini mungkin tidak dapat dihubungi oleh bandar-bandar yang lain – hanya melalui Batang Rajang dan itu pun kita seharusnya melepasi jeram Pelagus yang berbahaya. Tetapi dengan adanya Bakun, jalan raya ke sana mereka yang di bawah Bakun tidak dapat menikmati kemajuan yang ada. Rakyat di sana memohon supaya jalan raya dibina ke pasar Belaga. Setengah dari kawasan di Belaga tidak dapat dihubungi oleh jalan raya dan memandang ini hanya 37 km. Saya harap Kerajaan Pusat akan mengambil berat permintaan rakyat Malaysia di sana.

Perkara yang kedua yang saya ingin pohon untuk Sungai Asap, ada kaitan dengan Bomba dan Penyelamat supaya dibina satu balai bomba di penempatan semula Sungai Asap. Di sana sudah ada banyak rangkaian jalan raya dan semua kampung dapat dihubungi dengan jalan raya. Rumah panjang di Sungai Asap lengkap dan moden dan saya harap sebelum ada apa-apa yang tidak diingini berlaku, binalah balai bomba dengan segera. Input ini patut ada pada jabatan tersebut dan patut dirancang dan dibina serentak dengan bangunan-bangunan yang lain semasa itu. Saya harap ini dapat dipercepatkan.

Tentang projek Hidroelektrik Bakun, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara tetapi perkara yang pertama, sebagai wakil rakyat dari kawasan tersebut, saya ingin menuntut....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Billy Abit Joo: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada satu minit lagi.

Tuan Billy Abit Joo: Aduh, inilah Yang Berhormat Seputeh buat kacau tadi. *[Ketawa]* Saya ingin menuntut bagi pihak orang Belaga supaya RM5 juta yang dijanjikan oleh kontraktor terdahulu ditunaikan. Janji kerajaan untuk mempengaruhi

kontraktor tersebut. Ini untuk Tabung Amanah Bakun yang telah dijanjikan dan disampaikan cek kepada Perdana Menteri sendiri pada masa itu.

Perkara yang seterusnya seperti yang selalu ditegaskan di sini, pihak tempatan harus juga mendapat faedah dari kontrak tersebut. Ini juga kita telah janjikan kepada rakyat sebelum mereka pindah, kerajaan boleh membantu dengan menentukan kontraktor atau memberi kerja dan kontrak kepada mereka yang mampu dan yang cuba melibatkan diri, berilah sokongan dan bantuan. Pihak-pihak di kawasan tersebut telah membuat beberapa cadangan dan saya harap pihak Perbendaharaan memberi mereka sokongan dalam usaha mereka ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Billy Abit Joo: Beri saya satu minit lagi, Tuan Pengerusi ya.

Seorang Ahli: Penting, penting.

Tuan Billy Abit Joo: *I seldom stand up in the Dewan, so give me one more minute.* Mana dia tadi? *[Ketawa]*

Kerja-kerja yang saya maksudkan ialah kerja bercorak *service related* – pengangkutan, binaan rumah-rumah, pembekalan (*ration supply*), *labour supply* dan sebagainya. Rakyat Bakun sekarang masih cuba menghayati cara hidup baru dekat bandar di mana wang tunai diperlukan untuk mendapatkan apa-apa keperluan. Seharusnya Bakun Hidro Electric Project (HEP) adalah satu batu loncatan untuk orang Bakun mengikut jejak rakyat lain yang lebih maju. Jika kerajaan tidak menggunakan *political will* untuk menentukan perkara-perkara yang telah saya sebut tadi, rakyat Bakun akan tercicir dan melihat kemajuan di Bakun sebagai penonton sahaja.

Dengan adanya projek ini, saya harap kerajaan bolehlah menentukan orang Bakun yang dipindahkan tidak diketepikan. Jangan harap sangat dengan company gergasi yang mendapat kontrak untuk merealisasikan aspirasi kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

5.04 ptg.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading...

Tuan Mohamad bin Sabu: B.29...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...apa dia? Sila duduk.

Tuan Mohamad bin Sabu: Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Sebelum saya mula, saya hendak respons dulu tadi daripada Yang Berhormat bagi Tebrau. Masa rehat tadi, Yang Berhormat, abang saya ini pergi minum Tongkat Ali. Janganlah mendedahkan kelemahan peribadi di sini. *[Ketawa]* Terutama di malam Jumaat yang mulia ini. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi.... *[Disampuk]* Mendedahkan kelemahan peribadi. *[Ketawa]* Baik. RM5 juta diperlukan untuk membantu syarikat KLIA. Saya ingin tahu di sini, bukankah sudah ada MAB Berhad yang menjalankan kegiatan untuk memajukan airport dan sebagainya dan kenapa ada lagi syarikat KLIA yang perlu juga dibantu di sini. Ini yang saya ingin penjelasan.

Perkara yang kedua yang berlaku pada MAS, satu kerana penyelewengan dan salah guna. Ini telah pun didedahkan dengan panjang lebar untuk saudara saya daripada Kubang Kerian. Saya tidak perlu ulang. Yang kedua, kerana malapetaka. Yang ini kita simpati. Penyelewengan yang didedahkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu dan juga oleh ketua baru yang mengambil alih MAS, semua itu kita amat sedih, duka dan tindakan perlu diambil kepada pihak yang menyeleweng.

Yang kedua, yang berlaku kepada MAS kerana malapetaka yang berlaku di luar negara akibatnya menimpa MAS. Yang ini kita simpati. Jadi, saya mintalah apa pun dalam penyusunan semula ini, jangan dibuang para pekerja sebab para pekerja

MAS sekarang amat susah hati daripada di darat sampai di udara - pramugari, pilot dan sebagainya bila jumpa kita, "Tolonglah Yang Berhormat, cakap dalam Parlimen, jangan buang kami. Kami telah terbang lama di udara, tidak tahu lagi hidup di bumi". [Ketawa] Ertinya, mereka hendak cari kerja-kerja baru dan sebagainya agak sukar.

Jadi, kita harap di sini, pihak MAS dan kementerian, mereka rela kalau beberapa potongan lagi dibuat terhadap apa-apa yang mereka dapat selama ini, tetapi buang daripada pekerjaan itu yang mereka tidak rela, sebab sekarang kita tahu 85,000 orang sedang mencari kerja, 45,000 adalah graduan, ditambah pula tahun ini, maka pencari kerja di kalangan graduan tahun hadapan menjangkau lebih daripada 100,000 orang. Jadi, kita akan menghadapi masalah kalau kita buang lagi pula pekerja daripada MAS ini, maka di pasaran begitu banyak mereka yang tidak mendapat pekerjaan. Oleh itu, kita harap syarikat KLIA yang buat konsultan ini atau dalam bidang penerbangankah, dalam bidang darat, dalam bidang engineeringkah, dalam pengurusan, semuanya sekali, kita harap masalah pekerja jangan diambil tindakan dengan membuang mereka.

Yang kedua, Keretapi Tanah Melayu yang dapat RM200 juta. Sudah berapa kali kita luluskan peruntukan tambahan kepada Keretapi Tanah Melayu tetapi *improvementnya* kita tidak nampak lagi. Sekarang ini yang agak baik ialah komuter. Memang kita sendiri pun pakai kenderaan itu untuk datang ke Kuala Lumpur. Kalau kita pergi ke negara Barat, Englandkah, Perancis, kereta api cukup terkenal diguna oleh semua kelas, daripada buruh kasar sampai bank manager, sampai orang-orang korporat.

Di Malaysia, kalau kita tanya korporat, tidak naik kereta api kerana waktu perjalanannya kalaulah dikata enam jam dari Kuala Lumpur ke Butterworth, betul-betul enam jam. Ini tidak, sampai lapan jam, kadang-kadang sepuluh jam. Kadang-kadang perjalanannya ditunda sampai dua, tiga jam menyebabkan kereta api begitu tidak popular.

Duit, kita pun sudah banyak tetapi popularnya kereta api ini masih lagi di tahap yang cukup menyedihkan. Orang yang ada mesyuarat, orang yang pergi bertolak dengan time, misalnya kita kalau di sini pukul 8 pagi, kita mahu sampai ke satu tempat itu pukul 12.00 tengah hari, tetapi dengan kereta api tidak boleh, melainkan komuter sekarang boleh. Oleh itu, wang yang begitu banyak dapat ini, kita harap supaya satu hari kereta api menjadi pilihan utama orang untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Sekarang menjadi pilihan terakhir. Orang memilih kenderaan lain. Lebih baik tumpang lori ikan. Time dia sampai tepat ataupun tumpang lori surat khabar, [Ketawa] ha lagi tepat. Kalau pergi naik di Bangsar, saya biasa naik, sampai Butterworth pukul berapa, dia boleh sampai tetapi kereta api tidak sampai, ikut time lori surat khabar.

Jadi, perkara ini kita kena improve. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

5.09 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun tahu, saya pun tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tahu apa? [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading ini dia berdisiplin. [Ketawa] Saya akan mengambil sedikit sahaja masa kerana menghormati masa. Saya ingin menyentuh P.28, Perbendaharaan, Kepala 02910— Pos.

Perkhidmatan pos ini sebenarnya satu perkhidmatan yang tertua di dunia kerana penghantaran berita dari seorang ke seorang individu atau daripada satu kawasan ke satu kawasan dibuat ribuan tahun dahulu. Kita dengar cerita kadangkala melalui burung. Di kaki burung diikat surat, dihantar atau dahulu dengan menunggang kuda.

Begitulah pentingnya perkhidmatan yang ingin disampaikan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Di Malaysia ataupun di mana sekali pun di waktu mutakhir ini kita menggunakan perkhidmatan pos. Perkhidmatan pos mempunyai pelbagai pendekatan dan yang terbaru ini kita swastakan, tetapi malangnya perkhidmatannya masih tidak berubah, masih ditakuk lama.

Tuan Pengerusi, faham "takuk lama" ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak begitu faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak faham, okey. Tidak faham selamat. Masih di tahap itu juga. Saya ingin meminta pejabat pos ataupun pihak pos ini peka sedikit kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cuba hendak membangkitkan perkhidmatan lewat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya akan membuat cadangan kepada pos.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tentang kelewatan, tadi Yang Berhormat bagi Tebrau telah menyatakan, saya fikir tidak payah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini ada perbezaannya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Perbezaan. Kita mempunyai cita rasa yang berbeza. Ada kala kerana surat yang lewat sampai, rezeki orang terputus. Saya sebagai Ahli Parlimen memang banyak pengaduan yang sampai kepada saya dan saya tidak dapat hendak berbuat apa-apa dari segi hendak menolong. Interview pada 15hb, surat sampai 20hb. Sebab itu saya ingin pejabat pos peka sedikit tentang harta yang diserahkan, diamanahkan kepada mereka dan harta itu kadang-kadang mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan seseorang. Ada peluang yang begitu baik tapi kerana kelewatan dan kecuaiannya pejabat pos hamba Allah itu terputus rezeki. Ini satu perkara yang amat serius.

Saya berharap kakitangan pejabat pos harus memahami, lebih-lebih lagi yang empunya diri ini kadang-kadang jauh di pedalaman, ternanti-nanti, oh! "Penantian itu satu penyiksaan". Surat yang dinantikan telah pun sampai, dukacita dan amat kecewa interview yang diharap-harapkan di tunggu berbulan-bulan akhirnya kecewa kerana lewat sampai.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Silakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sendiri mengalami peristiwa ini. Tiga kali pos laju sudah dua tiga hari selepas itu baru sampai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sahaja? Sila duduk, cukup.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya apa yang saya paparkan ini kebenaran tidak boleh dinafikan. Oh! sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dengan pengalaman yang secara direct yang dirasai. Ini menjadi satu perkara yang mesti, mesti ada satu perasaan tanggungjawab, bukan sebagai suatu paksaan. Ah! Surat engkau campak, baling, buang. Surat-surat ini mengandungi pengertian-pengertian yang amat besar maknanya dalam kehidupan manusia. Saya berharap pejabat pos harus peka.

Ambil contoh, kadangkala orang hendak membeli setem kena berbaris dekat-dekat tiga rantai, Tuan Pengerusi, panjangnya sehingga kena keluar daripada beranda pejabat pos, berpanas dan alangkah kecewanya apabila hujan renyai-renyai. Oh! Membeli setem sebenarnya satu penyiksaan. Apa yang dilakukan? Apa tindakan? Tidak ada rasa perasaan kepada orang-orang yang bertanggungjawab di pejabat pos melainkan melihat dan perkara ini dibiarkan begitu lama sedikit pun tidak mahu atau tidak ingin hendak diperbetulkan.

Apa salah ditambah kakitangan? Kita biasa dengar keuntungan nanti berjuta-juta, *but service very poor* - dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ulang sekali.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, *service very poor* dan untung berlipat ganda. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Jeli, silakan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan sahabat saya daripada Sri Gading. Jadi bersetuju tidak Yang Berhormat kalau sekiranya sekarang ini kita perhatikan bahawa Pos Malaysia tidak ada saingan dari sudut penjualan setem dan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu, kecuali perkhidmatan courier. Mereka tidak ada saingan, jadi maknanya mereka memonopoli perniagaan ini dan juga perkhidmatan ini. Setuju ataupun tidak, Yang Berhormat, sekiranya atau sepatutnya kerajaan mengadakan satu lagi syarikat seperti mana perniagaan telekomunikasi? Jadi kita adakan sama ada satu atau dua lagi syarikat sebagai pesaing kepada Pos Malaysia Berhad supaya rakyat mendapat perkhidmatan yang lebih baik. Minta pandangan terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, alangkah berbahagianya saya kalau lah pihak pembangkang yang diwakili oleh Yang Berhormat bagi Jeli bersifat membina. Perkara yang baik kita sokong dan terserahlah kalau ini cadangan yang boleh dipertimbangkan, saya bersetuju kerana kadang-kadang dalam persaingan akan terlihat jantan betina *[Tepuk]*. Jadi saya berharap Jabatan Pos akan melihat, jadi tambahkan kakitangan, jangan biarkan membeli setem 20 sen you kena membuang masa dua jam. Oh! 20 sen dua jam. Kalau seseorang pendapatannya satu jam RM100.00 maknanya hendak membeli 20 sen bermodalkan RM200.00. Kalau orang bergaji RM20.00 satu jam, maknanya RM40.00 bermodal untuk membeli setem 20 sen.

Ini bukan perkara kecil, ini bukan perkara remeh dan ini lah yang berlaku di pekan-pekan kecil, mungkin di bandar-bandar besar

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ..Alah hai, Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun hendak campur. Saya Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini kadang-kadang silap cakap dia terus marah. Al maklum dia anak dara, dia orang yang baik, dia orang yang cantik. Jadi hendak jawab ni takut tersalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak berikan laluan kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak beri laluan kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya beri laluan, sudah tentu. Off course. Oho! Saya akan beri laluan, silakan.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya hanya bangun minta penjelasan. Tidak payah beri banyak-banyak ulasan, ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: Tadi, Yang Berhormat kata Jabatan Pos, kelemahan-kelemahannya, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa Pos Malaysia telah mengaut keuntungan yang banyak, akan tetapi gagal untuk memberi atau menaikkan mutu perkhidmatannya. Kalau kita tengok negara luar, tidak perlu berbaris untuk membeli setem. Mereka ada mesin-mesin yang sedia ada, orang ramai boleh membeli setem bila-bila masa, tidak kira waktu. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat mengapakah mutu perkhidmatan Pos Malaysia begitu lemah lagi dan kerajaan masih hendak memberi projek seperti monopoli untuk membeli komputer melalui KWSP kepada Pos Malaysia? Apa sebabnya? Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukup. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya minta macam juga tadi sahabat saya seminit, dengan belas kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Batu Gajah, orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa *[Ketawa]*. Sebab itu saya beri dia. Jadi, saya merasa soalan itu ada persamaan dengan Yang Berhormat bagi Jeli. Jadi saya telah jawab untuk menjimatkan masa.

Saya hendak tambah sedikit, Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap banyakkkan mini pos, banyakkkan wakil pos dan kalau banyak mini pos dan wakil pos, perkhidmatan akan dapat dipermudahkan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, sukacita saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

5.21 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud P.28 Butiran 16000 mengenai peruntukan yang diberi kepada KTMB. Pada 3 Oktober tahun ini, Menteri Pengangkutan mengumumkan bahawa kerajaan telah menolak cadangan penswastaaan KTMB yang dibentangkan oleh Marak Unggul Sdn. Bhd. yang berada di bawah Kumpulan UEM Renong kerana ketidaktentuan yang berlaku dalam Kumpulan UEM Renong sekarang dan kontrak di antara Konsortium Marak Unggul dengan KTMB tidak akan dilanjutkan selepas kontrak penswastaaan tersebut berakhir pada tahun ini.

Saya ingin tanya apakah tujuan Perbekalan Tambahan sebanyak RM200,636,000 ini. Adakah wang ini digunakan untuk membayar kerugian pengurusan syarikat ini? Bukankah KTMB telah pun diswastakan dan bukannya kerugian ditampung oleh syarikat konsesi iaitu Marak Unggul. Menurut laporan *New Straits Times* pada 2 Oktober, Marak Unggul sepatutnya menyuntik RM100 juta ke dalam KTMB selepas ia mengambil alih. Tetapi sehingga hari ini wang tersebut masih belum dideposit ke dalam syarikat tersebut. Bukankah kerajaan harus menghendaki Marak Unggul untuk mengeluarkan RM100 juta tersebut dan kenapakah kerajaan perlu membayar wang RM200,636,000 ini? Bolehkah Menteri dan Timbalan Menteri membentangkan isi kandungan kontrak penswastaaan Marak Unggul dengan KTMB kepada Dewan ini? Saya merasa kesal kerana melihat kerajaan sekali lagi menarik balik penswastaaan satu utiliti awam seperti KTMB selepas penswastaaan ini gagal seperti Indah Water, MAS, projek LRT dan sebagainya. Kerajaan sepatutnya tidak harus menswastakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: ..infrastruktur awam ini bukan sahaja....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat keluar daripada tajuk. Sekarang Jawatankuasa.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak keluar, masih dalam tajuk KTMB.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, Yang Berhormat kata ini IWK dan lain-lain, ini tidak.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya kata seperti contoh. Jadi bukannya penswastaaan infrastruktur awam ini tidak membawa manfaat kepada orang ramai tetapi ia juga selalu membawa kerugian kepada kerajaan sehingga kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat swasta seperti ini. Saya menyeru Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, syarikat konsesi mana lagi yang akan memulangkan projek penswastaaan kepada kerajaan dan berapa lagi wang pampasan yang perlu dibayar oleh kerajaan kepada kroni-kroni tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, perkara seumpama ini sepatutnya dibangkitkan semasa di peringkat dasar.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tadi Sri Gading boleh bangkit dengan setem dan Pos Malaysia secara menarik jadi ini juga perkara yang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...melibatkan kepentingan orang awam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau ada perkara lain, kemukakan, kalau tidak ada, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada, ada. Satu lagi P.28 Butiran 02903 iaitu projek Hidro elektrik Sarawak (Bakun). Saya ada dua soalan di sini. Saya ingin tanya yang RM200 juta yang diperuntukkan di sini akan diberi kepada penduduk di kawasan mana kerana Bakun ini merupakan projek yang besar kepada berapa keluarga dan juga berapa setiap keluarga akan menerima?

Soalan kedua ialah rumah panjang penempatan semula untuk orang asal iaitu Sungai Asap yang telah saya bangkitkan bahawa ia rendah kualiti dan mendatangkan sungutan daripada penduduk itu, saya ingin bertanya sama ada kerajaan akan mempertimbangkan sungutan yang diluahkan oleh mereka. Sebenarnya tidak seperti apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat bagi Sarawak tadi bahawa hanya satu dua orang sahaja yang meluahkan sungutan itu. Sebenarnya ada satu rombongan yang pernah datang ke Semenanjung yang pernah ada satu taklimat di Universiti Malaya beberapa bulan yang lepas di mana mereka telah menunjukkan slide dan video tentang Rumah Asap itu kepada kita semua dan mereka juga pernah berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri dan juga melaporkan kepada Suhakam.....

Tuan Billy Abit Joo: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Hulu Rajang bangun.

Tuan Billy Abit Joo: Okey, terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Seputeh ini asyik menyentuh tentang Bakun sahaja, setiap kali menyentuh tentang Bakun. Untuk pengetahuan Seputeh, rombongan yang selalu datang ke Semenanjung adalah pihak NGO dan ada beberapa keluarga yang tidak pindah ke Bakun. Mereka ini masih tinggal di hulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Tuan Billy Abit Joo: Ya, adakah Seputeh sedar bukan semua yang datang ke Semenanjung berjumpa dengan pihak atasan, bukan orang yang pindah di Asap. Mereka ini ada tujuan tertentu. Ada yang masih kekal di Batu Kalo, ada yang pergi ke lain-lain tempat, ini untuk tujuan mereka sendiri. Mereka mencari hidup dengan pihak pembalakan. Jika kegiatan pembalakan tidak ada di sana, mungkin mereka ini juga pindah ke Asap. Tetapi sekarang, mereka menggunakan beberapa sebab mengapa mereka tidak pindah. Jadi saya harap Seputeh, kalau ingin membantu orang di Asap, bantulah saya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat. Saya sebenarnya ingin membantu Yang Berhormat berjuang untuk rakyat. Itulah sebabnya tadi saya mencadangkan bahawa kerajaan harus melipatgandakan peruntukan sebagai pampasan kepada orang asal yang dipaksa untuk berpindah daripada kawasan mereka. Sepatutnya Yang Berhormat haruslah sokong kepada saya sama seperti macam mana Sri Gading sokong dengan pandangan Jeli dan Batu Gajah. Kadang kala bila isu rakyat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: kerajaan dan pembangkang boleh bekerjasama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, gulung. Jadi yang sebenarnya apakah salahnya bagi NGO untuk menyuarakan rintihan rakyat. NGO juga pertubuhan yang berjuang untuk rakyat. Yang penting ialah kadang kala NGO ini mereka berjuang lebih gigih daripada wakil rakyat mereka. Inilah pertubuhan yang kita mahu bukan seperti Barisan Nasional selepas menang, lupa untuk berjuang untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

5.28 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Maksud P.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, sebanyak RM986

juta bagi membiayai bayaran subsidi ke atas harga diesel. Bolehkah pihak kerajaan menghuraikan dengan lebih lanjut begitu banyak peruntukan yang diperuntukkan untuk subsidi harga diesel. Berapa lama tempoh sebenarnya patut disubsidi, satu tahun atau berapa tahun, begitu banyak supaya dapat memahami kedudukan sebenarnya berkaitan dengan subsidi ini.

Butiran 02910 Ekuiti dalam Pos Malaysia. Saya difahamkan ekuiti Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Pos Malaysia Berhad telah sampai 31%. Ertinya, Pos Malaysia Berhad akan di bawah jagaan Menteri Kewangan (Diperbadankan). Seperti mana yang dikatakan tadi oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Tebrau dan Sri Gading dan mungkin ramai wakil rakyat dan orang ramai faham kelemahan perkhidmatan terhadap Pos Malaysia tetapi saya harap dengan adanya pegangan ekuiti, Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Pos Malaysia Berhad ini adalah bertanggungjawab untuk memperkemaskan lagi pengurusan perkhidmatan Pos Malaysia. Ini penting kerana dapat ekuiti yang begitu banyak, maka ada tanggungjawab sosial untuk membetulkan kelemahan yang begitu lama yang dialaminya. Jadi kerajaan melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam Pos Malaysia telah memberikan ekuiti yang begitu banyak, masih tidak berubah perkhidmatannya akan mengecewakan orang ramai.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Saya yakin dan percaya bahawa Menteri Kewangan yang menyediakan ekuiti dalam Pos Malaysia, akan memberilah satu nafas baru kepada perkhidmatannya. Dengan demikian juga, saya mintalah bahawa pengurusan pejabat Pos Malaysia itu hendaklah peka terhadap kawasan-kawasan yang masih tidak wujud pejabat pos.

Dua tahun dahulu, saya bangkitkan perkara ini dalam Dewan ini dan mendapat sokongan kuat daripada media massa terutama sekali daripada lidah pengarang *New Straits Times*, dan memberi sokongan kepada saya di kawasan Cheras dan Sungai Chua di mana kawasan Cheras itu, tidak ada pejabat pos yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan. Kawasan ini hanya memakai poskod Kuala Lumpur.

Desa Baiduri di kawasan saya ini terkeliru. Mereka menganggap kawasan ini di bawah jagaan DBKL kerana poskod Kuala Lumpur. Maka kekeliruan ini telah diteruskan hingga kini. Tetapi, oleh kerana kawasan Desa Baiduri begitu pesat, begitu ramai orang dengan adanya 12 kawasan perumahan tapi tanpa pejabat pos. Mereka terpaksa pergi ke Kuala Lumpur yang jauh sangat itu. Maka dengan itu, kita mintalah dapat sokongan daripada perkhidmatan pos. Dan saya dapat surat daripada pejabat pos Selangor di mana cadangan ini dipersetujui akan diwujudkan pejabat pos di Desa Baiduri dan di Sungai Chua tetapi dua tahun saya masih tunggu. Selepas itu, saya tanya sebab apa? Dia kata, tidak boleh lagi kerana tidak ada peruntukan untuk membuka pejabat pos di situ. Tetapi, perkhidmatan begitu diperlukan di kawasan itu.

Oleh itu, saya harap dengan adanya pengurusan baru di bawah Pos Malaysia Berhad ini, di mana pemegang ekuiti oleh Menteri Kewangan Diperbadankan sepatutnya ada perubahan. Dengan demikian, saya harap dapat diberi pertimbangan kepada kawasan-kawasan yang memerlukan untuk diwujudkan ikut garis panduan Pos Malaysia Berhad. Tetapi, sehingga kini, banyak garis panduan yang diisytiharkan oleh Pos Malaysia Berhad ini tidak diikuti. Jadi dengan ini, satu rasa kekecewaan rakyat kerana tidak dapat menikmati perkhidmatan pos.

Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh Butiran 1600, Keretapi Tanah Melayu Berhad. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh, sama ada benar atau tidak, pihak kerajaan akan tolakkan penswastaan dan ambil alih pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad yang di bawah Kementerian Pengangkutan. Ini satu perkara penting kerana ini ada kaitan dengan dasar penswastaan. Kalau benar, apa sebabnya pihak kerajaan tolak tawaran penswastaan itu dan ambil balik pengurusan itu?

Didapati bahawa tanah-tanah rizab KTM ini tidak dikawal dan tidak dijaga dengan baik kerana banyak lagi setinggan-setinggan ceroboh masuk untuk wujudkan rumah haram di pinggir-pinggir kawasan sebelah landasan keretapi, seperti di Serdang. Di sebelah itu, kawasan-kawasan tanah rizab itu, saya tidak tahu telah memberi permit atau tidak, untuk wujudkan di bengkel-bengkel? Itu adalah eyesore. Kalau kita

gunakan rail untuk ke lapangan terbang antarabangsa, penumpang-penumpang asing pun akan nampak sebelah kawasan itu adalah begitu kotor, begitu tidak sesuai untuk wujudkan bengkel-bengkel di atas rizab KTM itu. Maka, dengan ini saya harap pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad ini patut mengambil tindakan untuk mengadakan satu program supaya elakkan daripada pencerobohan dan mewujudkan rumah haram atau bengkel. Atau keluarkan permit. Kalau memberi permit, kita dapat hasil banyak tetapi, akan menjadikan masalah sosial di tempat ini. Jadi, saya minta penjelasan tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bachok. Selepas itu Jeli, selepas itu Timbalan Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang yang ada di sini sedikit.

Pertama sekali, saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan Maksud P.28 di bawah Butiran 02910 (Pos). Ekuiti dalam Pos Malaysia bukan suatu perkara baru yang diadakan dalam Perbekalan Tambahan ini, yang telah pun dibekalkan Untuk tujuan pegangan ekuiti Menteri Kewangan Diperbadankan yang berjumlah RM139 juta.

Soalan pertama, adakah melalui pegangan ekuiti ini, pihak Kementerian Kewangan ataupun Menteri Kewangan Diperbadankan ini mendapat suatu cara untuk memastikan proses ataupun tindak tanduk campur tangan kerajaan secara langsung berlaku dalam operasi Pos Malaysia Berhad? Apakah melalui pegangan ekuiti ini, dari sudut tindakannya, pihak kerajaan secara langsung boleh campur tangan dalam semua pengurusan? Walaupun disebutkan bahawa ekuiti ini kira-kira 31% daripada jumlah yang sebenar, apakah ianya satu cara yang membolehkan dasar-dasar perjalanan Pos Malaysia ini ditentukan oleh pihak kerajaan sepenuhnya?

Yang keduanya, berhubung dengan peruntukan tambahan sebanyak RM139 juta ini juga, suatu *improvement* daripada dalaman Pos Malaysia sendiri patut diambil kira dan dibuat pertimbangan khususnya isu-isu yang berlaku dan persoalan-persoalan yang berlaku. Di antaranya, isu posmen yang menghantar lewat surat-surat ini, saya ingat dengan langkah kita menambahkan lagi kakitangan dan saya mencadangkan supaya mengambil kira posmen-posmen yang tidak cekap tadi, ditukar untuk dilantik posnita. Tidak lagi posmen, kerana pada pandangan saya, di sudut psikologi bekerja, kegigihan dan daya usaha untuk melaksanakan amanah ini lebih banyak kepada wanita khususnya kerja-kerja yang bersifat penghantaran.

Yang ketiga, berhubung dengan masalah yang berbangkit daripada Perbekalan RM200,636,000 kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad yang mendapat peruntukan di atas asas untuk menampung *funding gaps* yang dihadapi oleh KTMB. Pertama, persoalan saya ialah apakah pertimbangan sebenar kerajaan meluluskan *funding gap* ini? Adakah ia melalui satu proses cadangan daripada suatu *professional consultant* ataupun ianya semata-mata daripada cadangan pihak pengurusan KTMB itu kepada pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah dalaman mereka yang menghadapi masalah kesuntukan kewangan bagi meneruskan perjalanan ataupun operasi KTMB di seluruh negara kita? Demikian juga suatu asas berhubung dasar kerajaan, amalan *funding gap* ini, adakah boleh pihak kerajaan memberi suatu jaminan dari sudut masa depan KTMB, tidak akan berlaku lagi suatu kegagalan di atas dasar penswastaaan dan kita bimbang dengan kes-kes yang berlaku kepada Syarikat Penerbangan Malaysia ataupun MAS, mungkin boleh berulang, berlaku kepada KTMB?

Sekiranya asas-asas yang kukuh tidak diambil kira oleh pihak kerajaan dan kemungkinan ini akan berlaku, sekiranya daripada rekod perjalanan sebagaimana yang dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi dengan perjalanan yang mengalami kerugian begitu ketara selepas menandatangani projek penswastaaan ataupun pengkorporatan ini, pada pandangan saya, kerajaan seharusnya mengambil kira suatu pengalaman daripada kerugian ini untuk memastikan KTMB ini boleh beroperasi dengan baik. Sekiranya keupayaan kerajaan untuk menjamin keadaan ini berlaku, lebih baik satu kajian dibuat daripada sekarang bagi memastikan semua kepentingan KTMB ini tidak diselewengkan sebelum berlaku sesuatu yang lebih parah dalam perjalanan KTMB.

Sebenarnya asas cadangan ini berdasar kepada kita sayang dari sudut sejarah perkhidmatan yang penuh tragis dalam negara kita ini. Perkhidmatan

pengangkutan kereta api adalah suatu perkhidmatan yang telah menempa dan mengukir banyak sejarah dalam negara kita. Kerana daripada asas kereta api lah yang telah membawa perubahan dan pembangunan sosioekonomi negara daripada awal merdeka sehinggalah sekarang, khususnya kami di Kelantan sendiri merasai suatu jasa yang begitu besar KTMB kepada masyarakat Kelantan kerana dengan bantuan pengangkutan kereta api inilah membolehkan orang Kelantan untuk merata ke seluruh Semenanjung dan sampai ke Singapura, sampai ke Selatan Thai dengan kemudahan yang ada pada masa awal merdeka. Bermula dari situlah orang Kelantan telah menyumbang banyak pembangunan di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Singapura, Penang, Ipoh dan sebagainya kerana mereka mampu bergerak dengan kereta api itu sendiri.

Demikian juga daripada perkhidmatan kereta api, kita sayang kerana dalam perkhidmatan kereta api itu berlaku suatu integrasi yang begitu baik masyarakat yang berbilang kaum, kerana kereta api banyak menghubungkan kawasan-kawasan bandar yang didiami oleh sebahagian orang Cina, menghubungkan juga kawasan-kawasan estet yang sebahagian besar dihubungi oleh pihak kaum India dan di kawasan pedalaman dalam negara kita yang didiami oleh kelompok orang Melayu dan Orang Asli. Dalam perjalanan sepanjang kereta api sama ada kereta api *local* ataupun kereta api mel sudah pasti ianya berlaku suatu proses integrasi yang baik.

Sekarang juga kereta api telah banyak memesrakan alam. Ini satu perkara yang harus diambil perhatian dan kalaulah nampak asas-asas yang munasabah bagi kerajaan membuat kajian untuk memastikan ianya dikawal langsung oleh pihak kerajaan kerana perkhidmatan kereta api bersifat mesra alam. Atas asas ini, orang yang mencintai flora dan fauna, bila mereka menaiki kereta api, sah mereka akan menyaksikan keindahan alam sekeliling sepanjang perjalanannya yang terdiri daripada pokok-pokok yang begitu menghijau. Sekali gus kita boleh melihat betapa perjalanan kereta api daripada Gua Musang ke Wakaf Baru begitu kayanya hutan belantara Kelantan yang memang masih banyak dan tidak benarlah dakwaan daripada pihak Rompin tadi mengatakan Kelantan, hutannya telah habis ditebang dengan proses-proses dasar yang tidak betul kononnya. Jelas sekali Kelantan masih lagi kaya dengan hutan dan dasar yang ada adalah dasar menjamin kestabilan hutan dan penjagaan hutan masa depan di Kelantan.

Demikian juga, kita sayangkan kereta api dengan asas suatu langkah yang bijaksana serta cepat perlu dibuat dalam usaha untuk memperbaiki tahap perkhidmatan dan juga mutu ataupun kualiti perkhidmatan kereta api. Satu perkara yang saya nampak paling tidak kena dan tidak mesra alam serta tidak bersih dari sudut amalan kereta api ialah penggunaan tandasnya *direct* kepada landasan. Saya ingat dengan kesedaran yang ada, dalam proses kita memodenkan pemikiran rakyat, ini perlu diubah dan perlu diperbaiki segera. Apabila tandas yang digunakan sepanjang gerabak kereta api ini ianya *direct* kepada landasan, sudah pasti ia akan mencemarkan persekitaran khususnya landasan dan kalau kebetulan semasa penggunaan tandas itu kereta api melintasi kawasan orang awam, saya ingat ini perkara yang paling tidak bermoral dan tidak manis.

Demikian lagi kereta api perlu lagi dipertingkatkan. Daripada pengalaman saya sendiri yang pernah menaiki kereta api, asas-asas pembaharuan dan *improvement* perkakasan ataupun peralatan serta aksesori dalam kereta api perlu diperbaiki bukan setakat untuk Kelas 1 atau Kelas 2 malah keseluruhan kelas dalam perjalanan mel khususnya. Dan pilihan terbaik kepada orang-orang di pedalaman merupakan satu perkara yang perlu kita jaga. Pada kami masyarakat Kelantan perkhidmatan kereta api *local* paling penting kerana ia boleh menghubungkan dan menyelesaikan masalah penduduk pedalaman untuk anak-anak mereka ke sekolah, untuk mereka menjaja ke pekan-pekan, malah untuk penoreh-penoreh getah untuk mengambil upah menoreh di estet-estet. Mereka juga menggunakan kereta api kerana perjalanan di pedalaman tidak mudah dengan sungai ataupun jalan darat. Dan perkara ini perlu dalam pertimbangan kerajaan di atas asas untuk memastikan mutu perkhidmatan kereta api pada masa depan lebih memesrakan kehidupan masyarakat lebih-lebih lagi dalam proses menjaga integrasi nasional itu sendiri kerana daripada pengalaman Thailand atau pengalaman daripada negara jiran kita, penggunaan kereta api salah satunya mendapat sambutan hangat kerana ia begitu mesra daripada segi integrasi di antara kaum di Selatan Thai khususnya yang berbilang bangsa dan agama daripada Melayu, Islam, Buddha, Siam, Cina dan seumpamanya. Demikian juga pengalaman kereta api yang berlaku di Jepun misalnya suatu pengalaman yang harus kita ambil perhatian

menerusi usaha-usaha kerajaan yang boleh mendapat kuasa untuk campur tangan menerusi *funding gap* ini untuk meniru beberapa asas budaya Jepun dalam menghidupkan sistem pengangkutan kereta api yang begitu cepat, tangkas dan senyap, lagi memberi suatu ketepatan dari sudut waktunya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ini satu perkara yang harus dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Dan akhir sekali saya ingin membawa suatu cadangan di atas cadangan yang telah pun dibawa oleh pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum daripada saya, bahawa dalam apa sekali tindakan kerajaan untuk membiayai atau menyuntik atau menyalurkan peruntukan daripada kerajaan, daripada kepentingan kerajaan ataupun daripada mana-mana sumber sekalipun di atas kepentingan rakyat maka ia harus dibuat berasas bukti-bukti dan hujah-hujah serta kajian-kajian yang boleh menjamin bahawa wang yang dibelanjakan itu benar-benar menepati dan mengikut peraturannya. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli. Sila.

5.47 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Merujuk kepada B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, sebanyak RM5 juta diberikan kepada KLIA Konsultasi Sdn. Bhd. sebagai membiayai modal kerja mereka. Saya fikir jasa KLIA Konsultasi ini sangat besar kerana semasa dicetuskan idea untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang, semasa ianya diterajui oleh HIJET iaitu syarikat daripada England kemudian bergabung dengan syarikat Jepun, pada waktu itu dijangkakan kos untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang ini RM20 bilion pada ketika itu. Tetapi atas hasrat bekas Timbalan Perdana Menteri yang pada waktu itu Menteri Kewangan supaya projek ini dikendalikan oleh anak tempatan anak watan, maka ditubuhkan KLIA Konsultasi yang menguruskan projek ini, sehingga kos daripada RM20 bilion dapat dijimatkan sehingga kepada RM11 ataupun RM12 bilion, satu penjimatan yang besar yakni sebanyak RM8 bilion.

Jadi, kita merasakan bahawa pengalaman yang ada pada KLIA Konsultasi ini satu pengalaman yang diiktiraf oleh dunia sehinggakan banyak negara maju dan juga negara sedang membangun yang ingin mendapat perkhidmatan daripada KLIA Konsultasi ini atas pengalaman KLIA Konsultasi mengendalikan projek KLIA Sepang ini secara *turnkey*, secara sendiri walaupun kontrak-kontraknya diagihkan. Dan alhamdulillah, kontrak-kontrak untuk KLIA Sepang ini sebahagian besar kontrak tersebut diperolehi oleh syarikat-syarikat tempatan umumnya walaupun ada mungkin, dengan izin, portion tertentu yang dilakukan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat luar negara.

Sebab itu saya fikir kerajaan bolehlah menjadikan KLIA Konsultasi ini seperti mana Petronas dari sudut petroleumnya maka KLIA Konsultasi ini dijadikan syarikat perunding untuk meneroka di pasaran-pasaran antarabangsa kerana sudah ada minat daripada bahkan beberapa negeri di Amerika Syarikat yang berminat untuk menggunakan khidmat KLIA Konsultasi ini. Kerana yang bagusnyanya di dalam KLIA Konsultasi ini ialah mereka mempunyai segala profesion di dalamnya arkiteknya, juruternya, ukur bahannya dan sebagainya.

Jadi, ini merupakan satu organisasi yang mantap dan mempunyai segala lapisan profesion. Sekiranya kita mengambil kira AFTA selepas ini, maka pada waktu itu tidak boleh lagi mana-mana konsultan, syarikat-syarikat perunding, hanya kalau jurutera awam, jurutera awam sahaja, kalau ukur bahan, ukur bahan sahaja, kalau arkitek, arkitek sahaja. Itu bukannya trend pada masa depan kerana negara-negara luar sama ada negara maju dan juga negara membangun lain kita perhatikan bahawa syarikat-syarikat perunding mereka sudah meliputi semua aspek profesional dalam syarikat tersebut. Sebab itu saya fikir kerajaan hendaklah membantu KLIA Konsultasi

ini supaya mereka bukan hanya sekadar berkecimpung di dalam negara kita, kalau KLIA Konsultasi memerlukan modal yang lebih besar pun kerajaan kena bantu kerana ini merupakan model kita, kerana ini merupakan satu syarikat yang diharapkan untuk menjadi seperti mana Petronas. Sebab itu kita mengucapkan tahniah KLIA Konsultasi di bawah Ketua Eksekutifnya yakni Tan Sri Dato' Jamil Hussin, kerana bila mana beliau selesai sahaja menyiapkan kerja KLIA Sepang, maka beliau dianugerahkan Tan Sri oleh bekas Yang di-Pertuan Agong.

Sebab itu saya melihat ini dari sudut yang jauh kerana setakat ini kita tidak nampak syarikat-syarikat daripada negara kita yang lain di mana semua profesion-profesion bergabung bawah satu bumbung untuk berdepan di peringkat antarabangsa. Mereka ini masih lagi berkampung di kubu sendiri dan mengharapkan projek-projek daripada kerajaan sahaja ataupun mereka harapkan projek-projek dalam negara kita. Sebab itu inilah dia modelnya, inilah contohnya dan saya fikir selain daripada syarikat ini, KLIA Konsultasi juga diberitahu bakal terlibat dengan projek Bakun yang bakal dijalankan oleh kerajaan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 02903, yakni Hidroelektrik Bakun. Pada dahulunya kerajaan menganggarkan lebih kurang RM13 bilion kerana pada waktu itu semasa di bawah Ekran, kerajaan bercadang untuk membina *underground cable* untuk menyalurkan sebagai satu *transmission* tenaga daripada Sarawak ke Semenanjung, tetapi atas faktor-faktor ekonomi, maka projek tersebut ditangguhkan buat sementara waktu dan baru setahun lepas kerajaan sudah mula hendak menyambung balik tanpa melibatkan *underground cable* tersebut daripada Sarawak ke Semenanjung.

Tetapi satu perkara yang kerajaan boleh buktikan kepada rakyat kerana kita lihat kebanyakan penswastaaan kerajaan, kita lihat inilah kesilapan kapitalis yang sebenarnya. Kelemahan kapitalis yang mungkin kita boleh kupas lebih besar. Kesilapan kapitalis, di mana kita banyak penswastaaan akhir-akhirnya terpaksa ditanggung oleh negara. Maknanya seolah-olah dimiliki negarakan semula.

Jadi, saya rasa inilah atas kegagalan banyak penswastaaan yang telah pun disebutkan oleh rakan-rakan sama ada daripada kerajaan dan juga pembangkang. Saya perhatikan inilah satu contoh di mana kerajaan boleh buktikan kepada rakyat di mana dibuka secara umum kepada syarikat-syarikat gergasi dan syarikat gergasi itu memberikan format-formatnya bagaimana mereka hendak menyiapkan Bakun ini.

Kemungkinan besar target RM9 bilion ini mungkin tidak sampai. Mungkin ada setengah syarikat yang merasakan mereka boleh buat dalam RM7.5 bilion di mana diadakan panel-panel pemutus dan tiap-tiap syarikat ini sepatutnya mereka berani iklan di dalam akhbar-akhbar, mungkin dua, tiga akhbar yang major, yang utama bagaimana pendekatan mereka untuk menjalankan kerja ini. Sekiranya kalau projek ini tidak diberikan secara tender terbuka dan tender terbuka ini diberikan di mana syarikat ini mengemukakan kaedah-kaedah dan juga design-design, reka bentuk mereka.

Kerajaan kalau boleh mengambil kira tentang yang mana paling murah dan di samping paling murah yang mana yang akan mendapat manfaat yang terbesar, kerana daripada pengalaman-pengalaman yang lepas kita perhatikan bahawa dasar-dasar penswastaaan yang lepas, mana-mana pihak yang mengemukakan melalui EPU, maka lepas EPU kaji, maka EPU luluskan. Bila mana EPU luluskan, kebanyakan syarikat ini bila mereka bina, mereka kata tol, kerajaan tidak setuju dengan cadangan asal, maka kerajaan terpaksa menanggung subsidi kekurangan tol tersebut.

Walhal kalau dibuka secara umum mungkin kepada lima, enam syarikat. Katakanlah macam ini. Okay sekarang ini kerajaan bercadang untuk membina projek Bakun. Okay sekarang ini target kerajaan untuk mengeluarkan berapa kapasiti megawattnya. Jadi, maknanya syarikat tersebut akan mengeluarkan design dan sebagainya dan iklan dalam akhbar supaya bukan hanya panel pemutus ini sahaja yang menentukan, bahkan juga konsultan-konsultan luar boleh mendapat maklumat ini dan memberi ulasan-ulasan mereka kerana ini melibatkan satu jumlah yang besar,, yakni dalam keadaan sekarang RM9 bilion dan saya fikir satu masa nanti kerajaan akan juga meneruskan. Kita tengoklah nanti kerajaan akan meneruskan laluan *underground cable* daripada Sarawak ke Semenanjung, kerajaan tidak ada pilihan kerana setakat yang ada tambahan pula dengan kegawatan ekonomi yang menyeluruh sekarang ini, ekoran pula selepas daripada peristiwa 11 September, maka lagi teruk

keadaan ekonomi dunia, maka kita akan perhatikan bahawa akan ada access power yang cukup lama.

Ini akan merugikan kerajaan kerana tidak optimum power yang ada pada masa-masa yang akan datang. Sebab itu saya mohon atas kerjasama Timbalan Menteri yang ada di sini hari ini kalau boleh kita lihat balik supaya jangan fokus kepada style atau kaedah-kaedah yang lama. Inilah peluang kita hendak membuktikan kepada rakyat tentang ketelusan kita. Saya fikir kalau ini kita berjaya lakukan, maka rakyat tidak akan boleh kompelin. Saya pun tidak boleh kompelin, semua kita tidak boleh kompelin kerana kerajaan sudah beri secara terbuka dan bermakna kita sudah ada panel-panel penentunya. Itu tentang Butiran 02903.

Mengenai Butiran 02910 - Ekuiti Dalam Pos Malaysia Berhad ini saya agak tidak jelas, kenapa kerajaan masih lagi kena bayar lebih kurang RM139 juta untuk pegangan ekuiti kerajaan dalam Pos Malaysia. Walhal asalnya Pos Malaysia ini sudah hak kerajaan. Tiba-tiba kita hendak dapat *back door listing* yang mana kalau ditanya bagi saya, tidak perlu back door listing sekalipun kerana syarikat ini syarikat monopoli seperti mana juga Tenaga Nasional. Bila syarikat monopoli, sudah tentu langganan dia *over subscribe* dengan izin, pasal dia monopoli, tidak ada bersaing. Yang dia ada pesaing sedikit pun tentang Courier Service, itu pun.

Jadi, saya fikir kalau iklan secara biasa pun seperti mana Telekom, seperti mana TNB, saya fikir memang *over subscribe* dan harganya memang harga yang baik, akan ada pembeli walaupun pasaran pada ketika itu agak muram kerana pengalaman ini berlaku semasa juga Telekom dahulu, semasa MAS juga. Harga pun muram, MISC muram tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Gulung sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah lebih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okey, saya pergi – yang ini saya tidak sempat kupas lagi. Hendak kupas tentang KTM ada satu minit Tuan Pengerusi. Tentang KTM ini kalau boleh kerajaan ambil balik kalau belum diambil balik daripada syarikat yang ditawarkan, yakni syarikat daripada DRB-Hicom, bergabung dengan Renong, bergabung dengan Bolton kerana syarikat-syarikat ini kita lihat mereka lebih berminat untuk memajukan hartanah kerana banyak harta KTM ini harta-harta yang cukup bernilai termasuk di Singapura dan juga di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar.

Jadi, kerajaan boleh ambil balik kerana pengalaman sudah ada. Semasa KTM di bawah Dato' Ishak Tadin, lebih kurang akhir tahun 1970'an KTM pernah dapat untung RM10 juta.

Jadi, kalau masa Ishak Tadin itu pernah dapat RM10 juta kerana keberkesanan pentadbiran Dato' Ishak Tadin sehingga dia dilantik sebagai Ketua Audit Negara pada ketika itu. Maknanya, boleh untung. Saya fikir banyak lagi servis KTM yang dapat kita pertingkatkan. Bila mana ada *double tracking* - sekarang daripada Kuala Lumpur ke Ipoh sedang dilaksanakan, lepas ini syarikat daripada India akan menjalankan daripada Ipoh ke Padang Besar, syarikat daripada China akan menjalankan daripada Seremban ke Johor Bahru, saya fikir kalau ada *double tracking* banyak perkara yang boleh kita libatkan Kereta Api Tanah Melayu terutama

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:dari segi proses mengangkut barang-barang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:ke kilang. Jadi, Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Waalaikumusalam. Sila Timbalan Menteri jawab.

5.58 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada 12 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun turut serta dalam membincangkan rang undang-undang ini.

Pertama saya hendak menjawab pertanyaan daripada Kubang Kerian mengenai prestasi kewangan KTMB dan penyata bahawa KTMB telah mendapat keuntungan pada tahun 1995 sebelum diswastakan kepada Konsortium Merak Unggul.

KTMB telah diperbadankan ataupun dengan izin, *corporatization* pada 1 Ogos 1992. Kerajaan telah memilih Konsortium Merak Unggul pada tahun 1997 bagi program penswastakan KTMB. Konsortium Merak Unggul terdiri daripada Renong 50% campur satu saham; DRB-Hicom 30% tolak satu saham dan Bolton Properties. Sebagai langkah pertama ke arah penswastakan penuh kerajaan telah menandatangani perjanjian pengurusan dengan Konsortium Merak Unggul pada 1 Ogos 1997.

Di dalam perjanjian pengurusan tersebut Konsortium Merak Unggul sepatutnya mendahulukan sebanyak RM100 juta. Ini dikatakan oleh Seputih juga, *advance* kepada KTMB tetapi ini tidak dapat dibuat memandangkan masalah kewangan Renong Berhad serta kegawatan ekonomi pada 1997/1998. Rekod yang telah dibentangkan oleh Kubang Kerian tadi saya *check* balik, betul rekodnya. Apabila kita mendapat keuntungan sampai 1995 lepas itu kita kerugian.

Kerugian selepas tahun 1985 antara lain ialah disebabkan pertamanya pembukaan penuh lebuhraya PLUS pada tahun 1995 telah mengurangkan trafik penumpang KTMB sebanyak 30%. Ini juga impaknya kepada kapal terbang. Dulu kalau orang hendak pergi ke Ipoh, naik kapal terbang, saya kata sekarang ini lebih senang kita naik kereta sendiri ataupun lebih senang memandu sendiri daripada kita naik kereta api ataupun menaiki MAS kerana jalan kita dari rumah hendak pergi ke KLIA pun dah makan masa yang banyak. Setengah perjalanan ke Ipoh.

KTMB, perniagaan barang-barang komoditi seperti 'jet fuel' berjumlah RM18 juta setahun pada tahun 1998 apabila KLIA dibuka kerana minyak dibawa melalui empat line. Itu oleh kerana kita dah ada empat line, daripada Port Dickson ke tempat destinasi yang tertentu mereka tidak gunakan lagi kereta api.

Penyelenggaraan yang tertangguh yang besar untuk membaik pulih stor kereta lama dan uzur berserta landasan kereta api dan *infrastructure* yang lama-lama, kita kena perlu baiki. Sekarang ini kebanyakannya landasan tidak menggunakan *slat* kayu lagi. Sekarang ini KTMB menggunakan *slat* konkrit.

Kubang Kerian telah menanyakan apakah motif kerajaan menswastakan KTMB memandangkan KTMB mempunyai rizab tanah yang besar. Ini pun dibangkitkan oleh Jeli dan beberapa rakan yang lain. Apabila program persyarikatan atau *privatization* KTM dilaksanakan pada 1 Ogos 1992, adalah diakui bahawa operasi train KTMB kurang berdaya maju dan sebagai strategi untuk keluar subsidi seperti mana yang dikatakan oleh Kubang Kerian tadi, operasi train KTMB, beberapa projek hartanah, tanah KTMB telah dilaksanakan agar KTMB dapat manfaat untuk kurang subsidi operasinya. Dan telah pun dikatakan tadi oleh Kubang Kerian bahawa Sentul Raya dan Taiping Consolidated, Prai dengan Prai Prima Prai, KL Sentral dengan MRCB, Port Dickson dengan Reliance Specific, Lot 10 Brickfields dengan YTL, Bukit Tengku dengan Boltan dan sebagainya.

Kebanyakan projek hartanah KTMB telah tergendala dan terbelangkalai disebabkan kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997/1998. Sebagai contoh, projek Sentul Raya, terhenti semenjak penghujung tahun 1997. Pemegang sahamnya telah bertukar dari Taiping Consolidated kepada YTL. Terma-terma juga telah dikaji semula serta tempoh penyiapan telah ditunda pada tahun 2007.

Kepong banyak merayau.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun, sila.

Haji Husam bin Haji Musa: Terima kasih Dato' Pengerusi, Terima kasih Dato' Menteri, saya ada dua perkara yang saya ingin penjelasan ringkas. Pada tahun

1997, selepas diswastakan pada Marak Unggul, ada satu peruntukan untuk keanggotaan dalam kelab golf. Adakah Dato' sedar, sebelum daripada itu tak ada. Tahun 1997, selepas diswastakan diperuntukkan RM55,000 ribu satu tahun untuk kelab golf dan RM115,000 setahun untuk tahun 2000 dan untuk tahun 1998/1999 ialah RM55,000 satu tahun.

Ini adalah contoh kecil yang saya dapat perhatikan daripada '*plunder the company for the personal gains*' dengan izin, berlaku yang tidak diawasi itu. Hanya satu contoh yang kecil. Setakat yang saya perhatikan dalam laporan audit Keretapi Tanah Melayu Berhad saya dapati bahawa pendapatan hasil operasi meningkat tidak seperti yang Dato' terangkan tadi bahawa penumpang telah berkurangan. Pada asasnya pendapatan meningkat tetapi saya yakin ini berlaku kerana kos-kos yang tertentu yang terpaksa dibelanjakan oleh Keretapi Tanah Melayu dan ini selari dengan *current liabilities* yang meningkat sejak daripada tahun 1996 kepada tahun 2000 dan juga *long term borrowings* telah meningkat dalam masa 1996 sampai 2000, RM437 juta. Sekarang kita ada dalam barangkali *borrowing* kita long terms dalam RM800 juta yang asalnya sebelum tahun 1995 hanya dalam RM300 juta.

Untuk apakah *borrowings* ini dilakukan sedangkan pada masa yang sama kita lihat peningkatan tidak berlaku dan juga operasi mengalami kerugian.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, semalam pun Yang Berhormat tanya fasal golf ini. Memang benar kenyataan Yang Berhormat bahawa KTMB telah melanggan keahlian Kelab Golf untuk tujuan perniagaan dan korporat. Jadi perkara ini adalah kelaziman dalam menjalankan perniagaan bagi usaha untuk menambahkan jualan syarikat serta memupuk perhubungan dan talian perniagaan dengan pelanggan-pelanggan serta rakan perniagaan.

Untuk maklum Yang Berhormat, keahlian ini adalah keahlian korporat di atas nama syarikat yakni KTMB, dan pada masa ini diberikan kepada dua orang pegawai kanan KTMB sahaja. Pegawai KTMB dan Ketua Eksekutif anak syarikat KTMB Multi Model Freight Sendirian Berhad. Jadi perkara ini biasa. Saya dahulu Yang Berhormat apabila menjadi PTD, Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik saya telah diberikan ruang ini oleh masa itu Dato' Dr. Muhamad Ghani di Malaysian Centre for the Development Studies, Prime Ministers' Department untuk saya bermain golf dengan rakan-rakan yang lain terutamanya pihak swasta kerana pada kita itu kita baru hendak mula merencanakan dasar ekonomi baru. Jadi kita hendakkan swasta turut serta, pihak swasta main golf. Jadi saya telah diberikan peruntukan untuk bermain golf. Tetapi oleh kerana saya tak main golf, setnya masih ada lagi sampai sekarang di bawah tangga.

Jadi perkara ini perkara biasa selalunya apabila orang hendak buat business lebih baik pergi ke padang golf boleh banyak berbincang tentang business kerana kita tahu kereta api ini ada pelanggan-pelanggan dan sebagainya dan kita harapkan perkara ini tidaklah menjadi masalah kerana ini merupakan suatu perkara yang biasa dilakukan untuk menarik pelanggan-pelanggan terutamanya pihak swasta.

Saya terpaksa nak tumpukan kepada Kepong, kerana Kepong, KLIAB ialah syarikat kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan KLIA. Dan KLIA -CS seperti mana kata Jeli tadi, ialah syarikat yang ditubuhkan dan 70% yang dimiliki oleh penaja KLIA B dan 30% dimiliki oleh MKD ataupun Menteri Kewangan Diperbadankan. KLIA -CS terlibat dengan kerja-kerja Juruperunding untuk pembinaan lapangan terbang seperti mana yang dikatakan Jeli tadi.

Sekarang ini kita buat kerja di Miri, Bintulu dan juga di Sibul. Hanya satu syarikat yang ditubuhkan di bawah *Companies Act* yang tidak ada kena mengena dengan MAB atau MAS mahupun KLIA. Jadi *different entity* Yang Berhormat.

Kalau kita lihat isu berhubung dengan pembelian 5 buah pesawat baru oleh MAS dan pesawat parking pesawat MAS di KLIA dan sebagainya, jadi sebenarnya KLIA -C ini sebuah syarikat yang baru ditubuhkan untuk membuat *consultant services* dan projek managementnya untuk membuat terutamanya lapangan terbang. Tak ada kena mengena dengan MAS dan sebagainya.

Kinabatangan telah pun membangkitkan mengenai industri kereta api di Sabah supaya ekonomi pelancong dapat dijalankan dan menggunakan kepakaran KTMB di Sabah. Kerajaan telah meminta KTMB untuk membantu Jabatan Keretapi

Sabah untuk membaiki dan mempertingkatkan sistem kereta api yang sedia ada. KTMB telah menghantar pegawai-pegawainya pada bulan Jun 2001 untuk menilai dan mengkaji sistem kereta api di Sabah serta menyumbangkan kepakaran-kepakaran yang tertentu. Peruntukan RM28 juta telah disediakan oleh kerajaan pada Rancangan Malaysia Kelapan yang terdiri daripada antara lain perolehan 40,000 kayu landasan, perolehan alat ganti lokomotif dan bekalan dan pemasangan lintasan serta automatik di 14 buah lokasi.

Kubang kerian membangkitkan mengenai projek landasan berkembar dan electrification di Rawang/lpoh, komponen sistem kepada Mitsui dan Jeli tadi telah menjawab bahawa di utara India, di selatan China dan sebagainya. Kelulusan projek ini adalah mempercepatkan proses rangkaian kereta api Trans-Asia dari Singapura ke Kun Ming iaitu negeri China, peningkatan infrastruktur kereta api diperlukan demi kepentingan perkembangan ekonomi serantau. Jadi, projek ditawarkan kepada syarikat Jepun yang dinamakan sebagai salah satu syarat perjanjian pinjaman antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Jepun yang ditawarkan kepada Kerajaan Malaysia dengan kadar faedah yang amat rendah. Jadi, adalah dia punya stringnya macam kita dahulu, apabila mendapat pinjaman duit daripada England, terutamanya kita mesti beli land rover dia dan sebagainya.

Jadi, di sini ada perjanjian yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian berdiri, ya sila.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, boleh saya tahu berapakah jumlah pinjaman yang telah ditawarkan oleh Jepun, kerana saya tahu memang asal ada ditawarkan pinjaman, tetapi setakat saya tahu sampai hari ini, pinjaman itu tidak ditunaikan.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Boleh saya beri notis?

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Okay.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Yang Berhormat bagi Tebrau telah mengatakan bahawa perkhidmatan Pos Laju tidak laju dan harap diperbaiki perkhidmatannya. Dan ramai lagi rakan-rakan daripada Sri Gading dan rakan-rakan yang lain membangkitkan perkara ini, saya menyanjung tinggi kepekaan Ahli Yang Berhormat dan kita harap nanti bahawa perkara ini saya akan sampaikan sendiri kepada ketuanya supaya dapat dipercepatkan.

Saya teringat dahulu ada kartun daripada LAT, dia tulis di situ Pos Laju tetapi yang jalannya steam roll, jadi ini menunjukkan bahawa Pos Laju itu lewat, lambat dan kita akan cuba memperbaiki seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Kenapa harga makanan di kantin atas kereta api terlalu mahal. Ini kerana penumpang kereta api adalah terdiri daripada orang ramai, yang pendapatannya sederhana dan rendah. Jadi, harga yang dikenakan adalah agak mahal sedikit memandangkan pengusaha kantin terpaksa menampung kos operasi yang tinggi (operating cost) kerana kos ini ialah operator persendirian yang menjajanya, kos kepada kakitangan overtime, kos bahan makanan yang lebih tinggi memandangkan ia terpaksa diperolehi dari beberapa sumber kalau ke utara, di utara, kalau kereta api ke selatan akan ke selatan. Jadi, bagaimana pun pengguna mempunyai alternatif kerana KTMB membenarkan mereka membawa bekalan makanan sendiri. Saya ingat dahulu masa kecil-kecil, kalau naik kereta api lama kita akan bawa telur rebus dan kita akan bawa makanan sendiri, tetapi bila sampai satu stesen, muka kita penuh hitam kerana diliputi oleh asap.

Dan Tebrau juga memohon supaya tambang kereta api tidak dinaikkan. Kali terakhir tambang kereta api dinaikkan ialah 1 Januari 1992, sembilan tahun yang lalu, manakala untuk perkhidmatan komuter ialah pada 14 Ogos 1995, enam tahun lalu.

Sejak tempoh tersebut kos operasi bagi menjalankan perkhidmatan kereta api telah meningkat akibat inflasi dan kenaikan kos alat ganti dan penyenggaraan.

Oleh yang demikian, KTMB lambat laun mungkin juga akan menaikkan tambang bagi menampung kos operasi yang akan ditanggungnya.

Hulu Rejang telah pun menyata permintaannya supaya diturap jalan besar ke rumah panjang Sungai Asap di Bakun. Ini juga Seputeh pun amat prihatin tentang Kampung Sungai Asap dan kita berharap bahawa kerajaan akan menimbangkan permohonan Ahli Yang Berhormat untuk menurap jalan-jalan yang menghubungkan rumah panjang berkenaan.

Mengenai jalan ke pasar Belaga, ianya akan dimasukkan ke dalam peruntukan JKR, projek pembangunan mereka dan mengenai kerja-kerja kecil yang boleh dilaksanakan oleh penduduk tempatan, kita akan memastikan nasihat Ahli Yang Berhormat itu akan diberi keutamaan. Cuma saya ingin menyatakan di sini, Yang Berhormat, bahawa tuntutan bayaran balik pampasan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM702.3 juta, bayaran balik pendahuluan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak setakat ini hanya RM200 juta.

Satu pasukan audit khas telah ditubuhkan untuk meneliti dokumen-dokumen tuntutan. Jumlah penduduk yang dipindahkan ialah sebanyak 11,000 orang, bagi 1,639 keluarga. Kemudahan yang akan diperolehi jenis kemudahan, pertama, rumah panjang 15 buah, kos projeknya sebanyak RM90.567 juta.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Bekalan air dan api - RM32.020 juta, pusat kesihatan atau poliklinik - RM4.876 juta, sekolah rendah dua buah termasuk perabot - RM24.020 juta, taman asuhan kanak-kanak 15 buah semuanya - RM2.041 juta, rumah ibadat 27 buah - RM4.850 juta, kedai 12 unit - RM2.059 juta, gelanggang bola sepak dan badminton - RM0.768 juta, jalan raya dan jambatan - RM82.118 juta, lanskap pembangunan dan longkang - RM14.763 juta.

Jadi, jumlah projek kemudahan yang akan diperolehi ialah sebanyak RM258.082 juta.

Yang Berhormat bagi Seputeh pula telah pun menyatakan RM200 juta diberikan kepada siapa. RM200 juta adalah bayaran pampasan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang saya katakan tadi, kita boleh bayar RM200 juta, dia minta lebih daripada itu dan kita hantar audit untuk melihat balik resit-resit dan sebagainya supaya perjalanan kewangan negara itu lebih tersusun lagi.

Masalah kualiti rumah panjang dan masalah penduduk-penduduk di Sungai Asap dan sebagainya, seperti mana saya katakan tadi bahawa secara keseluruhan kita akan membelanjakan RM258.082 juta itu.

Masalah penswastaan, ramai yang telah menanyakan, kalau kita tengok keseluruhan, bukan satu-satu penswastaan, secara global keseluruhannya penglibatan ke atas perbelanjaan mengurus kerajaan ialah sebanyak RM7.1 bilion dan pinjaman ke atas perbelanjaan pembangunan sebanyak RM132.2 juta. Walau bagaimanapun, seperti mana yang Yang Berhormat katakan, kita akan melihat balik apabila berlaku September krisis yang berkenaan, kita akan lihat balik bagaimana masalah ini akan dapat kita atasi.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah pun mengatakan perkhidmatan kereta api yang begitu popular dan lambat kecuali komuter sahaja, patutlah kita memberikan satu galakan dan pembaharuan terhadap perkhidmatan kereta api ini.

Kerajaan memang prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh KTMB dan dengan sebab itulah projek-projek peningkatan infrastruktur dan permodalan perlu dilaksanakan segera. KTM komuter dengan landasan berkembar dan electrification kosnya sebanyak RM1.5 bilion dan kerajaan yakin kualiti perkhidmatan KTM akan meningkat dengan siapnya projek landasan berkembar Rawang/Ipoh yang mana tempoh perjalanan kereta api masa akan diperbaiki, kosnya sebanyak RM4.3 bilion siap pada September 2004.

Projek-projek landasan berkembar untuk meningkatkan kapasiti operasi tren serta meningkatkan juga tahap reliabilitinya akan disambung untuk sektor Ipoh ke Padang Besar dan Seremban ke Johor Bahru, siap dijangka pada 2008.

Kuala Kedah juga telah menanyakan kalau sudah ada MAB apa perlunya ditubuhkan KLIACS, saya rasa Jeli telah pun menjawab pertanyaan ini, saya tidak perlu mengulanginya lagi.

Yang Berhormat bagi Serdang telah pun menanyakan tentang peruntukan subsidi untuk mengekalkan harga diesel dan LPG pada harga yang sekarang iaitu 70.1 sen seliter, diesel dan 128 sen sekilogram LPG. Kerajaan menanggung subsidi satu tahun sebanyak 2001 sebanyak RM2.498 bilion. Apa yang dipohon adalah merupakan sebahagian sahaja daripada subsidi yang berkenaan. Semalam Pendang telah menanyakan siapa yang dapat daripada subsidi ini, saya telah pun menjawab semalam dengan secara panjang lebar.

Bachok juga telah menanyakan tentang kereta api ini memang banyak sejarahnya dan saya pun faham dan di Kelantan banyak orang menggunakan kereta api ini terutamanya budak-budak sekolah. Saya kesian dengan budak-budak sekolah ini kerana mereka balik mengikut time kereta api, dan mereka pergi sekolah mengikut time kereta api.

Kalau kereta api itu pagi mereka berjalan kaki daripada kawasan perumahan sampai ke lintasan kereta api atau rel kereta api itu, kadang-kadang mula daripada rumah 5 pagi. Dan kalau sebelah petang, sekolah sesi petang, dia kena balik awal, pukul 3 atau 4 petang, tidak perlu sehingga larut malam kerana kereta api tidak ada di sebelah malam. Jadi, mereka mengikut jadual waktu untuk pergi sekolah dan balik sekolah mengikut kereta api. Saya sangat prihatin tentang apa yang dikatakan oleh Bachok tadi.

Mengenai MKD, sama ada boleh campur pengurusan dalam Phileo-Allied, kerajaan memegang majoriti tunggal dan biasanya akan mengekalkan penguasaan ke atas pos. Dan, mengenai cadangan Yang Berhormat Bachok untuk melantik posnita, diucapkan terima kasih dan akan diberi perhatian tentang perkara ini.

Yang akhir sekali, Jeli telah pun memberikan beberapa penerangan, saya rasakan very useful dan yang boleh kita renongkan bersama dan Jeli telah mengatakan kalau boleh lain kali apabila Juru Perunding itu kita banyakkkan disiplin di situ, dia menjadi satu tempat di mana semua disiplin ada dalam itu.

Jadi, tentang projek Bakun, projek ini dibuat secara design and build untuk dapatkan reka bentuk yang terbaik dan kos yang terendah. Jadi, tender ditawarkan secara pre-queue untuk dapatkan syarikat yang berupaya dari segi teknikal dan juga kewangan. Tender terbuka dipelawa kepada penender yang layak selepas dilakukan penilaian daripada itu dan dokumen tawaran telah pun dikeluarkan kepada 13 konsortium, joint-venture tempatan dan luar negara dan pada 15 Oktober 2001.

Dan, mengenai Pos, semalam saya telah menerangkan panjang lebar dengan Kubang Kerian, saya tidak mahu menambah lagi, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM991,400,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM991,400,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM539,636,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM539,636,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 2001.

**Maksud B.33 [Jadual] -
Maksud P.33 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.33 dan Kepala Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

6.23 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Secara ringkas sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Emm

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak membangkitkan satu perkara mengenai tugas yang perlu dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Tuan Pengerusi, setakat ini nampaknya Lembaga ini tidak begitu berkesan untuk menyelenggarakan semua lebuhraya terutama lebuhraya bertol. Sebenarnya kalau ikut Akta Lebuhraya Malaysia 1980, ia mengendalikan semua pembinaan dan pengendalian lebuhraya termasuk bentuk pembinaan dan sebagainya.

Tetapi sekarang saya nampak tugasnya tidak begitu berkesan sebab itulah cadangan untuk mengadakan satu Suruhanjaya Pengangkutan Darat adalah baik juga dan cadangan ini sudah pun dikemukakan oleh Lembaga tersebut. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, pertama kelembapan ekonomi boleh dilihat di plaza plaza tol terutamanya selepas keganasan 11 September bilangan kenderaan telah kurang sehingga 3.8%.

Misalnya di Lebuhraya Utara-Selatan terdapat kekurangan 1.4% atau lebih pada tahun 1998. 280.4 juta buah kenderaan yang melaluinya tetapi pada tahun 1999 – 276.35 juta buah kenderaan sahaja. Bagi Shah Alam Expressway, Tuan Pengerusi, kekurangan 3.8%, 1998 – 56.1 juta buah kereta yang melaluinya tetapi tahun berikutnya ialah kurang kepada 53.93 juta. Angka-angka tahun 2000 dan 2001 mungkin akan mencatatkan kekurangan yang lebih besar.

Tuan Pengerusi, pihak kerajaan sudah memberi subsidi dan bantuan atau pun pampasan kepada syarikat-syarikat konsortium yang mengendalikan lebuhraya bertol ini kerana kerajaan tidak mengizinkan mereka menaikkan tarif mengikut perjanjiannya. Dan, ini telah pun berpuluh-puluh juta ringgit yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk memberi pampasan kepada konsortium-konsortium tersebut. Dan, dengan kekurangan kutipan daripada plaza plaza tol, ini bermakna kerajaan mesti mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini, terutamanya semasa ekonomi merosot.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, walaupun perjanjian konsesi sudah dimeterai, beberapa projek lebuhraya belum dilaksanakan. Misalnya Kajang-Seremban Express-Way, Kajang Trafik Dispersal Scheme, Asam Jawa-Taman Rimba-Templer Park Expressway, Butterworth Outer Ring Road, Kuala Lumpur-KLIA dedicated highway, Ipoh-Lumut Expressway dan East Coast Highway. Semua ini walaupun perjanjian konsesi sudah pun ditandatangani tetapi projek-projek tersebut belum lagi dilaksanakan. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah? Saya faham kalau ekonomi merosot mereka tidak dapat melaksanakan projek-projek tersebut.

Tuan Pengerusi, saya berharap kementerian dapat memberitahu kepada rakyat bagaimana ia menyelesaikan masalah kekurangan kutipan di tol plaza dan juga pelaksanaan projek-projek yang perjanjian konsesinya sudah dimeterai.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh.

6.30 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada P.33 Maksud B.33 mengenai peruntukan yang diberi kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Saya kurang puas hati tentang cara Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) mengendalikan isu perpindahan setinggan yang mana telah menunjukkan keberkesanan yang rendah dalam dua isu yang ingin saya bangkitkan di sini.

Isu yang pertama, pampasan kepada penduduk Kampung Tai Yu, yang telah membuka jalan kepada pembinaan Lebuhraya Sungai Besi oleh Besraya. Isu ini telah saya bangkitkan banyak kali di Dewan yang mulia ini dan Menteri sendiri pun telah bersetuju di hadapan saya dan juga wakil penduduk bahawa kerajaan akan terus membayar sewa rumah sebanyak RM300.00 kepada setiap keluarga yang dipaksa berpindah pada tiga tahun yang akan datang sehingga rumah pangsa yang dibina oleh KWSP siap dibina dan dijual kepada mereka.

Dalam mesyuarat di antara Menteri dengan saya dengan wakil penduduk di pejabat Kementerian Kerja Raya pada 20 September tahun ini, Yang Berhormat Menteri telah pun memberi jaminan kepada saya dan wakil penduduk Kampung Tai Yu

bahawa kesemua urusan pembayaran kepada para penduduk ini akan siap pada 26 September iaitu sehari sebelum beliau pergi ke Australia. Tetapi sehingga hari ini penduduk yang terlibat masih belum mendapat wang daripada kerajaan. Apakah ini menunjukkan efisiensi LLM yang rendah.

Sebagai wakil rakyat adalah amat susah bagi saya untuk berjumpa dengan pengarah dan pegawai LLM. Mereka selalu kelihatan lebih sibuk daripada saya. Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada dalam Dewan ini akan campur tangan dan mendesak LLM mempercepatkan proses pembayaran ini.

Isu yang kedua ialah saya merasa hairan untuk melihat cara LLM menguruskan isu pampasan kepada penduduk setinggan dalam projek New Pantai Expressway. Pampasan yang diberi oleh NPE adalah berbeza dari tempat ke tempat di sepanjang lebuh rayanya sehingga penduduk yang terlibat merasa tidak adil. Saya merasa sedih untuk melihat layanan yang diberi kepada penduduk di Kampung Medan, Kampung Dato' Harun dan Kampung Kan Yi di mana tawaran pampasan yang diberi kepada mereka sekarang adalah berbeza dengan tawaran yang diberi oleh pengurusan NPE yang lama. Dalam tawaran NPE yang lama penduduk ini diberi tiga pilihan:

- (i) Saguhati sebanyak RM10,000 dan RM1,000 saguhati pemindahan dan peruntukan membeli rumah kos rendah;
- (ii) Pemindahan sementara di rumah kos rendah di Lembah Subang di mana bayaran sewa untuk tempoh dua tahun akan dijelaskan oleh pihak syarikat dan RM1,000 sagu hati pemindahan serta peruntukan membeli rumah kos rendah;
- (iii) Saguhati sebanyak RM7,000 dan RM3,000 sebagai wang deposit rumah kos rendah. Tambahan RM1,000 bagi saguhati pemindahan dan peruntukan membeli rumah kos rendah.

Tetapi dalam tawaran NPE kepada para penduduk baru-baru ini iaitu di bawah pengurusan yang baru ini mereka hanya diberi 18 bulan sewa di rumah pangsa Lembah Subang dengan RM1,000 kos pemindahan. Dalam RM1,000 ini memanglah dipotong daripada deposit dua bulan sewa, deposit utiliti satu bulan sewa dan sewa pendahuluan yang berjumlah RM496.00 sehingga setiap keluarga hanya mendapat RM504.00 sahaja. Para penduduk ini rasa tertipu. Mereka tidak tahu nasib mereka selepas 18 bulan kemudian kerana tiada apa-apa dokumen hitam putih yang diberi oleh kerajaan dan LLM kepada mereka.

Di samping itu kedai di kawasan tersebut juga tidak diberi apa-apa pampasan langsung. Di manakah tuan punya kedai ini akan pergi selepas kedai mereka dirobohkan kemudian. Mengikut laporan yang disiarkan dalam Berita Harian yang bertarikh 12 Oktober tahun ini, 776 keluarga setinggan di Pantai Dalam yang terlibat dalam projek NPE ini dibayar RM124.00 sebulan oleh pemaju selama 30 tahun termasuk kos pemindahan dan wang pendahuluan. Saya ingin tanya kenapakah penduduk yang sama-sama dipaksa berpindah oleh kerana projek NPE menerima layanan yang berbeza. Selain daripada Pantai Dalam, penduduk setinggan di tanah JAWI di Jalan Klang Lama ini juga menerima pampasan yang lebih elok berbanding dengan para penduduk di Kampung Medan dan Kampung Dato' Harun tersebut. Apakah kriteria LLM dari segi pemberian pampasan ini.

Sebenarnya LLM sebagai sebuah agensi kerajaan sepatutnya memastikan pengurusan NPE yang baru mengikuti kesemua perjanjian yang dibuat oleh pengurusan lama dengan para penduduk terlibat dan menjamin penduduk setinggan terlibat mendapat pampasan yang baik dan bukan hanya memelihara syarikat konsesi sahaja. Kerajaan adalah dipilih oleh rakyat dan bukannya dipilih oleh syarikat konsesi. Kerajaan sepatutnya memberi keutamaan kepada rakyat yang tertindas dan miskin seperti penduduk di kawasan Kampung Medan.

Memandangkan wakil penduduk di kawasan Kampung Medan ini telah berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di luar Dewan tadi, mereka juga telah membuat temu janji dengan Yang Berhormat Menteri dan juga Pengarah LLM. Saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri menghulurkan bantuan kepada mereka dan mencari satu penyelesaian yang memuaskan kepada para penduduk yang miskin di kawasan Kampung Medan dan Kampung Dato' Harun tersebut. Saya juga menyeru wakil rakyat Barisan Nasional di kawasan PJ Selatan

juga memberi bantuan kepada para penduduk yang tidak tahu ke mana akan pergi sekarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi:Yang Berhormat Jeli. Selepas itu Kementerian menjawab

6.36 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian.

Menyentuh tentang B.33, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang sejumlah wang RM43,899,800 yang terpaksa diberikan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membiayai bayaran baki tunggakan pinjaman dan faedah tahun 1998 atas bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan, sedangkan kita tahu Lembaga Lebuhraya Malaysia itu juga adalah hak milik kerajaan tetapi seolah-olah diberi balik kepada LLM, hak milik kerajaan bagi balik kepada kerajaan.

Jadi saya minta sedikit penjelasan di situ tentang faedah ini, faedah ini untuk menjalankan projek mana, sehingga sebegitu besar faedah dan pinjaman yang perlu dibayar kepada Kerajaan Persekutuan kerana saya fikir kalau kita tengok umpamanya dalam kes PLUS, kita perhatikan bahawa Lembaga Lebuhraya Malaysia telah membina banyak, dengan izin, *stretch* yang tertentu umpamanya Sungai Besi ke Seremban yang merupakan satu laluan yang cukup popular dan cukup menguntungkan; di samping itu Ipoh-Changkat Jering juga telah dibina sebelum diswastakan kepada PLUS; begitu juga dengan Gurun ke Bukit Kayu Hitam.

Jadi, kalau dikira ketiga-tiga *stretch* ini sekiranya kira mengambil kira tidak diswastakan, tidak diberikan kepada PLUS, bukan hak milik kerajaan pada waktu itu, kemungkinan besar kutipan yang diperolehi oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia cukup besar dan kemungkinan sudah cukup dengan kutipan tersebut untuk membayar hutang dan pinjaman tersebut kerana seperti mana kita tahu bahawa PLUS tidak termasuk Jambatan Pulau Pinang, tidak termasuk link kedua dan tidak termasuk NKVE dan sebagainya, laluan-laluan lain, hanyalah Lebuhraya Utara-Selatan mereka berjaya mengutip lebih kurang satu bilion satu tahun. Tiba-tiba kita perhatikan bahawa kebanyakan *stretch*nya telah pun disiapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Di samping itu *stretch-stretch* yang tertentu sudah memang dalam pembinaan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia tetapi kerana atas dasar apa yang kita tidak faham pada waktu itu kerajaan hendak menswastakan pembinaan keseluruhan lebuhraya walau pun hampir kemungkinan 40% telah diselesaikan oleh LLM. Kalau kita kira sepatutnya bila diberikan kepada PLUS janganlah akhirnya PLUS kembalikan masalah ini kepada negara.

Sebab itu kadang-kadang kita perhatikan bahawa approach Singapura, Kerajaan Singapura, umpamanya SIA, hak milik negara; Singapore Port hak milik negara; Keppel Court, Semb Court, kebanyakan hak milik negara tetapi mereka dapat menguruskan segala syarikat-syarikat milik negara dengan baik dan memberi keuntungan yang cukup besar. Jadi kenapa kita tidak fikir sekarang ini kalau Petronas boleh ditadbir secara begitu untung, hak milik negara, tetapi kerana keghairahan sangat pada ketika itu untuk swastakan, kali ini kalau berjaya Alhamdulillah, tetapi akhirnya masalah itu berbalik kepada negara juga..

Sebab tu saya fikir sekarang ini kerajaan mesti membuat kedudukan yang terbaru, mengambil sikap yang baru kerana banyak sudah kita lihat bahawa syarikat-syarikat yang diswastakan terpaksa kerajaan tanggung maka kerajaan mengambil sikap yang baru – cuba guna memanfaatkan kakitangan-kakitangan kerajaan ini – memang ramai yang hebat-hebat dan jaga syarikat-syarikat ini dan keuntungan tersebut akan dapat kepada kerajaan dan bila dapat kepada kerajaan sedikit-tidaknya dalam suasana sebegini rupa di mana perniagaan yang akan mendatangkan hasil yang kurang kepada kerajaan, kerajaan mendapat hikmah ditimbal balik daripada pendapatan-pendapatan syarikat-syarikat kerajaan yang menguntungkan seperti mana pengalaman Singapura.

Sebab itu saya fikir bahawa sudah sampai waktu dan ketikanya, kemungkinan selepas daripada ini, kerajaan mungkin, dengan izin, tawakuf ataupun abandon buat sementara waktu mana-mana lebuhraya swasta ini dan kita minta kerajaan yang jalankan supaya manfaatnya akan dapat kepada kerajaan. Saya fikir ramai think-tank kerajaan yang boleh memikirkan laluan-laluan yang baik untuk memberi pulangan yang

baik kepada kerajaan. Bila mana beri pulangan yang baik kepada kerajaan, setidaknya kerajaan mempunyai wang yang cukup.

Saya fikir kurang benarlah, kurang tepat untuk mengatakan bahawa bila diswastakan maka ianya lebih efisien, tetapi akhirnya rakyat melihat bahawa kenyataan itu tidak benar, kenyataan itu sudah meleset, rupa-rupanya kesungguhan dan keseriusan dan keikhlasan pengurusan itu yang penting seperti mana yang dilakukan oleh Tan Sri Dato' Hassan Merican sekarang ini dalam mengendalikan Petronas sehingga Petronas walaupun hak milik kerajaan, walaupun bukan hak milik dia, dia dapat untung sekitar RM26 bilion pada tahun sudah.

Saya fikir untuk melihat kerajaan menjadi lebih kaya, kerana sekarang ini kerajaan banyak sangat hutang, kerana setelah 5 tahun berturut-turut kita mengalami akaun defisit yang besar. Di samping itu, untuk konsesi Lebuhraya Bertingkat Ampang, walaupun pembinaannya agak tergendala sebelum ianya dapat disiapkan lebih kurang dua tiga bulan sudah, tetapi tempoh penyiapannya mengambil masa.

Di samping itu, kita perhatikan semasa pembinaannya, banyak faktor yang kerajaan mungkin cuai mengambil kira kerana sepanjang pembinaan lebuhraya tersebut, banyak kampung Melayu yang seringkali dilanda banjir besar dan memusnahkan harta benda yang besar sehingga menimbulkan kemarahan Ahli Parlimen bagi Titiwangsa di mana Kampung Baru, Kampung Datuk Keramat dan juga Jalan Yap Kwan Seng berlaku banjir yang mendadak dan kerap kali.

Kita bimbang dengan keadaan sekarang, oleh kerana lebuhraya itu dibina di atas sungai, kita perhatikan bahawa dalam banyak hal, bila mana satu-satu jambatan dibina melintasi sungai, tambahan pula dalam kes kita ini, lebuhraya itu 90% berada di atas sungai, jadi kedalaman sungai itu sudah mula diganggu, eko-sistem sungai sudah mula diganggu. Walaupun sudah digunakan tenaga-tenaga perunding kejuruteraan untuk mengatasi masalah itu tetapi kita perhatikan bahawa masalah banjir itu masih tidak dapat di atasi.

Sebab itu kerajaan hendaklah mengambil kira untuk mendalamkan lagi sungai tersebut supaya cukup untuk menjadi tadahan kepada hujan yang turun mungkin luar biasa sedikit walaupun tidak luar biasa banyak. Jadi, kalau tidak, kita akan menghadapi suasana banjir yang sentiasa berulang dan ianya melibatkan kawasan-kawasan penduduk Melayu Kampung Baru dan Kampung Datuk Keramat.

Di samping itu, saya fikir selepas daripada ini walaupun saya telah mencadangkan dalam kes Bakun tadi, sepatutnya dalam kes untuk membina lebuhraya daripada Ampang melintasi Jalan Tun Razak dan juga melintasi Jalan Sultan Ismail ini, apa yang kerajaan boleh fikirkan ialah kerajaan membuka tender. Okey, sekarang ini kerajaan berhasrat untuk membina lebuhraya daripada Ampang sehingga ke Jalan Tun Razak dan juga Jalan Sultan Ismail. Okey, dibuka dan kemukakan berbagai-bagai kaedah.

Mungkin salah satu kaedah mendalamkan sungai, menggunakan bot. Mungkin juga kerana Kuala Lumpur belum ada lagi menggunakan bot. Di Bangkok dan di bandar-bandar lain kita tengok banyak, tetapi mungkin dengan menggunakan kaedah mendalamkan sungai, kita boleh menggunakan bot-bot yang sesuai untuk digunakan sebagai salah satu lagi elemen pelancongan di bandar Kuala Lumpur.

Di samping juga, mungkin boleh diambil balik tanah-tanah pinggir sungai untuk dijadikan lebuhraya seperti mana yang berlaku di outer ring road, Penang sekarang ini selain daripada menggunakan jambatan, kerana kita fikir kaedah yang digunakan sekarang ini mungkin lebih mahal dan banyak pandangan jurupunding mengatakan lebih mahal sekiranya digunakan kaedah-kaedah lazim seperti mana highway-highway yang lain.

Jadi, saya minta kerajaan, mulai hari ini kalau boleh kita utamakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia supaya Lembaga Lebuhraya Malaysia boleh berdikari dan dapat mencari hasil-hasil sendiri seperti mana Tenaga Nasional, umpamanya dan di samping itu juga, kalau boleh selepas ini kalau benar ia hendak memberikan projek-projek lebuhraya kepada pihak swasta biarlah ditenderkan secara terbuka. Jangan satu pihak pergi jumpa EPU sudah beres, satu pihak lagi jumpa EPU sudah beres. Kita tidak mahu lagi perkara macam itu. Kalau boleh, yang lepas, lepaslah. Janganlah nasi yang sudah jadi bubur itu, buburlah. Yang ke depan ini kita hendak jaga, kalau boleh biar manfaat itu didapati kepada kita semua secara optimum.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: Ya, menjawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Seputeh dan juga Bachok yang telah mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi: Jeli.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Ha, dan Jeli yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa mengenai Kementerian Kerja Raya pada hari ini.

Yang Berhormat bagi Kepong telah membangkitkan mengenai peranan dan tugas LLM yang tidak begitu berkesan, manakala Yang Berhormat bagi Jeli pula mahukan supaya LLM diberikan tanggungjawab yang lebih di masa-masa yang akan datang dalam soal penyelenggaraan lebuhraya bertol dalam negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, sukacitalah saya nyatakan bahawa adalah tidak benar kalau kita katakan bahawa LLM tidak begitu berkesan dalam ia melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, kerana setelah penswastan lebuhraya yang diberikan kepada syarikat-syarikat konsesi, kita dapati bahawa tugas LLM telah beralih kepada soal untuk mengawal selia dan juga mengawas kepada semua lebuhraya yang beroperasi di dalam negara kita pada hari ini.

Hari ini kita ada lebih kurang 11 lebuhraya yang telah pun beroperasi yang mana menjadi tanggungjawab LLM untuk mengawal selia dan juga untuk mengawas. Keputusan kerajaan bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Pengangkutan Darat bukanlah kerana kerajaan tidak yakin ataupun bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mengenai pandangan bahawa LLM itu tidak berkesan, tetapi sebenarnya matlamat untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Darat, ia lebih kepada soal untuk menyelaraskan semua pembinaan dan hubungan yang ada kaitan dengan soal-soal pengangkutan darat iaitu sama ada lebuhraya ataupun jalan raya ataupun kereta api dan sebagainya. Maknanya ada hubungan dan itu menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pengangkutan Darat apabila ianya telah ditubuhkan kemudian kelak.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai bilangan kekurangan kenderaan yang berlaku yang menggunakan lebuhraya pada hari ini. Sebenarnya kekurangan trafik berlaku di sekitar tahun 1998, apabila negara kita menghadapi kesan daripada kelembapan ekonomi. Tetapi sebenarnya pada ketika ini selepas daripada tahun 1998, terdapat peningkatan trafik bagi lebuhraya khususnya PLUS, LDP dan lain-lain lebuhraya. Kekurangan trafik kalau ada pun ialah di KESAS dan ianya bukan kerana masalah kelembapan ekonomi tetapi kerana persaingan dan banyak lagi lebuhraya lain yang telah dibina yang memberi persaingan kepada Lebuhraya KESAS.

Mengenai soal pampasan kepada syarikat konsesi sekiranya benar kenderaan yang menggunakan lebuhraya itu adalah kurang, kerajaan tidak ada dasar mengenai soal itu. Kerajaan hanya memberi pampasan kepada syarikat konsesi jika kerajaan mengubah syarat perjanjian yang telah kerajaan tandatangani dengan pihak syarikat konsesi.

Kita tahu bahawa setelah pelaksanaan pembinaan beberapa lebuhraya sempurna, kerajaan membuka lebuhraya tersebut dengan mengenakan kadar seperti yang telah dinyatakan dalam perjanjian yang dibuat antara kerajaan dengan syarikat konsesi. Apabila ada wujudnya bantakan daripada pihak orang ramai maka pihak kerajaan telah bersetuju untuk meminda kadar bayaran tol yang semestinya dibayar oleh kenderaan-kenderaan yang menggunakan lebuhraya tersebut. Apabila kerajaan bersetuju untuk mengubah kadar tersebut dan kekerapan kenaikan kadar tersebut maka hanya di situlah kerajaan membayar pampasan. Jika kenderaan yang menggunakan lebuhraya itu kurang, kerana apa sebab sekali pun kerajaan tidak akan membayar sebarang pampasan kerana itu tidak menjadi sebahagian daripada perjanjian yang ada antara kerajaan dengan pihak syarikat konsesi.

Mengenai perjanjian membina lebuh raya yang telah ditandatangani tetapi pelaksanaannya masih lagi belum dijalankan, untuk perhatian Yang Berhormat sukalah saya memaklumkan sememangnya terdapat juga lebuh raya yang sedemikian, tetapi ada juga yang telah ditandatangani beberapa tahun yang lepas tetapi sekarang ianya telah mula berjalan seperti Lebuh Raya Kajang ke Seremban, iaitu Lebuh Raya Kasih, Lebuh Raya Pantai Timur di peringkat Kuala Lumpur -Karak ke Kuantan.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, soalan yang terakhir bagi saya. Penjelasan, Yang Berhormat, kita lihat Kajang itu sesak, memang sesak dan projek yang dijalankan - atau kononnya akan dijalankan - tidak disempurnakan. Ada sebahagian misalnya lebuh raya daripada Cheras ke Kajang sekarang itu kerja tidak dilanjutkan, tidak disambung dan kemudian kesesakan bertambah buruk. Ini masalah. Walaupun Yang Berhormat kata sudah pun ada projek dijalankan dan sebagainya saya mencadangkan supaya Yang Berhormat sendiri pergi tengok di Kajang yang begitu sesak kalau kita menggunakan lebuh raya, terutamanya daripada Cheras ke Kajang. Dan Tun pun saya percaya dari masa ke semasa pun menggunakan lebuh raya itu dan menghadapi masalah juga. Kita bersama-sama lah berharap bagi semua pihak terutama sekali orang-orang yang menggunakan lebuh raya di sekitar Kajang supaya Kementerian mengambil perhatian dan juga menyelesaikan masalah.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Memanglah, Yang Berhormat, sekarang bila belum terlaksana kita dapati bahawa kawasan itu memang sesak dan bila hendak dilaksanakan pun memang akan sesak kerana sedang bermula pembinaan. Jadi, kita kena bersabar kerana seperti yang telah saya katakan, sama ada Kajang ke Seremban (Kaseh) ataupun SILK itu sudah pun bermula untuk dilaksanakan pembinaan dan ia memang akan memakan masa beberapa tahun sebelum ianya dapat disiapkan. Ada juga lebuh raya-lebuh raya lain seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu Ipoh ke Lumut, yang mana telah dipersetujui kerana masalah yang dihadapi oleh pihak syarikat konsesi maka pihak kerajaan akan menamatkan perjanjian dengan syarikat tersebut dan menyerahkannya kepada pihak LLM untuk melaksanakan projek tersebut.

Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai dua kawasan yang terlibat dengan pembinaan lebuh raya yang melibatkan soal perpindahan setinggan dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh, mengenai perpindahan setinggan di Lebuh Raya Sungai Besi, Lebuh Raya Syarikat Konsesi Bes Raya, saya difahamkan sememangnya satu perjumpaan telah diaturnya antara pihak Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat sendiri dengan pihak yang terlibat berserta dengan pihak LLM. Walau pun persetujuan telah pun tercapai, masalah yang ada hanyalah dalam soal untuk mempercepatkan proses pembayaran pampasan yang telah dijanjikan kepada pihak penduduk.

Insyallah bagi pihak Kementerian, apa yang telah dijanjikan itu kita akan follow-up dan saya akan menghubungi pihak-pihak yang tertentu supaya apa yang telah diberikan jaminan dalam perjumpaan pada 20hb September yang lepas itu dapat dilaksanakan.

Mengenai projek New Pantai Express Way, yang sebenarnya melibatkan seramai 1,251 setinggan, satu jumlah yang ramai dan sememangnya bukan lah mudah untuk mengurus dan mendapat persetujuan dengan setinggan-setinggan yang terlibat dengan pembinaan projek New Pantai Express-Way tersebut.

Walaupun bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedia maklum, setinggan yang terlibat dengan New Pantai Express-Way itu dari segi keputusan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan dengan syarikat NPE ialah, kerajaan dari segi dasarnya bersetuju untuk membayar sugu hati sebanyak RM1,000.00 untuk perpindahan. Kerajaan akan berusaha untuk menawarkan rumah kos rendah kepada setinggan-setinggan yang terlibat dan buat sementara waktu sememangnya syarikat konsesi akan menanggung sewa selama 18 bulan untuk menempatkan setinggan secara sementara, di program perumahan rakyat di bawah Jabatan Perumahan Negara.

Saya telah diberi kesempatan oleh Yang Berhormat untuk berjumpa sebahagian daripada setinggan yang terlibat di luar Dewan sebentar tadi dan insyallah, saya akan cuba melihat kepada masalah yang telah dibangkitkan itu, lebih-lebih lagi dalam soal supaya jaminan dan janji yang telah diberikan itu dapat diberikan secara

hitam putih. Ini akan dilakukan dan saya berharap pihak yang terlibat dapat bersabar dalam menghadapi soal ini.

Yang Berhormat bagi Jeli telah membangkitkan mengenai beberapa perkara iaitu soal pinjaman kepada LLM sebanyak RM43 juta. Tujuan kerajaan memberi kepada LLM. Apakah tujuan kerajaan memberi pinjaman ataupun bayaran ini kepada pihak LLM? Sebenarnya LLM sebelum PLUS mengambil alih beberapa projek penswastan telah pun melaksanakan beberapa kerja maka atas sebab itulah LLM telah menanggung perbelanjaan dan sebagainya. Hari ini LLM terpaksa membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut bagi projek-projek sebelum pihak PLUS mengambil alih pengendalian projek-projek daripada LLM. Perbelanjaan yang ditanggung oleh LLM itu termasuklah soal-soal pengambilan balik tanah, pampasan dan sebagainya.

Mengenai soal supaya di masa yang akan datang pihak kerajaan membuat tender terbuka bagi mana-mana syarikat ataupun bagi mana-mana laluan yang dirasakan perlu untuk dibina lebuhraya, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa untuk membina sesebuah lebuhraya melibatkan satu perbelanjaan yang begitu besar. Kita tahu bahawa kalau kita membuka tender dan sebagainya, kalau banyak syarikat yang masuk bukan semuanya yang akan berpeluang untuk mendapat projek tersebut. Akhirnya hanya satu syarikat yang akan mendapat projek itu tetapi bagi semua syarikat yang mengambil bahagian tentunya akan mengeluarkan belanja yang begitu besar. Ini adalah kerana bagi membina sesebuah lebuhraya ia tidak melibatkan kos untuk pembinaan fizikal semata-mata, tetapi ia meliputi kos yang lain seperti kos pra pembangunan, kos penyediaan cadangan, kos untuk menyediakan laporan awal, kos untuk perundingan reka bentuk dan sebagainya dan kena dibayar kos-kos yang lain yang akhirnya mungkin kalau tender terbuka pun satu atau dua syarikat sahaja yang mengambil bahagian.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, atas sebab itulah soalnya ialah apabila ada cadangan dikemukakan oleh sesebuah syarikat, yang pentingnya pihak yang meneliti cadangan itu dapat memikirkan cara yang terbaik demi kepentingan semua, khususnya demi kepentingan negara dan demi kepentingan rakyat.

Tuan Mohd. Apandi Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang kita tidak nafikan bahawa setiap syarikat yang ingin mengemukakan tender-tender ini terpaksa berbelanja. Tetapi kalau kita melihat beberapa kaedah ataupun teknologi terbaru, gambar satelit dan sebagainya, saya cukup yakin bahawa kos yang terlibat itu walaupun melibatkan jutaan ringgit tetapi tidaklah begitu besar berbanding dengan pulangan yang bakal mereka perolehi daripada penswastan lebuhraya ini kerana di kalangan syarikat-syarikat pembinaan, mereka cukup jelas bahawa keuntungan yang mereka perolehi daripada membina lebuhraya itu cukup besar. Ini merupakan kata sepakat di kalangan syarikat-syarikat pembinaan. Sebab itu kita perhatikan kalau tidak keterlaluan kalau kita bertemu dengan mana-mana syarikat pembinaan, mereka mengatakan bahawa untung cukup besar. Itu yang kita hendak beritahu.

Jadi, sebab itu kalau sekiranya kita berpandukan kepada memilih beberapa kontraktor dan mereka akan menawarkan perkhidmatan mereka, mereka terpaksa berbelanja mungkin RM1 juta atau RM2 juta untuk memilih, dengan izin, *the best alignment, the best method* untuk menjalankan kerja tersebut tetapi pada masa yang sama mereka juga akan mencadangkan kos tol yang terpaksa ditanggung oleh pengguna. Kalau tidak, dia akan jadi bilamana tol yang mereka harapkan tidak dapat diperolehi, kerajaan juga akhirnya terpaksa menanggung beban. Jadi, saya fikir walaupun kos awal itu ada tetapi tidak besar, kecil sangat kalau berbanding dengan pulangan yang bakal mereka perolehi. Minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Betul Yang Berhormat. Kalau projek itu ialah projek *turnkey*, kontraktor buat, kerajaan bayar, dia dapat untung daripada pembinaan. Tetapi yang ini tentunya datang daripada kenderaan yang lalu. Mungkin itu sebabnya kita lihat perjanjian konsesi semuanya panjang, 25 tahun, 29 tahun, 35 tahun, mungkin yang kemukakan cadangan itu kalau hendak kira bila akhirnya untung dapat, dia pun sudah mati, tidak ada lagi dalam syarikat itu.

Jadi, atas sebab itulah kerajaan menggunakan kaedah ini. Yang pentingnya dalam soal kerajaan menimbang permohonan dan cadangan daripada syarikat itu tidak ada penyelewengan, tidak ada salah guna kuasa, ianya *transparent* dan sebagainya untuk faedah orang ramai dan untuk faedah kita semua, rakyat dalam negara ini. Jadi Tuan Pengerusi, setakat itu sahajalah yang dapat saya jawabkan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM204,647,300 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM204,647,300 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM30 untuk Maksud P.33 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM30 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001.

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, oleh kerana P.42 hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2001 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001.

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan, oleh kerana P.47 ini hanya token sahaja, ia tidak perlu dibahas.

[Tiada Perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 2001 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 2001.

Maksud B.48 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Gombak, sila.

7.05 malam.

Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail [Gombak]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar,

Butiran 080700 - Aktiviti Pengembangan Prasekolah, 080900 Skim Penggalakan Pendidikan dan 100400 - Pembangunan Sosio Ekonomi, 100600 - Latihan.

Saya berpendapat bahawa aktiviti pengembangan prasekolah sangat bertepatan untuk diluluskan bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) adalah jabatan yang pakar dari segi pendidikan prasekolah dan kita berterima kasih kepada KEMAS kerana mendidik anak-anak dan cucu-cucu kita menjadi rakyat yang berguna untuk menanggung segala tanggungjawab, mengurus, mentadbir negara kita pada masa-masa akan datang. Cuma saya berharap bahawa lebih peruntukan dapat diluluskan untuk pembangunan prasekolah ini kerana didapati saya tengok dalam kawasan saya pun 50% daripada tabika-tabika, bangunan-bangunannya adalah menumpang di balai-balai raya dan banyak pula di antaranya balai-balai raya ini bila banjir besar terendam dan anak-anak tidak dapat pergi ke tabika. Di samping itu, dari segi pengembangan prasekolah ini saya berharap juga bahawa masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan. Kita sedar bahawa kampung Orang Asli begitu banyak bilangannya di seluruh negara tidak kurang dari 8% tetapi usaha-usaha haruslah juga terus dijalankan supaya kampung-kampung ini mendapat tabika-tabika.

Sekarang ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah dimasukkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka bertepatanlah KEMAS menjalankan tabika-tabikanya di kampung-kampung Orang Asli. Bagi Skim Galakan Pendidikan, ini juga saya rasa patut diberikan lebih peruntukan kerana kita dapati selain daripada memang begitu banyak peruntukan yang diberikan kepada anak-anak Orang Asli dengan membina asrama-asrama dan juga Kementerian Pendidikan mengambil alih pendidikan anak-anak Orang Asli ini, tetapi bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung yang terpencil terutamanya kampung-kampung yang kecil yang tidak seperti Rancangan Penempatan Semula (RPS) yang lengkap dengan sekolah-sekolahnya, mereka ini terpaksa keluar jauh pergi bersekolah di sekolah-sekolah biasa yang ada di dalam kawasan-kawasan tertentu. Dalam kawasan saya pun, dalam Parlimen Gombak, ada beberapa kampung yang terpencil yang anak-anak tidak dapat keluar ke sekolah kerana tidak ada pengangkutan. Dulu ada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli menyediakan pengangkutan tetapi sekarang ini tidak ada lagi.

Di samping itu, pengalaman kita yang ada pengundi-pengundi Orang Asli ini didapati juga bahawa anak-anak Orang Asli yang bersekolah mencapai juga kejayaan-kejayaan walaupun kita sedar bahawa keciciran dalam pendidikan di kalangan mereka begitu tinggi. Bagi mereka yang dapat mencapai ke tahap SPM mempunyai hasrat untuk masuk ke IPTS, tetapi begitu sukar bagi mereka untuk mendapatkan biayai atau biasiswa, dermasiswa ataupun apa-apa bantuan. Untuk ibu bapa mereka mengambil pinjaman tentulah sukar kerana pendapatan mereka begitu kecil sekali. Saya harap jabatan dan kementerian dapat meneliti perkara ini dan dapat membantu mereka.

Mengenai pembangunan sosioekonomi, memang Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ada menjalankan berbagai-bagai aktiviti untuk pembangunan sosioekonomi khususnya bagi kaum lelaki Orang Asli. Tetapi ternyata bagi kaum wanita tidak ada skim-skim ataupun aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan manfaat kepada mereka kecuali anak-anak mereka yang dihantar ke pusat-pusat latihan.

Saya berpendapat bahawa Kumpulan Penggerak Wanita Orang Asli yang telah diwujudkan sejak tahun 1996, sebenarnya objektif asalnya ialah tiga perkara. Yang pertama, ialah untuk melatih mereka supaya mereka ini mahir dari segi kesihatan dan sebagai ibu dapat mendidik anak-anak mereka dan menjaga kesihatan keluarga mereka, melalui didikan kesihatan yang diberikan kepada mereka.

Yang keduanya, adalah untuk melatih anak-anak mereka yang sekecil-kecilnya, yang belum masuk ke tabika supaya anak-anak ini suka kepada sekolah, suka membaca dan rajin serta terdedah kepada buku-buku, kepada pengajaran-pengajaran dan lain-lain, supaya apabila mereka pergi ke tabika, mereka tidak takut dan mereka seronok pergi ke sekolah.

Yang ketiganya ialah untuk melatih kumpulan ini supaya mereka mahir dengan berbagai-bagai income-generating activities dengan izin Tuan Pengerusi, supaya mereka dapat pula mendidik, membimbing rakan-rakan mereka dalam masyarakat mereka dan dengan itu, dapat menambah pendapatan. Saya berharap usaha-usaha ini akan dapat diteruskan.

Saya difahamkan bahawa tiap-tiap tahun, Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli menambah 10 Kumpulan Penggerak Wanita Orang Asli ini. Saya rasa kalau 10 itu, agaknya terlalu sedikit dan memakan masa begitu banyak untuk mengadakan Kumpulan Penggerak Wanita Orang Asli ini di semua kampung-kampung Orang Asli. Mungkin lebih lagi bilangannya dapat difikirkan dan dilaksanakan.

Butiran 100600 iaitu mengenai Latihan, khususnya saya tujukan kepada Orang Asli. Ianya sangat perlu. Saya ingin menawarkan iaitu, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ingin menawarkan kerjasama dengan Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli untuk latihan di mana kami telah pun menyediakan modul-modul latihan untuk pembangunan remaja, untuk keibubapaan, anak kecil, anak remaja dan juga kebapaan yang boleh bincangkan bersama dan kita ubahsuai untuk menentukan bahawa ibu bapa Orang Asli ini juga tidak ketinggalan. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sebenarnya diberikan tanggungjawab untuk pembangunan keluarga, untuk latihan keibubapaan, reproduksi manusia dan kita boleh melatih jurulatih bagi mana-mana juga agensi supaya jurulatih agensi-agensi berkenaan dapat melatih pula kumpulan-kumpulan sasar masing-masing.

Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri, kalau hendak buat kawasan Parlimen Gombak sebagai pilot project, pun boleh. Ini kerana, di kawasan saya tidak kurang 2,000 pengundi Orang Asli.

Tuan Pengerusi, saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli, ada Orang Aslikah?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas Yang Berhormat bagi Jeli, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawablah

7.15 mlm.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Saya ingin berkongsi pandangan dengan pihak kementerian mengenai masalah Orang Asli, oleh kerana peruntukan yang sekian banyak, sedikit sebanyak lebih kurang RM39 juta telah dicampurkan dengan RM4.46 juta untuk Jabatan Orang Asli yang dipindahkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang kemungkinan besar saya fikir, lebih tepatlah juga kalau berbanding dengan kementerian asal kerana kebanyakan Orang Asli ini lazimnya berada di luar bandar.

Cuma satu benda, saya telah membuat banyak juga lawatan terutama di Parlimen Jeli, Parlimen Gua Musang dan beberapa tempat penempatan Orang Asli, kita perhatikan bahawa Orang Asli yang telah diIslamkan ini, lazimnya mereka cukup lemah dari segi penghayatan Islam mereka. Sebab itu, saya hendak mencadangkan kepada pihak kementerian supaya kemungkinan satu orang Ustaz ataupun guru agama untuk satu penempatan Orang Asli tidak begitu berkesan. Kemungkinan lebih baik kita menempatkan ramai sedikit guru-guru agama di kawasan penempatan Orang Asli ini kerana bila lebih ramai itu, memberi kekuatan kepada guru-guru agama. di samping pada masa yang sama, dapat mengawal aktiviti-aktiviti masyarakat Orang Asli. Ini kerana, kita perhatikan bahawa boleh dikatakan secara umumnya di seluruh negara, setelah Orang Asli-Orang Asli ini diIslamkan, boleh dikatakan sepanjang pengamatan dan daripada laporan yang saya terima, penghayatan dan pengamalan mereka terhadap Islam cukup-cukup menyedihkan. Jadi, bila ditanya, ditemubual oleh ustaz-ustaz yang bertugas, mereka mengatakan mereka seorang sahaja untuk mengawal sekian bilangan masyarakat Orang Asli. Sebab itu, kita minta kerajaan menambah bilangan ustaz. Di samping itu, kalau boleh mewajibkan ustaz tersebut tinggal di kawasan penempatan Orang-orang Asli. Kalau ini dapat dilakukan, maka dengan secara automatik, dia bergaul sepanjang masa dengan masyarakat Orang Asli supaya masyarakat Orang Asli dapat melihat ustaz-ustaz ini sebagai model mereka.

Di samping itu juga, pihak kementerian cuba lihat dari sudut bagaimana kita hendak mendekatkan hubungan masyarakat Orang Asli terutama dengan masyarakat orang-orang Melayu kerana lazimnya masyarakat Orang Asli ini.....*[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: dia tinggal berdekatan dengan masyarakat orang Melayu. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya nawaitunya baik. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Kadang-kala, kalau kita hendak mengubah sikap kaedah satu masyarakat itu, kadang-kadang lebih baik kalau tokoh itu mesti masyarakatnya sendiri. Dalam semua perkara Yang Berhormat katakan tadi, kita merasakan itu penting kami di sini pun menyokong. Mengapa tidak diadakan di kalangan mereka ini, di kalangan Orang Asli itu sendiri dilatih sebagai ustaz? Lebih-lebih lagi, saya ingat diri mereka lebih dapat meyakinkan keluarga mereka sendiri. Saya di Rompin, kita cuba kaedah itu. Apa pandangan Yang Berhormat sendiri?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Saya ingat ini satu cadangan yang baik juga. Mungkin masa itu, kerajaan terpaksa mengambil masa sedikit kerana kita telah mencuba melalui Angkatan Belia Islam Malaysia, di mana anak-anak yang sekitar berumur belasan tahun kita asuh, mengajar, kita didik tetapi bila mereka kembali kepada masyarakat mereka, mereka sukar juga untuk mengawal dan mereka akhirnya terbawabawa dengan keadaan masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, itu merupakan salah satu kaedah. Saya fikir kalau itu dapat digabungkan dengan pandangan saya, mungkin lebih berkesan untuk masyarakat Orang Asli.

Di samping itu, saya kalau boleh, kita hendak melihat bagaimana kerajaan boleh memikirkan kerana baru-baru ini kita lihat kerajaan telah memikirkan satu penempatan Orang Asli bersama-sama dengan kegiatan ekonomi. Ini adalah satu langkah yang baik. Kalau dahulu hanya penempatan sahaja, tetapi perancangan ekonomi tidak disertakan bersama dengan penempatan tersebut. Tetapi akhir-akhir ini, sudah ada beberapa penempatan yang digabungkan dengan kegiatan-kegiatan ekonomi. Alhamdulillah, ini merupakan satu pendekatan yang cukup baik.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia tidak bagi sokong PAS kah ini? *[Ketawa]*. Dari segi isu supaya sesuatu pembangunan di kawasan Orang Asli ini mesti disertai dengan pembangunan ekonomi, saya rasa Dato' Menteri, semenjak dia mengambil alih, banyak perubahan dia buat. Tetapi, saya nampak bahawa kita mesti juga ada satu sambutan, kerjasama daripada swasta juga. Kadang-kadang kita lihat ladang-ladang swasta yang dibangunkan berhampiran kawasan Orang Asli. Mereka juga tidak cuba menyambut, membantu mereka ini, memberi keutamaan pekerjaan untuk mereka, memberi keutamaan untuk kontrak-kontrak kecil untuk mereka. Adakah Yang Berhormat setuju, kita harus menyeru kepada tanggungjawab ini, bukan sahaja dipikul oleh pihak kerajaan, tetapi orang ramai serta swasta juga patut sambut agenda yang penting ini supaya semua rakyat Malaysia dan Orang Asli juga dapat hidup termasuk dalam mainstream kehidupan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Pengalaman kerajaan di negeri Kelantan telah memberikan beberapa kontrak-kontrak tertentu kepada Koperasi Orang Asli iaitu, Koperasi Kijang Emas umpamanya. Jadi, itu merupakan satu cadangan yang baik. Sepatutnya pihak swasta juga mengambil peranan untuk memajukan Orang Asli, bukan hanya terletak di bahu pihak kerajaan. Cuma satu lagi, kita fikir bagaimana kerajaan boleh memikirkan supaya masyarakat Orang Asli ini, kalau boleh dia jangan duduk jauh sangat dengan masyarakat, umpamanya masyarakat Melayu. Kalau mereka duduk tidak berapa jauh dengan masyarakat orang Melayu, setidaknya pergaulan itu lebih rapat, lebih mesra, mungkin dia boleh terbawabawa dengan cara kehidupan kita. Umpamanya, mereka mungkin kita boleh bawa supaya lebih dekat dengan penghayatan agama kita.

Saya fikir itu sahaja, supaya kerajaan fikir lebih seriuslah supaya jangan jauh sangat penempatan Orang Asli dengan masyarakat Melayu dan juga masyarakat-masyarakat lain.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

7.20 mlm.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi terima kasih kepada dua orang Yang Berhormat yang telah bangun membahas mengenai peruntukan tambahan ini.

Yang Berhormat bagi Gombak. Sememangnya saya hormati Yang Berhormat bagi Gombak yang berpengalaman luas dalam bidang orang asli. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, kita telah menubuhkan sebuah Majlis dikatakan Majlis Penasihat Orang-orang Asli di mana pendapat dan rumusan Majlis berkenaan akan memberi gambaran yang lebih tepat dan luas kepada kita mengenai permasalahan orang asli di seluruh negara. Antara ahli-ahli Majlis ini ialah orang-orang asli sendiri, pemimpin orang asli sendiri dan mereka yang menjadi anggota profesional yang juga orang asli dan mereka ini memberi bermacam pendapat dan juga cadangan untuk masyarakat orang asli ini dibangunkan. Pada keseluruhannya majoriti orang asli ingin dibawa kepada kemajuan dan ingin maju.

Dan kita kenal pasti lebih daripada 800 perkampungan di seluruh negara didapati yang paling mudah dimajukan ialah lebih kurang 448 buah perkampungan yang berada di pinggir-pinggir bandar di seluruh negara, terutama sekali apabila lebuhraya-lebuhraya dimajukan maka perkampungan orang asli yang dulunya berada di pedalaman hari ini mereka sudah hampir ke bandar.

Mereka ini telah pun menyuarakan keinginan untuk maju, maka satu pendekatan telah dibuat iaitu strategi yang paling cepat untuk membawa kemajuan kepada mana-mana masyarakat ialah strategi pendidikan. Maka dengan itu satu kajian sedang dibuat untuk kita laksanakan program pendidikan bukan sahaja di peringkat Tadika di mana Yang Berhormat bagi Gombak tadi meminta diperbanyakkan dan juga guru-guru perlu diperbanyakkan khasnya daripada kalangan orang asli. Ini juga dalam perancangan dan kita sudah membuat target supaya pencapaian masyarakat orang asli di dalam institut pengajian tinggi hendaklah mencapai satu peratusan yang khusus yang dirangkakan dalam jangka sepuluh tahun yang akan datang. Jadi, kita telah membuat target. Saya tidak ada angka yang sebenar pada hari ini tetapi sebenarnya kita telah buat target supaya semua anggota kerajaan yang berada dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini dapat menjuruskan pemikiran mereka untuk mencapai matlamat berkenaan. Jadi, ini juga akan menyentuh mengenai soal-soal keciciran di mana pada laporan yang saya baca didapati sikap orang asli itu sendiri terhadap pendidikan adalah tidak begitu menggalakkan. Tetapi saya juga melihat ini ada kaitan dengan budaya mereka mengikut bapa untuk mencari rezeki harian maka kadangkala ada musim buah mereka tinggal sekolah dan sebagainya. Jadi, kita telah mencadangkan supaya kelas-kelas juga diubahsuaikan mengikut musim-musim bagi membolehkan mereka mempelajari skill ataupun kemahiran bapa tetapi di samping itu juga mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan.

Begitu juga dari segi kesihatan. Didapati penyakit-penyakit di kalangan masyarakat orang asli masih kronik termasuk malaria dan tuberculosis (tibi) dan ini juga perlu ditangani bersampingan dengan usaha kita mempertingkatkan pendidikan mereka. Dan di samping kita mempertingkatkan tahap pencapaian akademik, kita juga sedar bahawa bukan semua yang dapat berjaya dalam bidang akademik

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Oh! Biar saya habiskan.

....bukan semua yang dapat berjaya dalam bidang akademik. Bahkan kebanyakannya akan tercicir daripada bidang akademik maka mereka ini juga akan dirangkumkan dalam program-program latihan kemahiran yang akan diwujudkan di merata negara yang dikatakan di bawah kolej-kolej komuniti. Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Seorang Menteri yang sanggup tunggu sampai habis sidang Parlimen ini. Syabas, tahniah. *[Ketawa] [Tepuk]*. Sayang pembangkang tinggal berapa orang sahaja.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini soalankah?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, hendak masuk soalan, tetapi Tebrau ini suka tambah-tambah. Soalan tidak ada tetapi tambah-tambah dia ada. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat. Tidak silap saya masalah orang asli ini telah berpindah dari satu kementerian ke satu kementerian. Pada suatu ketika di bawah Kementerian Dalam Negeri kerana kita tahu ancaman ke atas orang-orang asli ini dulu daripada penganas – bukan penganas militan tapi penganas komunis - dan selepas itu ia berpindah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Hari ini sesuai di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar memandangkan Yang Berhormat sendiri tadi mengatakan masih banyak lagi pembangunan di semua sudut pendidikan, sosial, kesihatan yang perlu diatasi bagi kaum bumiputera ini khususnya orang asli di seluruh negara, mungkin tidak termasuk Senai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan libatkan Senailah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oh! Minta maaf. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat oleh kerana kita tahu budaya adat resam mereka ini tidak boleh kita nafikan. Masing-masing suku kaum ada adat resam dan keturunan. Kita tahu masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Oleh itu sama ada pihak kementerian bercadang untuk melantik pegawai khususnya pegawai perhubungan pelaksana di kalangan orang asli yang benar-benar faham keadaan hidup mereka daripada semua sudut. Ini boleh menyelaraskan lagi segala pelaksanaan pembangunan kerana kita tahu hari ini pun ramai di kalangan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, rupanya macam hujah, berucap.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading apa sebab bangun?

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi, saya minta kalau boleh kerana kita tahu - saya bagi contoh, ya - ada anak orang asli yang telah dididik oleh kerajaan yang telah menjadi pegawai tinggi. Jadi, saya ingat kalaulah boleh kementerian memikirkan supaya untuk memudahkan lagi - bukan setakat mengenali dan mempelajari adat resam dan sebagainya - untuk memudahkan lagi penyelarasan program-program pembangunan supaya orang-orang asli ini juga dapat terus menikmati pembangunan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat. Menteri faham, Menteri faham, Menteri faham.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak habis lagi. Sikit lagi. Menteri tunggu pun. Sebab bukan senang Menteri hendak tunggu sampai habis, Tuan Pengerusi. Bagilah peluang Menteri datang. Esok orang kata Menteri tidak datang Parlimen. Saya bersimpati jugalah dengan Menteri Pembangunan Luar Bandar ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tadi minta berucap.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak berucap tetapi Tuan Pengerusi cepat sangat kata lepas Jeli bagi kepada Menteri. Saya pun ambil kesempatan untuk mencelah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sikit lagi.

Sama ada kerajaan boleh menimbang supaya adakan satu pegawai perhubungan ataupun pegawai pelaksana di kalangan orang asli itu sendiri bagi memudahkan kerja-kerja penyelarasan dan pelaksanaan program-program pembangunan.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, memang kerajaan sedar tentang perlunya Orang-orang Asli itu sendiri, pemimpin-pemimpin ataupun mereka yang telah berjaya menjadi *role model* untuk membantu memasuki kawasan-kawasan dan perkampungan Orang Asli bagi memberi semangat dan inspirasi kepada mereka.

Cuma yang kita perlu ialah mereka yang tinggal bersama-sama mereka itu hendaklah di kalangan mereka yang cerdik pandai, maka guru-guru dan semua kakitangan kalau boleh yang tenaga pengajar, tenaga bimbingannya termasuk tenaga yang mahir sanggup bersama-sama mereka kerana dengan cara itu sahaja mereka dapat membantu dengan cara yang lebih dekat.

Jadi, masalah ialah daripada semua kakitangan yang kita dapati hanya 38% terdiri daripada Orang Asli sendiri, maka kita ingin memperbanyakkan golongan ini khasnya di sekolah-sekolah tadika supaya tadika-tadika Orang Asli dapat dipertingkatkan kualiti pendidikan mereka agar anak-anak Orang Asli itu dapat dikurangkan peratusan keciciran persekolahan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kalangan Orang Asli juga didapati wanita lebih maju daripada lelaki. [*Tepuk*] [*Ketawa*] Oh, wanita ada juga, okay. Ini disebabkan oleh dorongan ibu-ibu membantu anak-anak mencapai kejayaan dan oleh kerana kita telah kesan bahawa wanita menjadi daya pendorongnya, maka kita menggalakkan lebih banyak wanita dimasukkan dalam golongan mereka yang akan membantu kita dalam menggerakkan aktiviti pembangunan Orang Asli.

Apapun kita bercakap dari segi pembangunan pada akhirnya kita akan sampai ke tahap di mana ekonomi mereka itu sendiri dipertingkatkan, maka inilah yang disebutkan tadi bukan sahaja oleh Yang Berhormat bagi Gombak tetapi Yang Berhormat bagi Jeli juga supaya aktiviti ekonomi mereka bila ada sesuatu program untuk dimajukan, bukan digandingkan dengan program ekonomi. Memang ini adalah matlamat, bukan sahaja matlamat tetapi sedang dilaksanakan di mana sahaja ada projek-projek kita akan membantu, bukan sahaja penempatan bahkan menggandingkannya dengan projek-projek ekonomi sendiri.

Menyentuh kepada Yang Berhormat bagi Gombak tadi, untuk makluman sejumlah wang yang besar telah diperuntukkan untuk memperbaiki bangunan-bangunan tabika di seluruh negara dan ini termasuk bangunan-bangunan tadika KEMAS. Latihan keibubapaan juga termasuk dalam bidang latihan yang saya sebutkan tadi yang mana tenaga penggeraknya juga wajar dan di mana boleh datangnya daripada golongan Orang Asli itu sendiri.

Menjawab teguran ataupun cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, Orang Asli katanya majoriti di luar bandar tetapi saya sebutkan tadi sebahagian besar daripada mereka kini sudah berada di pinggir-pinggir bandar. Dan sebagai keutamaan oleh kerana modal dan peruntukan setiap tahun terhad, maka kita akan memberi tumpuan kepada kampung-kampung yang dikatakan di pinggir-pinggir bandar ini oleh kerana ia amat mudah dimajukan dan segala apa yang diperlukan dari segi logistik dan infrastruktur sudah ada. Tetapi di mana ada perkampungan Orang Asli yang di pedalaman seperti di Pahang, seperti di Pos Lenjang kita telah membina sekolah yang harganya amat tinggi. Kalau di kawasan-kawasan lain hanya memakan RM4 juta, bangunan ini memakan belanja dalam lingkungan RM12 juta. Simen dan sebagainya dibawa dengan helikopter tetapi tidak mengapa, ini bertujuan untuk membangunkan pendidikan Orang Asli dan didapati tidak ada jalan hendak memasuki.

Baru-baru ini saya telah meluluskan peruntukan untuk buat jalan asas dahulunya dan telah diluluskan RM3 juta bagi mewujudkan sebatang jalan paling kurang untuk memudahkan *land rover* dan *four wheel drive* memasuki kawasan berkenaan.

Mengenai pendekatan Islam, memang benar bahawa didapati Orang Asli tidak ada bimbingan yang begitu memuaskan dan ini sedang dalam perbincangan di peringkat perancangan supaya mereka yang telah diislamkan itu mendapat bimbingan yang bersesuaian dan yang terbaik kalau boleh. Cuma saya mengharapkan apabila ustaz-ustaz dimasukkan untuk tinggal di dalam kampung-kampung mereka tidak melibatkan diri dengan politik.

Begitu juga dengan mendekatkan hubungan Orang-orang Asli dengan orang-orang Melayu memang itu tidak dinafikan bahawa jika mereka sudah berada di pinggir-pinggir bandar mereka bukan sahaja dekat dengan orang Melayu bahkan dekat dengan warga Malaysia itu sendiri.

Jadi, apabila mereka menjadi warga Malaysia mereka akan dapat mempertingkatkan kualiti hidup mereka dengan lebih cepat.

Akhir sekali penyertaan swasta dan kontrak-kontrak kecil. Sememangnya di mana ada projek-projek yang dibina oleh swasta sama ada berdekatan dengan perkampungan Orang Asli ataupun di dalam kawasan Orang Asli sendiri, antara syarat yang ditetapkan ialah supaya sebanyak mungkin kontrak-kontrak kecil diuruskan oleh Orang Asli itu sendiri. Malah ada sebuah projek yang berdekatan dalam negeri Selangor ini di mana Orang-orang Asli itu dilatih dalam beberapa bidang kemahiran dan mereka kemudian diberi kontrak untuk melaksanakannya. Ini adalah satu dasar dan dasar ini akan berterusan.

Dengan kata-kata itu, Tuan Pengerusi, saya sudah dengan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat semua yang telah mengambil perhatian dalam perbincangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM43,558,900 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM43,558,900 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus enam belas juta empat ratus tujuh puluh dua ribu tujuh ratus enam puluh ringgit (RM4,316,472,760) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut;

hendaklah disahkan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) (No.2) 2001 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus enam belas juta empat ratus tujuh puluh dua ribu tujuh ratus enam puluh ringgit (RM4,316,472,760) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut;

hendaklah disahkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak empat bilion tiga ratus enam belas juta empat ratus tujuh puluh dua ribu tujuh ratus enam puluh ringgit (RM4,316,472,760) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2001, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut;

hendaklah disahkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 4.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.43 malam.

